

DR.3.5.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 3 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) bagaimanakah perkembangan bagi Kempen Kitar Semula yang telah dilancarkan di seluruh negara baru-baru ini; dan
- (b) selain daripada membekalkan tong sampah-sarap mengikut kategori sampah, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memastikan setiap isi rumah mesti mengkategorikan sampah-sarapnya sendiri sebelum dikutip oleh kereta sampah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Kempen Kitar Semula telah dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 2 Disember 2000 yang lalu. Sehingga kini sebanyak 29 buah pihak berkuasa tempatan telah dipilih untuk program perintis kitar semula ini. Kesemua pihak berkuasa tempatan ini telah pun dibekalkan dengan tong kitar semula dan mereka telah pun meletakkan tong kitar semula tersebut di lokasi yang sesuai yang mana mudah bagi orang ramai untuk membuang barangan kitar semula mereka, contohnya di pusat membeli-belah, tempat ibadat, pejabat kerajaan dan sebagainya.

Pihak berkuasa tempatan ini juga telah pun menetapkan lokasi pusat pengumpulan yang mana memudahkan orang ramai membawa bahan kitar semula

mereka serta mendapat pulangan daripada segi wang pada waktu yang sama.

Kementerian saya juga memastikan agar orang ramai diberi pendedahan bagaimana cara untuk mengasingkan sampah mereka kepada kategori mengikut warna tong itu. Iklan di surat khabar, televisyen dan radio telah pun disiarkan dan ianya mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

Setakat ini, pelbagai pihak telah pun menghubungi Sekretariat Kitar Semula di bawah kementerian saya untuk menyatakan kesanggupan mereka bekerjasama dengan kementerian saya. Pihak yang dimaksudkan seperti NGO, individu, syarikat swasta dan juga terdapat beberapa institusi yang berminat. Kementerian saya juga telah pun menetapkan tarikh untuk pelancaran Program Perintis Kitar Semula peringkat negeri yang mana ianya merangkumi hampir di semua kawasan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan kitar semula ini. Ianya bermula sejak bulan Februari yang lalu sehinggalah ke bulan September tahun ini.

- (b) Buat masa ini, program perintis kitar semula ini hanya menitikberatkan kawasan pusat pengumpulan sebagai langkah awal menyedarkan orang ramai betapa pentingnya proses kitar semula. Kementerian saya memang sedang menyediakan pelan tindakan kitar semula bagi tempoh lebih panjang sebagai lanjutan daripada program perintis yang tersebut.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menurut laporan akhbar terdapat sebilangan tong kitar semula telah digunakan sebagai tong sampah biasa sehingga penuh dengan bermacam-macam sampah sarap. Berapakah serius keadaan seperti ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan.

Dan minta penjelasan juga, berapa buah kilang atau syarikat yang aktif dalam kerja pengutipan barangan kitar semula pada masa kini. Adakah kementerian akan melantik dan menerbitkan senarai nama syarikat yang bertanggungjawab dalam

kerja pengutipan mengikut daerah supaya kerja pengutipan barangan kitar semula ini dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan berkesan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana begitu banyak tong ini telah diedarkan dan diletakkan di banyak tempat, sebanyak 2,360 set tong ini telah diletakkan. Memang tidak dinafikan untuk peringkat awal ini masih ramai orang awam tidak sedar dan tidak ada pengetahuan tentang kitar semula. Dia tengok sahaja tong tidak kira apa warna apa, dia buang sahaja apa-apa sampah. Itulah sebabnya kempen ini sangat penting dan saya sendiri sudah baca dalam surat khabar memang ada di negeri Selangor, ada tong diletakkan di sesuatu tempat tetapi tidak dikutip bahan-bahan buangnya.

Jadi, saya telah semak perkara ini dan dilaporkan balik, iaitu pihak Alam Flora tidak ada satu koordinasi yang baik dengan pihak yang meletakkan tong itu. Maka saya telah beri arahan supaya semua pihak yang terlibat tidak kira ia konsortium ataupun pihak berkuasa tempatan tetap kena kawal selia menjalankan tugas menyelaraskan dengan baik. Kalau sekiranya kelemahan ini wujud maka kempen ini tidak akan mencapai sasarannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini terdapat 17 pengilang bahan kitar semula (*recycles*) yang telah terlibat. Antara nama yang terkenal ialah Malaysian Newsprint Industry (MNI), Genting Sun Yen dan juga banyak lagi kilang kertas yang lain. Terdapat juga 11 pertubuhan bukan kerajaan, NGO yang aktif, terdapat empat persatuan pengilang bahan kitar semula juga terlibat. Ada banyak persatuan penduduk dalam proses menyediakan pusat pengumpulan dan syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal, iaitu Alam Flora dan Southern Waste juga merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam beberapa segi tugasnya.

Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebut tadi ini masih dalam peringkat awalan, kita perlu berusaha lagi untuk meningkatkan kesedaran.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sama ada pihak kementerian akan menggalakkan pihak berkuasa tempatan dengan tindakan bersepadu supaya kita dapat mewujudkan kesedaran yang tinggi antara penduduk dengan mengamalkan cara iaitu dengan memastikan bahawa tiap-tiap pemilik rumah mesti diberi kad janji iaitu *promise card*, dengan izin, supaya mereka laksanakan dengan berkesan. Dengan mengadakan garis panduan dalam kad janji itu yang mana apa yang boleh

dibuang dan apa yang tidak boleh dibuang dan barang-barang yang boleh dipakai balik.

Jika boleh, wujudkan kedai barangan terpakai oleh pihak berkuasa tempatan supaya mereka boleh buang sampah itu seperti bila sebuah meja itu cuma patah satu kaki boleh dihantar ke sana untuk dibaiki dan menggunakan balik supaya betul betul boleh mewujudkan matlamat 3R iaitu (*reduce, recycle, reuse*) dengan berkesan seperti yang diamalkan oleh pihak negara Sweden yang mana mereka ada mengeluarkan kad janji kepada penduduk di negara itu. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan ataupun pandangan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah itu merupakan antara perkara yang sedang diteliti ataupun ditimbang oleh kementerian saya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kementerian saya telah melakukan lawatan kerja ke Denmark dan Germany dan kami telah pun ada perbincangan ataupun persefahaman dengan pihak Danish Corporation for Environment and Development (DANCED). Pada tahun depan kalau sekiranya semuanya tidak ada apa-apa perkara di luar dugaan yang berlaku, kementerian saya akan bekerjasama dengan DANCED ini untuk menyediakan pelan tindakan yang lebih menyeluruh memandangkan Denmark memang merupakan sebuah negara yang sangat berjaya dari segi kitar semula. Mereka telah mulakan kempen ini sejak 20 tahun lebih dahulu dan pelan induk (*master plan*) mereka ialah menjelang tahun 2004 di negara mereka tidak ada lagi tapak pelupusan (*sanitary landfill*). Mereka sanggup untuk kitar semula apa yang boleh kitar semula dan apa yang tidak boleh kitar semula mereka boleh menggunakan cara-cara lain. Jadi, nampaknya itu ada satu model yang baik.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Mohamed Sayuti bin Said (Kuala Selangor) tidak hadir]

3. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah tindakan kerajaan meningkatkan kemampuan pertahanan negara berikutan sindiran Menteri Kanan Singapura yang menjemput negara-negara jiran menyerang negara itu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, sindiran Menteri Kanan Singapura untuk menjemput negara-negara

jiran menyerang itu adalah satu kenyataan *provocative* yang berbentuk kebudakan. Kenyataan beliau ini adalah dorongan daripada pertimbangan yang tidak sensitif terhadap jiran, mungkin dijanakan oleh perasaan besar diri kerana memikirkan keupayaan ketenteraan mereka sudah di taraf kebal, dengan izin, *impregnable* daripada pelbagai bentuk serangan.

Bagaimana pun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam peperangan tidak ada pertahanan negara yang boleh dikatakan *impregnable*. Contoh terbaik dalam sejarah semasa Perang Dunia Kedua iaitu sebelum penaklukan Semenanjung Malaya, Lt. Gen. Percival pernah menyatakan bahawa pertahanan Singapura adalah kebal, namun apa yang telah terjadi kepada Singapura pada Februari pada 1942, ia jatuh sebelum pertempuran bermula. Begitu juga di Bar-Lev Line, (garis pertahanan Israel di Terusan Suez) yang dikatakan *impregnable* sebelum tahun 1973 dan dianggap oleh panglima-panglima Israel akan menjadi kubur tentera Mesir sekiranya diserang. Hakikat yang terjadi pertahanan Bar-Lev Line musnah dalam masa 24 jam pada bulan Oktober 1973 dan Israel hampir kalah kalau tidak diselamatkan oleh sekutunya.

Kenyataan angkuh sedemikian selalunya diucapkan oleh pemimpin yang tidak rasional, yang kurang arif dalam ilmu peperangan kerana peperangan itu mempunyai pelbagai elemen, kebarangkalian atau *probability* apabila menjadi kenyataan.

Dasar pertahanan Malaysia adalah jelas bertujuan untuk mempertahankan kepentingan negara yang berlandaskan strategi cegah rintang atau *deterrence*, dengan izin, dan berdikari, *self reliance*, dengan izin,. Pembangunan pertahanan kita ini sama sekali tidak dipengaruhi oleh mana-mana negara luar walaupun daripada kenyataan *provocative* mana-mana pihak. Namun demikian, kerajaan akan mengambil iktibar daripadanya. Usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan ketenteraan kita adalah satu proses tindakan kesinambungan pembangunan yang diteruskan atas keperluan gantian, memantapkan dan meningkatkan teknologi peralatan dan kelengkapan sistem pertahanan yang sedia ada.

Usaha ini semestinya memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Oleh itu, Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan pertahanan yang lebih tinggi daripada sekitar 2.5% KDNK kepada tidak kurang daripada 3.5% KDNK pada setiap tahun sehingga matlamat pembangunan pertahanan yang disasarkan tercapai.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini Malaysia agak menghadapi masalah termasuk dengan Indonesia, Thailand di mana Thaksin telah membuat kenyataan kononnya mereka itu dilatih di Malaysia dalam mengebom di Thailand tetapi secara itu tidak serius. Apakah pandangan Timbalan Menteri, pandangan yang dikeluarkan oleh Menteri Kanan Singapura itu mereka rasakan kerana mereka telah memiliki alat pengitip satelit yang bernilai RM1 bilion yang diusahakan bersama dengan Israel dan yang telah dilancarkan, sedang berada dan buat pengintipan sekarang ini, telah pun berada di orbit dan mereka tahu barangkali peralatan, pergerakan tentera kita termasuklah kelemahan udara di mana kapal terbang kita yang dibeli masih terdampar di Arizona, Amerika Syarikat dan cara Malaysia menghadapi Al-Maunah, satu perkara yang pelik sepatutnya 30 orang dihadapi oleh pasukan komando tetapi berapa batalion dikerahkan untuk menghadapi Al-Maunah. Ini menyebabkan barangkali pihak Menteri Kanan Singapura nampak gaya kita menghadapi satu perkara itu kita berada dalam keadaan lemah. Minta sedikit komen perkara ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Seperti yang saya sebut di peringkat awal dalam sistem peperangan ini tidak bergantung kepada keupayaan negara itu mempunyai peralatan yang canggih. Kalau kita mengimbuai sejarah peperangan dunia sama ada Peperangan Dunia Pertama mahupun Kedua dan juga daripada contoh-contoh yang saya ungkapkan tadi jelas Perang Dunia Kedua kita dapat melihat bagaimana Hitler dahulu mempunyai kuasa bala tentera yang begitu ramai, peralatan yang begitu canggih berbanding dengan askar-askar daripada United Kingdom tetapi mereka tidak dapat membolosi kepulauan United Kingdom oleh kerana semangat rakyat yang begitu kental, kesatuan dan kearifan mereka dalam pelbagai bidang. Peralatan tidak boleh memberi jaminan seratus peratus bahawa negara itu akan berkeupayaan untuk menakluki mana-mana negara dan juga akan dapat mempertahankan.

Begitu juga contohnya peperangan Vietnam, kalau daripada segi peralatan sudah pasti jelas Amerika Syarikat mempunyai peralatan yang lebih jauh sama ada daripada segi bilangan, daripada segi teknologi yang begitu baik sekali tetapi tidak dapat menandingi semangat di kalangan rakyat yang ada di Vietnam itu.

Maka dengan itu, amat penting sekali kedudukan yang ada pada hari ini rakyat harus ada semangat cintakan negara. Harus ada semangat daripada segi ingin melihat agar negara mereka aman dan tenteram, termasuklah kumpulan-

kumpulan Al-Maunah ini. Perkara ini kita kecewa kerana ada pihak-pihak tertentu yang menghasut pihak-pihak ini untuk mengadakan perkara-perkara yang boleh memudaratkan bukan hanya amalan agama, bahkan juga ketenteraman negara kita. Kita berharap rakyat di peringkat akar umbi tidak akan dapat diadu-domba pemikiran mereka dan hati mereka tertarik dengan perkara-perkara yang boleh kelak membinasakan bukan hanya diri mereka, bahkan generasi-generasi yang mendatang.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan. Memang akhir-akhir ini keselamatan negara kita tidak dapat dinafikan selalu diganggu dan diacah oleh pihak luar terutama sistem pertahanan negara kita. Memang dalam menghadapi peperangan yang serba canggih ini, peralatan yang betapa hebat dan canggih sekalipun tidak boleh kalau sekiranya semangat rakyatnya kental tetapi sayang generasi muda di negara kita ini ramai yang masuk pusat-pusat serenti dan semangat cintakan negara telah begitu berkurang

Apa yang saya ingin tahu ialah tentang radar di Kuantan itu, adakah termasuk juga mengawal ruang udara kita daripada segi keselamatan dan pertahanan negara daripada dicerobohi oleh pihak luar dan bagaimana dengan satelit yang pernah dilancarkan, adakah tidak sama kalau pun tidak lebih, adakah tidak sama canggihnya dengan yang ada di negara jiran kita ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Saya tidak begitu jelas sekali tentang persoalan yang terakhir tadi mengenai dengan satelit dilancarkan, satelit yang mana satu ini yang dilancarkan?

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Satelit....satelit apa tadi....satelit yang

Seorang Ahli: Measat.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Measat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [Ketawa] Measat. Okay terima kasih. Ingatkan satelit ketenteraan kita, Measat itu lain sedikit. Cuma radar yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun mengenai di Kuantan ini, memang kita tahu bukan hanya di Kuantan, beberapa tempat kita tempatkan di Johor, di Malaysia Timur, di Sabah dan di Sarawak. Radar-radar ini kita tempatkan di lokasi-lokasi yang bersesuaian untuk mengenal pasti dalam lingkungan 200 kilometer jarak jauhnya untuk mengenal pasti agar negara kita tidak dapat dibolosi.

Begitu juga dengan beberapa radar yang boleh mengenal pasti kapal-kapal di perairan Selat Melaka. Kita mempunyai radar yang sedemikian rupa – mengenal pasti bilangan bot dan berbagai-bagai dengan tujuan agar pertahanan negara dapat kita tangani dengan baik.

Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan keadaan ini tidak boleh menjamin seratus peratus bahawa negara kita tidak akan dapat dibolosi. Jelas kelihatan seperti kejadian-kejadian yang lain. Bukan hanya di negara kita, rantau pada hari ini, rantau Asia dan beberapa benua di negara ini menghadapi pelbagai masalah dan banyak hikmahnya.

Kita dapat melihat hari ini di Filipina. Kita dapat melihat bagaimana berlaku di beberapa negara di dunia ini. Akhirnya hikmah, petunjuk daripada Allah S.W.T. ialah penyatuan dan perpaduan rakyat di negara itu adalah menjadi tunggak. Bagaimana banyak belanja yang kita gunakan kalau rakyat tidak ada penyatuan, tidak ada perpaduan, tidak akan bermakna langsung sistem yang ada di negara kita ini.

4. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai sehingga kini dari segi jumlah penempatan bagi menggalakkan majikan swasta mewujudkan peluang pekerjaan untuk orang kurang upaya dan bagaimanakah sambutan majikan terhadap program tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Beluran.

Sejak tahun 1990, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakan Penggajian Orang Kurang Upaya (OKU) di sektor swasta dengan Kementerian bertindak sebagai urusetia. Hasilnya, kementerian ini melalui Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia telah berjaya mendaftarkan seramai 3,386 OKU yang memerlukan pekerjaan. Seramai 2,271 telah berjaya ditempatkan dalam pelbagai pekerjaan di seluruh negara dan seramai 1,715 penempatan oleh agensi-agensi lain.

Pecahan penempatan mengikut kecacatan adalah seperti berikut:

Kecacatan	Jumlah (orang)
Penglihatan	609
Pendengaran	1,444
Kecacatan anggota	1,684
Mental	249

Jumlah	3,986
---------------	--------------

Kementerian ini sentiasa berusaha memberi galakan kepada majikan melalui lawatan-lawatan promosi dan aktiviti Jawatankuasa Pendaftaran Dan Penempatan OKU di daerah dan negeri.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia juga menganjurkan beberapa bengkel dan seminar termasuk yang dibiayai oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk meningkatkan lagi penempatan OKU di sektor pekerjaan. Hasilnya untuk setahun dua kebelakangan ini sebanyak 294 majikan telah menggaji OKU. Di dalam penggajian OKU, majikan tersebut telah mengambil langkah-langkah menyediakan kemudahan bagi OKU dengan mengambil kira beberapa fakta termasuk penyesuaian pekerjaan, keselamatan, kemudahan infrastruktur, pembinaan *ramp*, lif, tandas dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain agensi yang terlibat dengan OKU sedang menyediakan cadangan kepada kerajaan untuk meningkatkan penempatan OKU di tempat kerja. Antara cadangan adalah menyediakan data maklumat, menambahkan peluang latihan/pekerjaan kepada OKU, mengubah persepsi majikan, masyarakat dan OKU sendiri di dalam kerjaya.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, soalan tambahan. Saya hendak mengucapkan syabas kepada syarikat-syarikat yang telah mengambil seramai 3,386 orang OKU ini ke dalam organisasi mereka tetapi pada saya jika kita bandingkan keperluan World Health Organisation, umpamanya, di mana menghendaki seramai 1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara itu yang cacat untuk diserapkan dalam mana-mana organisasi. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk kita, jumlah 3,386 ini merupakan satu jumlah yang amat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkemaskan pelaksanaan akta yang ada di negara kita ini untuk mengkehendaki pihak-pihak swasta mengambil seperatus daripada tenaga kerja mereka di kalangan OKU ini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan penguatkuasaan secara lebih efisien? Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat bagi Beluran telah membuat kajian. Memang betul 1% daripada penduduk sesebuah negara adalah

terdiri daripada orang-orang yang kurang upaya. Jikalau kita ambil purata, walaupun saya tidak ada statistik, penduduk negara 22 juta lebih kurang 220,000 orang yang terdiri daripada orang yang kurang upaya.

Walaupun bagaimanapun, kita sudah pun mengadakan seminar mengenai kebajikan orang-orang kurang upaya pada bulan Mac 2001 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan antara cadangan-cadangan yang kita ambil kira adalah trend di Jepun umpamanya, atau di negara-negara maju di mana diwajibkan, dikhususkan satu akta khusus dasar yang membela golongan OKU ini di mana syarikat-syarikat besar, umpamanya di Jepun dikehendaki mengambil 1% daripada kakitangan mereka atau jika mereka tidak mahu mengambil 1% pekerja ini, gaji yang patut dibayar yang berjumlah 1% ini dimasukkan dalam tabung khusus bagi membangun kebajikan orang-orang kurang upaya.

Jadi, setakat ini kita mengadakan pendekatan *persuasive*, dengan izin. Belum lagi ada cadangan seperti jawapan saya yang asal bahawa kita akan mengadakan perbincangan yang lebih khusus dengan kementerian-kementerian lain bagi membuat dasar-dasar yang menguntungkan kepada orang-orang yang kurang upaya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri dan tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil langkah-langkah yang khusus untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang kurang upaya. Saya ingin mendapat maklumat lanjut berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan selain daripada menggalak majikan-majikan swasta mengambil pekerja-pekerja kurang upaya, bagaimana pula dengan sektor awam iaitu kakitangan kerajaan kerana saya rasa pihak kerajaan juga perlu mengambil inisiatif tinggi untuk meningkatkan bilangan pekerjaan bagi orang kurang upaya di sektor awam.

Tambahan pula, di sektor swasta dan juga di sektor awam sekali, pejabat-pejabat tidak mempunyai kemudahan asas bagi orang kurang upaya. Adakah kerajaan akan memberikan insentif untuk menggalakkan majikan menyediakan kemudahan asas ini dan juga memberi galakan kepada mereka untuk menggaji orang-orang yang kurang upaya. Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi seperti insentif, kemudahan-kemudahan yang patut diberikan kepada sektor swasta, bagi

menyediakan kemudahan-kemudahan yang kondusif untuk orang-orang kurang upaya ini bekerja ini memang kita bincang secara terperinci dan kertas dasar sedang digubal oleh kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian lain.

Di sektor awam, saya percaya, dengan izin, *charity always begins at home*, sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa bertanggungjawab, dasar-dasar untuk memberi kemudahan dan peluang untuk orang kurang upaya memang kita sediakan bagi mereka ini. Terima kasih.

5. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kewibawaan dan keberkesanan badan penapisan bahan penerbitan dan filem dalam mengawal bahan seperti majalah hiburan, VCD, filem dan sebagainya. Adakah anggota penapisan tersebut turut terdiri daripada ahli agama yang berwibawa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah jawapan untuk menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Tugas penapisan bahan penerbitan yang diedarkan di negara ini adalah dilakukan oleh Unit Kawalan Penerbitan Kementerian Dalam Negeri. Pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas penapisan adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan, pengalaman, berkemahiran dalam bidang tersebut.

Manakala tugas penapisan filem pula dilaksanakan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di Kementerian Dalam Negeri. Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem adalah terdiri daripada bekas pegawai kanan kerajaan yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuklah mereka yang mempunyai kelulusan tinggi dalam bidang agama dari universiti dalam dan juga luar negara.

LPF dalam menapis filem VCD dan lain-lain format filem untuk tayangan atau edaran di negara ini adalah berpandukan kepada garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan dan garis panduan penapisan filem tersebut adalah komprehensif dan mengandungi garis peraturan mengenai babak, dialog dan tema filem dan tidak boleh diluluskan, adalah filem-filem yang mengandungi unsur-unsur yang negatif dan memudaratkan dalam aspek-aspek keselamatan, sosiobudaya, ideologi dan juga politik, keagamaan serta peradaban dan ketata susilaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah tegas dan menyeluruh bagi mengawal bahan penerbitan dan filem seperti majalah

hiburan, VCD dan sebagainya. Pihak penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama kementerian dan juga jabatan-jabatan berkaitan sentiasa membuat operasi secara berterusan bagi memastikan bahan penerbitan dan filem yang diedarkan di negara ini tidak bercanggah dengan undang-undang dan juga sedang berkuat kuasa. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dihebohkan dengan kemasukan filem-filem Bollywood yang menggemparkan seluruh rakyat di Malaysia ini termasuklah pihak mufti. Seluruh mufti telah menyuarakan rasa kesal dan tidak puas hati terhadap kemasukan filem-filem Bollywood ini.

Saya ingin tahu sama ada filem-filem Bollywood ini telah pun ditapis dan telah pun diiktiraf secara keseluruhannya mengikut kaedah-kaedah yang telah diberikan oleh pihak kerajaan sebentar tadi.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan terawal tadi, semua filem ini kita tapis dan telah kita kaji. Tetapi kita tidak juga pula hendak mengkaji tentang andaian penerimaan orang ramai terhadap filem ini yang kononnya berada dalam keadaan terlalu mengghairahkan orang ramai.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak penapisan filem dan lain-lain agensi sentiasa berhati-hati pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hendak tahulah ini masalah penayangan filem yang dibuat oleh badan penapisan dan dalam jawatankuasa itu ada terlibat sama, difahamkan orang yang berilmu dalam bidang agama. Jadi, saya hendak tahulah filem-filem yang ditayangkan ini kadang-kadang masih ada lagi yang berunsur seks. Tidak bolehkah terus potong sahaja cerita-cerita bab cium ini tidak ada lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan tengok. Siapa suruh tengok?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terus potong, habis cerita sebab benda ini boleh merosakkan generasi muda-mudi akan datang, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Jadi, saya harap yang kalau pakar agama itu, kalau saya duduk di situ, ini cium memang haram, potong! Tak ada cerita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan tengok!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Jadi, bolehlah mengganti, kalau tidak dibiarkan semua suka tengok. *[Disampuk]* Sekarang ini pula sudah canggih dia punya....

Tuan Yang di-Pertua, ini Ahli-ahli Yang Berhormat dekat belakang ini ganggu sayalah, *[Ketawa]* boleh ambil tindakan atau tidak, halau keluar daripada Dewan? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi nampak tidak berapa serius ini. Cakap betullah, saya pun tahulah, kita pun ada anak. Jadi, kalau tengok tayangan filem yang sudah memang.....adalah unsur yang tidak patut ditayangkan. Apa benda yang kita hendak biarkan ditayang, potong terus, habis.

Ini orang yang beragama ini beritahu dialah suruh potong cerita itu, tidak ada...jadi biarkan yang biasa sahaja, yang elok. Yang ada agak lain macam, potong! Kita ada anak, kalau kita tidak tengok, anak kita tengok. *[Disampuk]*

Jadi, saya harap boleh atau tidak mengambil perhatian serius dalam masalah penapisan filem ini, terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebrau. Bila soal potong memotong ini, kita hendak banyak-banyak potong ini pun, kita pun langsung tidak ada apa benda yang kita hendak tengok, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, kita boleh potong melalui persembahan kita melalui Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain agensi kita tetapi masalah yang kita hadapi hari ini ialah Internet yang mana tidak ada potong langsung – hijau, biru, bulat pun semua ada, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tebrau tadi. Kita akan lihat dari pelbagai aspek – aspek-aspek yang saya katakan tadi supaya kita dapat mengurangkan keadaan-keadaan yang lebih boleh memburukkan keadaan kita.

Walau bagaimanapun, kita sama-samalah sebagai ibu bapa adalah bertanggungjawab tentang pengawasan anak-anak kita. Jadi, sebagaimana yang telah dinyatakan, anak kita itu adalah tanggungjawab kita, amanah kita. Jadi, hendak

men'serankan, hendak 'yahudikan, hendak hitam, hendak putih adalah tanggungjawab ibu bapa.

Jadi, saya harap kita semua mesti bertanggungjawab. Kalau misal kata hendak beri komputer kepada anak itu jangan letakkan dia dalam bilik seorang diri, kalau letak dalam bilik seorang diri berbagai-bagai gambaran akan dilihat oleh anak-anak kita. Letakkan di tempat yang ramai, jadi kalau dia tengok pun benda-benda yang baik-baik sahaja. Terima kasih.

6. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihaknya tidak bercadang untuk melanjutkan umur persaraan anggota lain-lain pangkat (LLP) dalam perkhidmatan tentera seperti tahap umur persaraan anggota perkhidmatan awam yang lain.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ATM adalah sebuah agensi kerajaan yang unik. Salah satu keunikannya ialah profesion ketenteraan memerlukan ramai tenaga muda, cergas dan bersemangat untuk melaksanakan fungsinya. Oleh itu, syarat-syarat penugasan askar, laskar dan pentauliahan pegawai berbeza daripada perkhidmatan awam.

Mengikut peraturan yang ada askar-askar berpencen setelah berkhidmat 21 tahun. Namun untuk mereka yang berkepakaran teknikal dan ikhtisas serta di dalam keadaan tertentu dibenarkan menyambung perkhidmatan sehingga umur 55 tahun. Peraturan semasa didapati masih lagi sesuai dan relevan berlandaskan kepada keperluan keunikan ATM.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berhubung dengan faktor umur ini kalau kita lihat ramai tentera kita yang bersara sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi dalam tempoh perkhidmatan 21 tahun. Umur mereka masih dalam lingkungan 40-an.

Jadi, kadang-kadang 'demo' [*Ketawa*] dia orang ini lebih [*Disampuk*] - minta maaf, lebih memilih kepada bersara sebab dapat ganjaran dan sebagainya. Tetapi apabila mereka telah bersara mereka akan menghadapi masalah-masalah lain, masalah kewangan dan menghadapi masalah dalam kehidupan kerana itu juga kita lihat ada di kalangan bekas-bekas tentera ini yang terlibat di dalam rompak bersenjata dan juga pengedaran senjata-senjata haram, penyeludupan dan sebagainya.

Jadi, adakah kementerian dapat memikirkan supaya mereka yang bersara ini, yang memilih untuk bersara ini dapat mendisiplinkan diri dan juga menghadapi hidup

dengan cabaran di luar ini sebagaimana orang biasa dan tidak memilih cara yang tidak baik dalam kehidupan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang telah membangkitkan persoalan itu. Memang kita akui bahawa mereka selepas perkhidmatan 21 tahun ini adalah tergolong daripada generasi yang masih dianggap sebagai tenaga yang masih muda iaitu dalam lingkungan 40 tahun ke atas, maka dengan itu pihak kementerian telah mengambil beberapa tahun untuk melatih mereka, didedahkan dengan pelbagai kemahiran. Apabila sampai tempoh mereka hendak bersara kita akan masukkan mereka untuk sistem peralihan di mana selama jangka masa enam bulan kita latih mereka, didedahkan dengan pelbagai kemahiran, ada yang minat dalam bidang elektronik, kita dedahkan dengan elektronik, dengan mekanikal, kita dedahkan dengan mekanikal, perhotelan juga kita dedahkan ataupun perniagaan peruncitan.

Bukan hanya daripada sudut latihan kita dedahkan kepada mereka bahkan juga dari segi kemudahan-kemudahan pinjaman, contohnya dalam lingkungan RM5,000, RM10,000 untuk dipinjamkan kepada mereka agar kelak apabila mereka keluar di pasaran yang agak terbuka, yang begitu kompetitif mereka ini akan bersedia kerana kita tahu dalam perkhidmatan ketenteraan ini agak unik dan berdisiplin yang mempunyai peraturan seharian berdasarkan dengan command, dengan izin, setiap hari mereka menunggu command daripada pihak atasan. Manakala di pihak mereka berhadapan dengan open market, di luar mereka tidak memerlukan lagi bimbingan, mereka berhadapan dengan keadaan suasana yang begitu kompetitif, maka dengan itu pihak kementerian amat prihatin dan telah mengambil beberapa langkah termasuk seperti apa yang telah saya nyatakan.

Begitu juga dengan langkah-langkah untuk menyediakan mereka supaya lanjutan persekolahan. Contohnya, apabila mereka masuk dalam lingkungan tingkatan lima ataupun tingkatan tiga kita gerakkan mereka, galakkan mereka untuk meningkatkan ilmu mereka sehingga sarjana muda, sarjana, kelak dengan izin, *second chance* mereka peluang yang kedua untuk membolehkan mereka dimasukkan ke pasaran yang begitu baik di masa yang akan datang. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan saya amat prihatin dengan bekas tentera ini.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa sebahagian besar daripada mereka bersara dalam umur yang masih lagi produktif. Saya dimaklumkan bahawa selepas diberi latihan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi dan juga mereka diberi peluang pinjaman, sehingga hari ini masih ada lagi 300,000 bekas-bekas tentera yang menganggur, ini daripada laporan Persatuan Bekas Tentera.

Jadi, dalam soal ini dalam masa yang sama kita melihat negara kita membenarkan kemasukan buruh asing yang begitu ramai, kalau dulu 2 milion, sekarang mungkin ada dalam 900,000 orang. Dalam keadaan yang begini kita nampak ada penyelarasan yang tidak kena yang berlaku di negara kita.

Saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah mengaddresskan masalah ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat apakah tindakan kementerian buat masa ini untuk menentukan supaya bekas anggota tentera yang merupakan manusia yang telah kita ajar sebagai manusia yang berdisiplin dapat kita letakkan di pasaran, dapat mereka ini menanggung hidup mereka dengan baik dan juga menjadi catalyst kepada perubahan ke arah masyarakat yang berdisiplin. Apakah tindakan kementerian yang telah diambil ke arah itu. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Arau tentang persoalan yang amat penting sekali ini.

Tentang bilangan tadi saya kurang pasti sama ada bilangan itu amat tepat, dalam anggaran kita ada dalam lingkungan 120,000 hingga 150,000 orang anggota yang masih di dalam pasaran. Kita melihat bahawa perkara ini amat serius sekali, maka dengan itu Yang Berhormat Menteri Pertahanan baru-baru ini melancarkan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran dan jabatan ini akan mengumpul data dan jabatan ini bukan hanya mengumpul data, bahkan juga membantu bekas-bekas pesara ini khususnya veteran-veteran, termasuk veteran dan juga pesara ini untuk dibantu oleh pihak kerajaan tentang pelbagai permasalahan. Contohnya hendak mengambil lesen teksi, hendak mengambil lesen perniagaan, hendak mengambil pinjaman dan jabatan ini akan membantu kita.

Satu majlis telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan ini melibatkan bukan hanya pihak-pihak kementerian tertentu seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, kementerian-kementerian yang relevan. Majlis ini akan bertanggungjawab untuk memantau, contohnya seperti

Yang Berhormat sebutkan tadi bagaimana masalah buruh yang ada kita bergantung kepada pasaran luar.

Kita tekankan di sini dalam majlis itu untuk membuat satu ketetapan sebahagiannya ialah sebelum tawaran dibuat kepada buruh luar ataupun buruh asing, eloklah dirujuk semula kepada jabatan ini di mana kita mempunyai kepakaran dan bilangan tertentu dalam data kita yang mana bersesuaian untuk diambil sebagai pekerja-pekerja. Contohnya *security guard*, contohnya sebagai personal manager dari segi pelbagai bidang. Mereka mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu askar ini maklumlah telah didedahkan beberapa tahun, maka dengan itu kita berharap dengan adanya jabatan dan juga majlis ini, insya-Allah, kita akan sedikit sebanyak dapat membantu bekas veteran dan juga pesara-pesara tentera ini. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) tidak hadir]

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap) tidak hadir]

9. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai pendekatan yang lebih efektif dalam mendaftarkan masyarakat luar bandar di Sarawak untuk sijil kelahiran dan kad pengenalan memandangkan pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Malaysia tidak begitu berkesan.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bintulu, setakat ini pendekatan mengadakan Program Lawatan Khas di kawasan pedalaman Sarawak adalah merupakan salah satu cara yang berkesan bagi menyelesaikan masalah ketiadaan dokumen pengenalan di kawasan-kawasan tersebut. Sejak Program Lawatan Khas ini dijalankan dianggarkan tidak kurang daripada 140,000 orang telah pun memperolehi sijil kelahiran dan kad pengenalan.

Walau bagaimanapun, kekurangan sambutan dan kekurangan kesedaran penduduk tersebut menyebabkan masalah tersebut berlaku secara berterusan dan tidak diselesaikan sepenuhnya dengan masa yang singkat. Oleh yang demikian, operasi lawatan khas tersebut hanya dapat menyelesaikan masalah mereka yang telah lama lahir sedangkan kelahiran baru akan terus menjadi masalah kerana kelahiran tersebut tidak didaftarkan.

Memandangkan keadaan tersebut terus berlaku pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan operasi lawatan khas bergerak secara besar-besaran yang meliputi semua kawasan pedalaman di seluruh negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan operasi ini tertakluk kepada kemampuan kewangan yang dimiliki oleh Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, mulai 31 Mac 2001 pasukan kaunter bergerak, JPN negeri Sarawak juga telah mula melancarkan gerakan pendaftaran tahunan khususnya bagi membantu mereka yang tinggal di kawasan pedalaman di Sarawak.

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak juga telah meletakkan sasaran untuk mendaftarkan pelajar-pelajar sekolah dengan membuat lawatan ke sekolah-sekolah rendah dan juga menengah dalam kawasan-kawasan pedalaman dan juga di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu. Sebelah itu ya. Di mana kawasan

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: *[Disampuk]* Tuaran?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini saya telah bertanya di Dewan ini melalui jawapan bertulis dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberitahu saya bahawa terdapat 17,000 orang anak pelarian Filipina yang menuntut di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah dan daripada 17,000 orang itu terdapat 2,000 orang pelajar anak pelarian Filipina yang belajar di sekolah menengah.

Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen apakah dokumen yang digunakan oleh 2,000 orang pelajar ini untuk memasuki sekolah menengah. Adakah tanpa kad pengenalan mereka ini dapat didaftarkan ataupun adakah hanya menggunakan surat beranak mereka boleh diterima dan mereka ini adalah pelarian, mempunyai status pelarian Filipina dan duduk di negara ini sebagai pelarian.

Jadi, apakah dokumen 2,000 anak pelarian ini yang digunakan untuk mendaftar di sekolah menengah? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan itu soalan yang spesifik yang berkehendakkan penyiasaan yang lebih lanjut lagi, jadi, saya akan mengarahkan pihak-pihak pendaftaran negara di Sabah untuk memastikan supaya apa yang diperlukan dalam menentukan keadaan yang disebutkan itu dapat diberikan perhatian. Terima kasih.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana telah mengetahui bahawa masalah kewangan merupakan masalah yang 'merencat' lebih ramai penduduk luar bandar untuk mendapat kad pengenalan ini. Seperti yang diberitahu semalam bahawa ada program lawatan mobile operation ini tetapi kewangan juga merupakan masalah.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa masalah kewangan dan masalah mendaftar lebih ramai penduduk luar bandar ini mendapatkan kad pengenalan tidak menjadi satu lagi masalah dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Apa pendekatan, apa jaminan yang dibuat oleh kementerian agar masalah kewangan tidak menjadi satu masalah dalam Rancangan Malaysia Kelapan? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi ialah berkaitan masalah kewangan dan kita akan tentukan supaya masalah kewangan ini dapat diberikan perhatian untuk ditambah peruntukan-peruntukan yang lebih lagi. Saya rasa dari masa ke semasa kita akan dapat menentukan tentang pendaftaran yang dibuat ini dapat ditambah lagi tetapi walau macam mana pun kita juga menghadapi masalah-masalah yang didatangkan oleh pihak-pihak pendatang haram ataupun pendatang tanpa izin yang datang daripada masa ke semasa, kemudian selepas itu ada di antaranya yang datang dan lepas itu keluar balik dan lepas itu datang balik.

Jadi, masalah yang macam ini adalah masalah yang ada di tempat-tempat seperti Sabah. Jadi, saya ingin juga mohon kerjasama daripada Yang Berhormat daripada Sabah dan juga Sarawak mana-mana ada masalah yang macam ini dapat diketengahkan kepada kementerian untuk diberi perhatian yang lebih serius lagi. Terima kasih.

10. Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar dua bahagian perkhidmatan (pendaftaran kenderaan dan pengeluaran lesen memandu) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan diswastakan.

Adakah benar, penswastaan bahagian pemeriksaan kenderaan kepada PUSPAKOM selama ini didapati menimbulkan banyak masalah kepada pengguna dan JPJ sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar kerajaan telah memutuskan bahawa aktiviti-aktiviti bagi perkhidmatan pendaftaran dan pelesenan kenderaan serta pengeluaran lesen memandu yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan diswastakan.

Berhubung dengan penswastaan Bahagian Pemeriksaan Kenderaan kepada PUSPAKOM pula adalah tidak benar bahawa ianya telah menimbulkan banyak masalah kepada pengguna dan JPJ sendiri. Sejak aktiviti pemeriksaan kenderaan diswastakan ianya telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna melalui penggunaan pemeriksaan berkomputer di pusat-pusat PUSPAKOM berbanding dengan pemeriksaan kenderaan secara manual yang dilaksanakan oleh JPJ sebelum ini.

Perkhidmatan yang bermutu tinggi yang diberikan oleh PUSPAKOM melalui piawaian yang ditetapkan di pusat-pusat pemeriksaannya telah menyebabkan PUSPAKOM mendapat pengiktirafan ISO 9002. Bagi pihak JPJ pula pemantauan sentiasa dibuat di pusat-pusat PUSPAKOM dari masa ke semasa bagi memastikan PUSPAKOM menepati kriteria dan standard pemeriksaan yang ditetapkan oleh JPJ.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen.

Mengenai tanggungjawab PUSPAKOM ini saya merujuk kepada tragedi kemalangan bas ekspres sewa khas yang telah berlaku di Jalan Pengkalan Hulu, Baling pada 20 April yang lepas. Pertamanya didapati daripada laporan yang diberi secara tidak rasmi mendapati kejadian itu berlaku kerana lebih muatan 52 orang yang didakwa.

Yang kedua, keadaan jalan yang mencerun dan selekoh yang merbahaya. Yang ketiganya, polis sendiri mendapati pemandunya adalah memandu melebihi had masa yang munasabah.

Pertama, dari sudut laporan pihak kementerian sendiri adakah sebelum ini telah menerima satu laporan rasmi berhubung dengan tragedi tersebut yang meragut 13 nyawa dan berikutnya bolehkah pihak PUSPAKOM sendiri ataupun pihak JPJ yang lebih bertanggungjawab mengenakan suatu syarat spesifik iaitu mana-mana bas yang disewakan untuk tujuan trip jauh ini melebihi daripada 100 kilometer

diwajibkan mengadakan pemeriksaan PUSPAKOM terlebih dahulu bagi menjamin kondisi basnya adalah selamat kerana apa yang didakwa daripada tragedi baru-baru ini breknya jem dan muatan yang melebihi had dan saya yakin perkara ini tidak di dalam pemantauan pihak JPJ. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bachok, buat masa ini dasar yang kita ada semua kenderaan awam seperti teksi, bas persiaran, bas kilang, lori semuanya diwajibkan membuat pemeriksaan di PUSPAKOM dua kali setahun. Itu cadangan Yang Berhormat supaya bas yang ingin berjalan ke tempat jauh memang kita tidak wajibkan sekarang.

Mengenai laporan *accident* di Baling, kajian sedang dibuat, laporan rasmi akan sampai ke Kabinet supaya kita boleh memberitahu apa sebab berlakunya *accident* itu.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kenapa JPJ tidak meletakkan pegawai-pegawainya di PUSPAKOM bagi memudahkan orang awam berurusan sekiranya timbul masalah-masalah berkaitan dengan urusan pemeriksaan. *[Disampuk]*

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian dan JPJ sedar bahawa sedikit sebanyak masalah pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM berlaku, oleh itu pihak JPJ telah menubuh satu Jawatankuasa Kawal Selia supaya boleh menjalankan lawatan berjadual dan mengejut kepada PUSPAKOM. Cadangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat supaya kita meletakkan pegawai di PUSPAKOM akan diambil tindakan.

11. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah rancangan segera dan jangka panjang untuk membantu pengusaha bumiputera dalam industri ICT dan nyatakan juga apakah rancangan yang sudah dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk membantu pengusaha bumiputera dalam industri ICT, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan bagi sektor telekomunikasi. Program ini dilaksanakan oleh Telekom Malaysia bagi

membantu usahawan-usahawan bumiputera dalam pengeluaran barangan selular telekomunikasi seperti produk atau *component semi-high-tech*, dengan izin, seperti *hitting tubing, mechanical joint closures, payphones* dan sebagainya.

Di samping itu juga, sejajar dengan Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) pada September 1999, cadangan pembentukan Majlis Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT Bumiputera telah dikemukakan kepada kerajaan.

Antara aktiviti-aktiviti yang akan diberi tumpuan adalah:

- (i) pembudayaan masyarakat ICT Bumiputera;
- (ii) pembangunan sumber manusia ICT bumiputera untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dan rangkaian nilai industri ICT; serta
- (iii) penyediaan kemudahan dan infrastruktur kewangan untuk membantu penglibatan bumiputera dalam industri ICT.

Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Kita tahu bahawa KWSP sedang membantu memberi peluang kepada kira-kira 9.7 juta pencarum untuk mendapatkan komputer. Dan, kita tahu bekalan ini diberi kepada Pos Malaysia dan BSN. Dan, ia sudah tentu akan dimonopolikan oleh kedua-dua agensi ini. Adakah, benar peluang tersebut akan menghalang pertumbuhan ke atas pengusaha-pengusaha kecil terutamanya di kalangan bumiputera? Sila jawab.
[Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembelian Komputer dengan caruman KWSP melalui Pos Malaysia dan BSN tidak menghalang perkembangan dalam segi ini. Ini adalah kerana di bawah Pos Malaysia dan BSN ada beribu-ribu syarikat-syarikat komputer yang mengambil bahagian dalam skim ini, di mana banyak peluang bagi syarikat-syarikat bumiputera dan lain-lain untuk menyertai dalam skim ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Jawapan Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 7, 8 dan 12 hingga 36 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas usul dibuat oleh Perdana Menteri yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan." *[2 Mei 2001]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada lagi 10 kementerian yang hendak menjawab, dan hari ini ialah hari Khamis dan ada ahli-ahli yang hendak pulang lebih awal. Jawapan daripada kementerian-kementerian janganlah terlampau panjang sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat kita sehingga jauh malam. Saya juga hendak memberi notis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu jika dikehendaki, kita akan memanjangkan mesyuarat sehingga selesai perbahasan di atas Rancangan Malaysia Yang Kelapan ini. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan dan yang telah

menyentuh mengenai bidang tugas dan tanggungjawab kementerian ini. Saya akan menumpukan jawapan kepada perkara-perkara yang besar sahaja, oleh kerana seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua mengatakan tadi, kita kesuntukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepang telah membangkitkan beberapa isu mengenai Program Pemulihan Dalam Komuniti. Program ini dikatakan kurang mendapat sambutan dari golongan orang kurang upaya.

Menurut Yang Berhormat lagi, Program Pemulihan Dalam Komuniti dikatakan kurang ceria dan tidak mempunyai kelengkapan yang memuaskan serta tidak ada sistem pengangkutan yang disediakan. Pusat-pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti juga dikatakan kekurangan juru pulih yang bertauliah.

Yang Berhormat bagi Sepang telah mencadangkan supaya ibu-ibu kepada anak-anak istimewa ini diberi pendedahan mengasuh anak-anak mereka. Yang Berhormat juga turut menyarankan supaya diadakan slot di RTM bagi memperkenalkan program-program pemulihan orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk golongan kurang upaya. Di bawah program ini, orang kurang upaya menuruti program pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri supaya dapat mengecap peluang hidup bersama keluarga dan masyarakat serta berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Program ini adalah satu alternatif kepada pemulihan di institusi pemulihan yang terhad kapasitinya. Program Pemulihan Dalam Komuniti ini dilaksanakan melalui kerjasama orang kurang upaya, keluarga mereka, masyarakat serta agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia. Kesemua pihak yang terlibat ini dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti bermula pada tahun 1983 dan telah berkembang pesat dari tahun ke tahun. Sehingga ini terdapat 238 pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti yang memberi manfaat kepada 5,157 kanak-kanak istimewa. Ini adalah kerana adanya keperluan serta masyarakat setempat untuk mendapatkan kemudahan pemulihan, pendidikan dan bimbingan bagi golongan kurang upaya di kawasan masing-masing. Berdasarkan perkembangan ini, kementerian berpandangan bahawa sambutan daripada orang kurang upaya dan masyarakat sendiri adalah begitu menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah Program Pemulihan Dalam Komuniti ialah penerimaan tanggungjawab keluarga orang kurang upaya dan masyarakat setempat terhadap Program Pemulihan Orang Kurang Upaya. Penglibatan aktif ibu bapa di dalam

Program Pemulihan di pusat-pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti merupakan satu yang diberi penekanan oleh kerajaan.

Program-program yang dijalankan di pusat-pusat ini menyediakan peluang penyertaan ibu bapa secara aktiviti di dalam membantu anak-anak mereka yang kurang upaya. Ini adalah untuk menentukan apa yang dipelajari di pusat-pusat tersebut dapat diteruskan dan diperkukuhkan di rumah.

Selain dari itu, para pekerja di pusat-pusat berkenaan turut mengadakan lawatan ke rumah untuk melihat perkembangan kanak-kanak istimewa serta mendidik ibu bapa dan ahli keluarga mereka di dalam program pemulihan.

Jawatankuasa Program Pemulihan Dalam Komuniti juga menjalankan pelbagai komuniti seperti bengkel, ceramah, lawatan sambil belajar serta Hari Keluarga bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada keluarga kanak-kanak istimewa dan masyarakat setempat mengenai program-program yang dijalankan di pusat-pusat Pemulihan dan Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, Program Pemulihan Dalam Komuniti merupakan satu kaedah perkongsian bijak di mana kerajaan berkongsi tanggungjawab dengan ibu bapa serta masyarakat setempat dalam menentukan kejayaan pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Bantuan yang diberikan oleh kerajaan untuk pengurusan Program Pemulihan Dalam Komuniti ialah sebanyak RM500 sebulan, masing-masing bagi elaun guru dan sewa premis dan peralatan. Bantuan bagi pembelian peralatan untuk PDK baru pula diberikan sebanyak RM3,600 secara sekaligus. Jawatankuasa Program Pemulihan Dalam Komuniti juga perlu memainkan peranan dan memenuhi keperluan lain pusat-pusat berkenaan seperti kemudahan pengangkutan dan juga kelengkapan termasuklah aspek rekreasi dan keceriaan.

Pada tahun 2000 sebanyak RM2,305,900 telah diperuntukkan bagi pembaikan dan pembelian peralatan untuk 97 pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum mengenai keperluan untuk mengetengahkan isu orang kurang

upaya kepada umum dan perancangan telah dibuat untuk memaparkan pelbagai isu orang kurang upaya melalui media massa seperti program dan kemudahan yang disediakan serta memaparkan kisah orang kurang upaya yang telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah membangkitkan isu mengenai penggalakan taska di tempat kerja swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan supaya kerajaan mengambil tindakan yang proaktif terhadap penggalakan taska di tempat kerja swasta telah diambil maklum dan tindakan ke arah perkara ini sememangnya sedang diambil.

Satu jawatankuasa Penggalakan Penubuhan Taska di tempat kerja telah diwujudkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri serta badan-badan bukan kerajaan seperti *Malaysian Employees Federation* dan *National Union of Plantation Worker*.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tiki anak Lafe: Sekejap, sekejap. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan dibawa kepada jawatankuasa ini untuk dibincangkan bersama bagi mencapai satu dasar kerajaan ke arah tujuan meningkatkan lagi perkhidmatan pengasuhan di negara ini. Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pusat-pusat taska yang diwujudkan di kalangan syarikat-syarikat swasta. Daripada kajian ataupun yang telah dibuat oleh pihak kementerian, berapa peratus daripada bilangan, umpamanya *multinational corporation* yang mewujudkan taska, dan berapa peratus pula di kalangan jabatan-jabatan kerajaan sendiri yang mewujudkan taska di tempat-tempat kerja mereka? Dengan peratus ini kita dapat tahu setakat mana keseriusan kerajaan dalam betul-betul hendak menangani masalah taska ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jeli. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang terdapat 19 taska yang diwujudkan di tempat-tempat kerja dan 55 taska telah diwujudkan di jabatan-jabatan kerajaan. Mengenai peratusan itu saya kena buat kajian lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Sepang dan juga PJ Utara ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Kesemua pandangan-pandangan tersebut diberi perhatian yang sewajarnya oleh kementerian dan memastikan kebajikan dan juga kesejahteraan rakyat sentiasa dibuat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Mesyuarat***

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita perhatikan bahawa ramai yang sebenarnya keluarga-keluarga miskin kalau kita benar-benar buat *survey* di luar bandar yang mana anak-anak mereka tidak mampu bersekolah.

Jadi, apakah pihak kementerian mempunyai data-data tersebut kerana secara rambang daripada lawatan yang saya buat di Jeli, Gua Musang dan juga Kuala Krai, kita perhatikan besar bilangan keluarga-keluarga yang tidak dapat menyekolahkan anak mereka kerana kemiskinan.

Jadi, saya hendak tanya adakah pihak kementerian mempunyai data-data tersebut supaya dengan data tersebut maka isu anak-anak yang tidak bersekolah ini dapat kita cuba kurangkan? Sekian, terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jeli, sekali lagi terima kasih kerana mengutarakan perkara itu. Pihak kementerian ada data-data tetapi saya terpaksa merujuk kembali kerana saya tidak mempunyai data di sini. Walau bagaimanapun, saya harap Yang Berhormat akan memberitahu saya dan mengingatkan saya supaya memberi data itu kepada Yang Berhormat. Okey yang itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peringat.

Dr. Tiki anak Lafe: Habis sudah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Habis sudah?

Dr. Tiki anak Lafe: Habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri? Ha, sudah habis jawab?

Dr. Tiki anak Lafe: Habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sudah habis jawab. Sekarang saya jemput Kementerian Penerangan.

11.17 pagi.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Penerangan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Kepong mencadangkan supaya Kementerian Penerangan memberi peluang kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar untuk memberikan penjelasan berkaitan ulasan beliau ke atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Universiti Islam Antarabangsa kerana RTM telah membidas Yang Berhormat ini selama 3 hari berturut-turut dalam siaran Berita Perdana.

Saya ingin menegaskan bahawa sebagai media rasmi kerajaan, RTM adalah bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada segala kekeliruan yang sengaja dibangkitkan oleh pembangkang mengenai intipati sebenar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 17 April lalu. Lebih-lebih lagi perasmian UIAM diikuti dengan meluas oleh para intelektual dan pemikir antarabangsa.

Dalam ucapan Yang Berhormat bagi Parit Buntar, Yang Berhormat mendakwa kononnya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak Islamik dan bersikap sekular serta menyamakan Perdana Menteri seperti Mustapa Kamal Attaturk daripada Turki. Gambaran yang diberikan ternyata tidak sama dengan apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan boleh disalahtafsirkan oleh umum dan juga menjejaskan imej kepimpinan negara.

RTM telah meminta pandangan beberapa orang tokoh yang menghadiri majlis perasmian itu untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antaranya Rektor Pertama UIAM, Prof Dr Muhamad Rauf, Rektor UIAM, Prof Dr Kamal Hasan, Naib Canselor Universiti Utara

Malaysia, Prof Dato' Dr Muhamad Noor Haji Salleh, beberapa orang anggota Parlimen dan para pelajar UIAM. Mereka semua berpendapat ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan tuntutan Islam dan wawasan UIAM.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar berdiri, hendak bagi jalan? Ya, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Oleh kerana nama Parit Buntar disebut, jadi saya fikir bertanggungjawab untuk saya bangun dan meminta penjelasan.

Pertama sekali, bukan tiga hari saya fikir, mungkin lima atau enam hari cerita mengenai saya mengatakan Yang Amat Berhormat seolah-olah seperti Kamal Attaturk berikutan dengan ucapan beliau di pembukaan UIA. Pertama sekali saya hendak tanyakan, kenapa saya tidak diberi peluang langsung untuk menerangkan duduk perkara, bahkan saya mendapat laporan daripada teman-teman yang menyaksikannya mengatakan suara saya tidak keluar langsung, yang keluar ialah gambar, yang keluar ialah tangan, yang keluar ialah *gestures*, waktu saya memberikan pendedahan itu di Dewan yang mulia ini tetapi suara tidak ada.

Jadi, rakyat pun tidak tahu apa yang saya katakan berdasarkan ulasan-ulasan dan sudah tentu ulasannya sebagaimana yang disebut oleh Setiausaha Parlimen, ulasan itu adalah *bias*. Setiausaha Parlimen menyebut tiga kali perkataan *bias*, apa yang keluar daripada media kerajaan seharusnya *bias* dan pastinya *bias*. Dan dia dengan sombong rasanya Setiausaha Parlimen menekankan perkataan "*bias*" itu.

Yang kedua, yang saya hendak tanyakan ialah tentang barisan daripada orang-orang, pakar-pakar dan juga ahli-ahli ilmuan yang dibariskan untuk memberitahu kepada pendengar yang mendengar tentang apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri tetapi salahkah saya Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa Perdana Menteri dalam ucapan merasmikan UIAM kelmarin mengaitkan kemunduran umat dengan kecenderungan untuk menolak mata pelajaran yang kononnya sekular dan memilih pengajian agama.

Beliau seterusnya menegaskan sebab sebenar kita ditinggalkan jauh oleh negara-negara maju ialah kita diberitahu tanggungjawab agama itu ialah belajar agama kerana itu akan mendatangkan keuntungan kepada kita di akhirat. Dan dengan nada yang mengejek Perdana Menteri menyatakan, dan untuk menebus apa

yang mereka sifatkan sebagai dosa, mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama untuk menjadi hafiz Al-Quran.

Jadi, inilah yang diulas dan kita pun tidak dapat kesempatan untuk mengikuti sebenarnya daripada A sampai Z, ucapan Perdana Menteri di UIA, saya buka surat khabar tidak ada, saya dengar di radio tidak ada, buka TV tidak ada yang menjelaskan ucapan itu supaya kita dapat melihat perkara itu tidak dipetik di luar konteks tetapi apa yang dipetik yang saya dapat dalam akhbar, apa yang saya dapat dalam Internet, inilah dia dan sebab itu saya rasa perlulah kita baktakkan duduk perkara ini dan saya harap Yang Berhormat yang menjawab soalan ini sepatutnya memberikan gambaran yang jelas, gambaran yang seimbang di antara apa yang saya sebut di Dewan ini dan apa yang dikomen dalam televisyen, radio dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya fikir Yang Berhormat pun boleh membuat penjelasan di merata tempat seperti Yang Berhormat sentiasa bercakap. Tinggal lagi kalau hendak bercakap dalam TV ini, saya cadangkan Yang Berhormat cuba minta kebenaran ataupun permohonan daripada Menteri Penerangan, kalau dia benar, dia benarlah, kalau dia tidak benar, dia tidak benarlah, kan senang macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap Jeli.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada satu lagi ini. Apa yang payah sangat bukan? Ha. Yang kedua ini, ialah pada pandangan saya, tidak ada dua orang manusia itu sama sahaja cara dia berfikir, masing-masing ada pandangan. Yang Berhormat ada pandangan yang tersendiri, orang lain pun ada pandangan yang tersendiri. Jadi kita biar orang ramai menilai apa juga pandangan yang diberikan oleh seseorang itu. Itu yang dapat saya jelaskan. Ya, Yang Berhormat ini hendak apa pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri paling kanan ...

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa benda hendak ini, cakap sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan teruslah Yang Berhormat. Tidak ada kanan, tidak ada kiri, terus soalan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya hendak bertanya. Saya cukup bimbang berdasarkan kepada maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar, diambil *capture* dalam Parlimen, *capture* bagaimana kedua-dua tangan Yang Berhormat bagi Parit Buntar diambil tetapi ayatnya tidak keluar. Jadi, apakah pihak kerajaan dan juga pihak Kementerian Penerangan semasa pilihan raya 2004 nanti boleh memberi jaminan bahawa *capture* sebegini rupa tidak disalahgunakan oleh kerajaan demi kepentingan parti memerintah. Kerana kita bimbang, kita sudah cabar banyak kali Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya perdebatan Parlimen ini disiarkan secara langsung kepada seluruh negara, seperti mana Indonesia, seperti mana Filipina, seperti mana Yemen, banyak negara saya pergi saya dok tengok semu a negara lain sudah siar secara langsung, perdebatan Parlimen.

Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya masih ada pada waktu itu memberi jaminan bahawa

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada, ada.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Insya-Allah. [*Ketawa*] ... Memberi jaminan bahawa *capture* sebegini rupa tidak digunakan, tidak disalahgunakan untuk manfaat parti memerintah pada ketika itu. Boleh beri jaminan atau tidak sedikit dalam Dewan supaya kita hendak keadilan bukan hanya keadilan disebut tetapi keadilan yang benar-benar diterapkan, *you must look justice* itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ok, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ayat yang terakhir saya tidak faham Orang Putih ya. [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, bila kita ambil gambar, sama ada kita hendak siarkan suara itu ataupun tidak, banyak bergantung kepada apa buah butir yang diperkatakan dan ini pun bergantung kepada penilaian masing-masing. Kalau kita di RTM berfikir tidak payah siar, itu yang tidak keluar siaran, tunjuk tangan sahaja itu, ha itu nasib baik dapat tunjuk tangan, kalau tidak tunjuk langsung apa macam?

Ha, itu pun tak terima kasih lagi, Allah, macam mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri yang mana Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nanti sekejap. Sedikit lagi, hendak jelaskan sedikit lagi. Ini fasal ini cerita lamalah, hendak buat siaran langsung. Kita pun telah terangkan ya. Kita terima hakikat negeri kita namanya Malaysia bukan nama negeri lain. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak merujuk juga kepada jawapan Yang Berhormat tadi, terima kasih dengan jawapan itu. Tetapi saya rasa ialah soal keadilan dan soal *balance reporting*, pemberitahuan pemberitaan yang seimbang. Kalau misalnya orang yang dijadikan bahan dalam dengan izin, *punching bag* begitu, tidak dijelaskan apa sebenarnya yang keluar daripada mulutnya, tiba-tiba dibariskan ahli-ahli ilmunan untuk menentang apa yang dia kata, yang tidak didengar oleh rakyat, saya rasa ini perkara yang sangat menyayat hati sayalah.

Nombor dua, Yang Berhormat ya. Setiausaha Parlimen yang juga mewakili Kementerian Penerangan mengatakan memang *reporting* itu *bias*, adakah pendapat rasmi kementerian tentang *biasness* ini, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soal peranan RTM, kita melambangkan ataupun membawa suara kerajaan. Dan kita juga seperti orang lain mempunyai pendapat yang tertentu dan hasrat kita hanyalah sekadar untuk memberikan cerita dan gambaran yang sebenar, itu pokoknya. Kita tidak boleh lari daripada hakikat itu. Saya fikir mana kerajaan dalam dunia pun itulah caranya pun. Di Kelantan, di Terengganu pun sedikit lebih kurang samalah itu, bukan begitu?

Cuma saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat, fasal terkilan suara tak dengar ini. Jadi macam saya kata tadi, kalau tidak dapat pun melalui kaca TV, Yang Berhormat boleh buat melalui siaran-siaran yang lain, bercakap di merata tempat tidak apa, *this is a free country* kan. *You can speak*, setakat mana hendak bercakap pun, cakaplah, ceritalah asal jangan langgar undang-undang sudah. Ya, silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Besut.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Soal *bias*, adakah itu sebenarnya pendapat rasmi daripada kementerian bahawa memang *reporting* nya setiap masa adalah *bias*.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudah katakan tadi, kita mempunyai pegangan dan pendapat kita yang tersendiri, dan tugas dan

tanggungjawab kita ialah untuk memberikan gambaran yang pada hemat kita yang benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Besut.

Tuan Hassan bin Mohamed: Kita lihat hari ini rakyat seolah-olah dibuat sebegitu rupa oleh pihak kerajaan untuk memikir satu arah, yang menyebabkan hari ini rakyat

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Untuk apa, tidak jelas.

Tuan Hassan bin Mohamed: Kerajaan hari ini seolah-olah mahu membentuk rakyat supaya menjadi satu hala dalam pemikiran. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Dato' tadi, apa yang dinyatakan oleh pembangkang hanya keluar tangan, keluar muka sahaja tetapi suaranya tidak ada dan saya tengok hari sebelum ini pun rata-rata ucapan daripada pembangkang suaranya tidak keluar, yang keluar buruknya yang keluar. Tetapi bagi pihak kerajaan semuanya keluar dan dua, tiga hari. Seolah-olah hari ini pihak kerajaan mahu menjadikan rakyat ini satu hala pemikirannya.

Dan akibat daripada itu, rakyat menjadi *tension*, itu yang jadi *road show*, itu yang jadi demonstrasi kerana rakyat tidak ada saluran untuk menyatakan pemikirannya dan saya lihat perkara ini berbeza di tempat-tempat yang lain. Di negara Amerika umpamanya, di Indonesia umpamanya, di kaca TV begitu saya kira *fair* disiarkan kedua pihak dan daripada situ barulah dapat kita melihat bagaimana rakyat ini boleh berfikir dan hari ini kalau kita membaca surat khabar ataupun menonton TV kita pembaca ini rasa bodoh rasanya. Dibodohkan oleh pemimpin kerajaan kerana satu hala pemikirannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat, panjang dah itu.

Tuan Hassan bin Mohamed: Jadi, soalnya apakah ini yang dikehendaki oleh kerajaan supaya rakyat menjadi bodoh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pun tak faham.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, 44 tahun sudah merdeka, 44 tahun, bukan 4 tahun. Kalau kerajaan ini selama 44 tahun ini apa orang kata, bimbing, asuh, didik rakyat supaya berfikir satu hala sahaja, saya tidak fikir kita jadi macam ini. Daripada sistem persekolahan kita pun, kita sudah asuh, bimbing, didik anak-anak kita supaya berfikir secara dua hala, secara kritis,

kita galakan. Tinggal lagi, kalau Yang Berhormat kata tidak ada saluran untuk orang ramai, rakyat hendak mengeluarkan buah fikirannya, saya tidak tahu macam mana cara lagi, saya tidak mengerti.

Hari-hari ini dok bercakap, dalam Dewan, di luar Dewan, sampai tengah malam pun dok bercakap, dalam Internet, luar Internet, mana lagi hendak itu. Jadi, kalau tanya pandangan sayalah, ada kita hendak mengujudkan masyarakat yang berfikir *one track mind* ini – tidak ada, pada pandangan sayalah. Dan kalau dengan keadaan dan suasana yang ada dalam negara kita sekarang ini, Yang Berhormat berfikir suasana itu mengakibatkan kepada kebodohan, itu Yang Berhormat punya pandangan sendirilah, bukan saya punya pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, Larut sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya nampak Larut dahulu berdiri, saya sebut Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak bertanya sedikit, kebanyakan mereka yang mendapat peluang muka keluar dalam televisyen ini sama ada dalam forumkah, yang dianjurkan oleh kerajaan ini, kebanyakannya bila sudah dapat populariti di seberang sana dihentam balik seolah-olah macam tidak bersyukur. Saya tak hendak sebutlah daripada mana kan, siapa makan cili terasa pedaslah.

Jadi, minta adakah kementerian, RTM akan membuat kajian sehalus-halusnya di masa-masa yang akan datang dalam rancangan-rancangan yang akan datang, kerana memang bukan dasar kerajaan untuk menyekat publisiti kerana kita tahu macam contoh yang terbaru, Tok Guru Nik Aziz melawat ke Bukit Pelandok meninjau ternakan babi, saya kalau pembangkang masih tidak puas hati, mintalah tayang baliklah, lawatan tersebut, begitu juga dengan Ketua Pemuda PAS ini yang mencaci UMNO kata macam-macam, ulang tayang balik, mungkin mereka setengah itu tidak puas hati, tidak dapat tengok Yang Berhormat, itu saya mintalah penjelasan sedikit.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ini fasal kadangkala melampau baiklah. Melampau baik ya, kita terkena tetapi tak apalah, Allah S.W.T. ada jadi saksi, saya tidak ada masalah bab itu. Sebenarnya kita beri peluang, tinggal lagi bila sudah dia terbalik, kita pun fikir baliklah tetapi

pokoknya prinsipnya kita memberi peluang daripada segi RTM lah. Maksud saya kita beri peluang kepada pihak-pihak yang kita fikir patut kita beri masa di udara melalui sama ada radio ataupun TV kita. Dan kita akan terus berbuat demikian, insya-Allah. Sama ada kita hendak siar balik atau tidak siar tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu, kita akan melihat suasana ini, kalau kita fikir perlu kita siar, kita boleh siar balik, tidak ada masalah dengan kami di RTM.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ya, Peringat berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Alah, ini lima minit punya jawab sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulang kepada Timbalan Menteri.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan kenyataan Perdana Menteri. Saya ikuti banyak kenyataan Perdana Menteri khususnya berkenaan dengan agama Islam saya minta maaf ini. Jadi, soal agama Islam ini adalah soal yang paling sensitif di negara kita sekarang ini. Oleh kerana itu, apabila soal agama ini disentuh dengan nada yang mengejek dan merendah-rendahkan, ini memang cukup sensitiflah. Apabila pemimpin utama negara menyentuh soal agama ini dalam bentuk yang begitu negatif, menakutkan rakyat terhadap agama. Sudah pasti ini menimbulkan banyak masalah bukan sahaja rendahkan Islam itu sendiri.

Sebagai contoh, Perdana Menteri selalu mengkritik undang-undang Islam, undang-undang Hudud yang sudah diijmak oleh ulama tentang kewajipan melaksanakannya, sepatutnya tidak boleh dikritik begitu. Dan Perdana Menteri tidak pernah mengkritik undang-undang lain daripada Islam, undang-undang lain yang bercanggah dengan Islam pun tidak dikritik tetapi undang-undang Islam yang sudah diijmak, disepakati oleh seluruh ulama dikritik. Mengenai pengajian teologi, Perdana Menteri mengkritik kenapa mengaji

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha, cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, apa soalnya Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itu sudah merayau Yang Berhormat itu, entah ke mana-mana perginya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Hendak sampai dah. Jadi,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, kenapa orang yang belajar teologi dikritik kerana tidak belajar yang lain, tetapi yang belajar ilmu yang lain tidak belajar teologi tidak dikritik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudah jauh sangat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah ya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini ucapan di UIAM itu sahaja. Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya biar kata begini sahajalah, munasabahkah seorang Perdana Menteri bercakap di depan cendekiawan dalam negeri, luar negeri bercakap untuk hendak mengejek-ngejek agama Islam. Munasabahkah? Dan saya telah katakan tadi, apa sebenarnya yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Majlis UIAM itu. Tinggal lagi, bila ada yang mengatakan, saya hendak mengatakan yang benar sahaja, tidak munasabah, tidak masuk dalam kepala otak saya inilah, seorang Perdana Menteri hendak menimbulkan benda-benda seperti yang dikata tadi, menakutkan rakyat tentang agama Islam, apa dia?

Hendak merendah-rendahkan martabat agama Islam, apa dia? Kita pun orang Islam juga ini. Jadi, dalam kita memberikan pandangan, pandangan saya biar munasabahlah, kalau hendak serang peribadi Perdana Menteri pun biar munasabahlah. Bukan?

Dan saya sudah tidak ada hendak memanjangkan cerita inilah, fasal saya telah jelaskan tadi, apa yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Balik Pulau pula membangkitkan masalah penerimaan siaran TV di kawasan Balik Pulau yang tidak jelas dan meminta keadaan ini diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada pengukuran isyarat ataupun dengan izin, *field strength measurement*, di Balik Pulau, Jabatan Penyiaran dan Kementerian Penerangan mendapati beberapa kawasan

seperti di Kampung Sungai Rusa, Kampung Sungai Pinang, Kampung Bukit Kechil dan Kampung Sungai Acheh tidak menerima siaran TV RTM dengan jelas.

Tindakan sedang diambil untuk memperbaiki penerimaan siaran TV di kawasan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Balik Pulau berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekejap, sekejap Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tunggu sekejap.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tindakan susulan akan dibuat dalam masa terdekat bagi mengenal pasti tapak yang sesuai serta proses pengambilan tapak bagi menempatkan peralatan pemancar untuk kawasan terlindung ini dan suka juga saya memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan ada sebanyak 35 kawasan di Semenanjung yang mempunyai keadaan yang sama, di Sabah ada 11 dan di Sarawak ada 10, jumlahnya sebanyak 56. Jadi, tindakan-tindakan sedang kita ambil untuk memperbaiki ataupun mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Balik Pulau.

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan. Saya percaya pihak kementerian yang bertanggungjawab dalam bidang ini memang berusaha dan memang kita tahu bahawa Yang Berhormat pun terlibat untuk hendak mempercepatkan. Cuma, saya hendak minta satu sahaja. Saya takut di bawah itu, peringkat bidang orang yang berkuasa untuk cari tanah, kenal pasti, kemudian hendak buat pengambilan tanah itu, dia yang lambat kerana apa yang saya tahu, di peringkat Balik Pulau sendiri, di daerah Balik Pulau, kita berbincang, sampai sekarang, dia pun sendiri berubah fikiran.

Pertama, di tempat ini, kemudian tarik balik, dia ubah ke tempat ini. Bermakna kata, sehingga ke hari ini, pengambilan tanah belum lagi dicadangkan supaya dapat keputusan pihak menteri untuk memberi kelulusan supaya dapat disegerakan. Yang saya minta itu sahaja daripada Yang Berhormat, dapatkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab itu disegerakan. Insya-Allah, kalau

segera, sebelum 2004 itu, dapatlah dibangunkan sepertimana yang dikehendaki. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat bagi Balik Pulau. Saya harap Yang Berhormat pun boleh tolong sama di peringkat Yang Berhormat, tinggal lagi dari segi tenaga kepegawaian kita, memang tindakan telah pun mula kita ambil. Saya pun sependapat oleh kerana kawasan-kawasan ini ada 56 semuanya, lagi cepat perkara ini diselesaikan, lagi baik untuk penonton-penonton televisyen dan juga radio di tempat-tempat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sepang supaya Kementerian Penerangan menyediakan satu slot rancangan televisyen untuk memperbaiki pendidikan kepada orang ramai mengenai orang golongan istimewa, suka saya maklumkan bahawa, sebagai media rasmi kerajaan, Kementerian Penerangan melalui RTM, senantiasa prihatin kepada golongan istimewa. Dari masa ke semasa, RTM melibatkan golongan kurang upaya di dalam rancangan-rancangan televisyen terbitan RTM khususnya rancangan *talk show* seperti Jendela Pagi. RTM mengambil maklum tentang cadangan untuk mengadakan slot khas yang dicadangkan itu dan akan mengkaji kesesuaian untuk melaksanakannya seperti yang dikehendaki.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Timbalan Menteri. Hari ini ialah hari kebebasan akhbar kebangsaan. Mengapa kerajaan tidak mengadakan apa-apa program untuk merayakan hari yang begitu penting ini? Adakah kerana kerajaan tidak berbangga dengan tahap kebebasan akhbar di dalam negara ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat cakap apa ini? Kita cakap bab lain, Yang Berhormat pergi ke entah negeri mana, saya pun tak tahu. [*Ketawa*]

Puan Chong Eng: Adakah ini tidak penting?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak ada berkait dengan apa benda yang saya hendak jawab ini, engkau faham tidak?

Puan Chong Eng: Boleh jawabkah, tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Bukankan ini juga satu ...di dalam...

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat Pasir Mas....

Puan Chong Eng: Kalau tidak boleh cakap dengan kebebasan akhbar, apa hendak buat kepada Rancangan Malaysia Kelapan? Apa hendak cadang dengan Information Department? Hendak buat apa? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam, duduk.

Puan Chong Eng: Haa, kalau tidak boleh

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soalan itu tidak ada berbangkit pun dalam perbahasan ini.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, duduk dahulu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam, duduk dahulu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya jawab atas benda yang berbangkit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan tidak kena.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat pun tidak ada cakap apa, saya lihat.

Puan Chong Eng: Sekarang, boleh bangkit tidak?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekarang tidak boleh bangkitlah. Apa benda kena mengenanya? Tidak tahu cara berbahaskah? Ahh... duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Bukit Mertajam, duduklah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat bagi Pasir Mas menuduh siaran televisyen.....*[Disampuk]*

Puan Chong Eng: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak kiralah. Itu, tidak tahu saya. Duduklah, dia tidak bagi, tidak bagilah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:.....banyak menyiarkan filem-filem yang berunsur negatif serta menjolok mata yang memberikan pengajaran yang tidak baik kepada golongan remaja. Untuk makluman Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng: *[Mencebikkan mukanya]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Haa, puas hatilah itu. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kementerian Penerangan melalui RTM, selain daripada menyampaikan maklumat berhubung dasar kerajaan dan pembangunan negara, ia juga berperanan memberi hiburan kepada penonton. Salah satu bentuk hiburan yang disiarkan ialah tayangan filem tempatan dan luar negeri. Setiap filem yang ditayangkan sudah melalui.....*[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:...terlebih dahulu tapisan Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri berpandukan garis panduannya yang mengambil kira kepentingan negara dan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Baru masuk, hendak cakap apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada berkaitan, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang....saya dengar tadi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Haa, okay, okay. Cakap, cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay, okay, sila. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Pada mula ucapan saya, pada 23 April, saya sudah sentuh perenggan yang pertama, tetapi saya tidak dengar tadi, saya ada keluar lihat televisyen kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, terus Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soalan, soalan apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, soalan Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Apabila kita berucap....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat cadangkan, kita pun disiarkan, dipaparkan di dalam televisyen juga, radio.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ooohh.... okay.

Dr. Tan Seng Giaw: ...kerana kita pun, puak-puak kita ini *[Ketawa]* Ooohh puak haa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: ... ada buat cadangan yang be nmas, yang membina.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw: ...dan bolehkah dicadangkan kepada Kabinet supaya kita diberi peluang untuk berucap dan juga di dalam televisyen dan radio?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, tambah nanti, cukuplah itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah itu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, hendak tambah lagi. *[Ketawa]* Kalau kita lari pun, kita berhenti dahulu. *[Ketawa]*. Tidak boleh lari sepanjang hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, jaguh *athlete*.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay, cukuplah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tolong sikit, kerana banyak kali sudah...*[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak ada kuasa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Haa?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak ada kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi, orang uban ini, dia fikiran banyak. *[Ketawa]*
[Dewan gamat seketika].

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah sentuh yang itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, tidak habis lagi? Haa, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak sentuh itu, Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah buat satu dasar, kita bebaskan radio dan televisyen?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat. Ramai dalam Dewan ini orang uban Yang Berhormat. *[Ketawa].*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau Yang Berhormat lihat, dahulu kita letak *cameraman* semua dekat sana, ke belakang sana, membelakangkan Yang Berhormatlah. Kali ini, kita letak sebelah sini pula, nampak muka Yang Berhormat, keluar dah. Apa yang hendak lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Mana ada? Tidak ada.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat kata hendak keluar televisyen, keluar sudah. *[Ketawa].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Televisyen di dalam sini sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Haa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini, televisyen umumlah itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat tidak....okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, cukup Yang Berhormat. Jangan keluar macam itu, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: NTV7, itulah maksud saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, betul. Duduk, duduk.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Beginilah, saya nasihat ya. Bila Yang Berhormat hendak buat satu-satu kerja, tulis surat kepada RTM, tulis surat kepada TV3, tulis surat kepada NTV7, minta *coverage*, minta supaya diberi liputan. Sama ada dia hendak bagi atau tidak bagi bila dia lihat Yang Berhormat melawat longkang, siapa hendak siar? *[Ketawa]* parit tersumbat takkan....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nanti sekejap. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Takkan RTM, TV3, NTV7 hendak siar Yang Berhormat pergi lihat longkang tersumbat? Alah, bolehlah. Saya pun takkan bagi liputan. Tetapi, kalau yang munasabah, kita bagi. Ada juga yang kita bagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Haa, Yang Berhormat, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, wajar.....*[Disampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Eh, yang ini, saya bagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, Kepong, dia bagi Kubang Kerian, Kepong. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Saya seronok dengan cara Timbalan Menteri, macam bermain sarkas memberikan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, tidak payahlah buat tuduhan yang macam itu. Itu tuduhan, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itu cakap yang jahat. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tarik balik, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya Pengerusi pun, saya tidak setuju Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sarkas itu, tarik balik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tarik balik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita hendak cakap, cakap. Hendak gaduh boleh gaduh.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, tidak usah, Yang Berhormat. Saya pun tidak berapa suka pergaduhan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ingin tahu, salah satu cara kerajaan meningkatkan keberkesanan penyiaran ialah melalui penswastaaan televisyen dan pada satu masa, TV3 telah meningkat peranan dan popularitinya. Sebahagian besar rakyat bila hendak access kepada berita yang agak bebas, mereka pergi kepada saluran TV3 dan TV3 telah mendapat keuntungan yang besar dan maklumat dan message kerajaan dapat sampai dengan cara yang berkesan kerana Yang Berhormat sendiri tahu, dari segi psikologi, bila kita sudah tahu orang hendak suap satu benda kepada kita dengan cara yang merendahkan pemikiran kita, kita tidak boleh terima.

Tetapi, cara TV3 telah berkesan begitu lama pada satu masa sehingga sekarang apabila TV3 sama dengan kedudukan macam TV1 dan TV2, TV3 juga runtuh dan apabila satu-satu televisyen ini runtuh dan syarikat televisyen ini adalah satu syarikat swasta, mereka menghadapi masalah perniagaan. Iklan akan berkurangan, penonton akan berkurangan dan keberkesanan saluran juga berkurangan termasuk kedudukan kewangan. Saya difahamkan bahawa TV3 telah mempunyai hutang sebanyak RM700 juta dan ini mungkin akan menyebabkan stesen ini akan runtuh dan saya ingin tahu adakah Kementerian Penerangan telah memantau keadaan ini?

Kita masih ingat bila Menteri Kewangan bercakap tentang MAS, ada kemungkinan bahawa MAS akan dijual kepada orang asing. Adakah satu masa jika TV3 ini terdesak dari segi kewangan, kita tidak ada satu *clause* dalam perjanjian penswastaaan dahulu, bahawa syarikat televisyen kita tidak boleh diambil alih oleh

orang asing. Kalau syarikat televisyen ini akan diambil alih oleh syarikat penyiaran asing, saya ingat ini akan menjadi apa yang ditakuti oleh Perdana Menteri, iaitu penajahan media oleh stesen kita sendiri. Jadi, saya ingin tahu, adakah *clause* wujud dalam perjanjian penswastan bahawa stesen televisyen ini tidak boleh dijual kepada orang asing dan kedudukan kewangannya, saya difahamkan hutang untuk *electricity* sahaja, sudah sampai RM24 juta tertunggak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, adakah telefon juga demikian?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berjuta-juta, berpuluh-puluh juta, tidak dibayar. Jadi, ini satu keadaan yang serius yang boleh mengganggu keberkesanan stesen televisyen itu sendiri, selain daripada sikap *bias* dia, tidak bebas... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Banyak sudah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Allah, rata pergi raba. *[Ketawa]*. Sikit sahajalah saya hendak jelaskan. Pertama sekali langkah, bila kerajaan keluar lesen untuk televisyen swasta, itu tanda sikap keterbukaan kita hendak beri peluang kepada orang lain, bukan dengar suara kerajaan sahaja, itu yang pertama. Yang kedua, yang saya hendak jelaskan sikit ialah tentang pengeluaran lesen, satu-satu lesen televisyen untuk satu -satu stesen sahaja. Dia tidak mungkin boleh diambil alih oleh orang lain, itu jelas pada saya. Jadi, pada peringkat, Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudahkan ayat ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia hendak bagi sudah dahulu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Pada peringkat RTM pula, filem-filem ini ditapis sekali lagi untuk memastikan tiada unsur negatif dan filem-filem yang dibeli oleh RTM. Saya kira, penapisan-penapisan ini sudah teliti dan Yang Berhormat tidak perlu bimbang lagi tentang nilai filem-filem tersebut. Haa, mana tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kubang Kerian hendak bangun. Kita bagi peluang punya, tidak ada hal punya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih. Bagi peluang pasal dia tidak jawab Tuan Yang di-Pertua, tetapi alhamdulillah, sekurang-kurangnya dia bagi peluang. Barangkali Datuk faham, dalam dunia korporat, bila kita sudah beri lesen kepada TV3, dia tidak semestinya kita kena beri lesen kepada televisyen baru daripada luar negara. Tetapi, TV3 pemegang saham dia boleh jual saham dia kepada orang asing, macam yang disebut oleh Menteri Kewangan. Jadi, ada tidak *clause* bahawa pemegang konsesi ini boleh menjualkan pegangan dia kepada milik asing?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak mungkin, Yang Berhormat. tidak mungkin ya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...*[Disampuk]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tadi, ada tentang penapisan filem.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Buntar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kita tadi pun ada bincang tentang penapisan filem ini. Saya hendak tahu hanya sedikit sahaja respons daripada Yang Berhormat. Macam mana misalnya filem-filem, drama-drama bersiri seperti *Sweet Season*, drama Jepun yang diterbitkan di NTV7 itu, iaitu yang memaparkan perhubungan dengan suami orang yang membawa kepada mengandung anak luar nikah, mendorong kepada pengguguran, melawan dan memaki hamun bapa sendiri.

Kemudian itu, *Perfect Love*, drama Jepun TV3, yang ragam muda-mudi yang membawa kepada zina dan bersekedudukan, enggan memikul tanggungjawab dan komitmen sebagai suami isteri serta sikap berpoya-poya dan menjalani hidup yang bebas. Sementara itu siri gusti *WWF* dan *Battle Dome*... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjangnya ustaz, kata sikit sahaja, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, ini saya hendak tanya apa sebab, macam mana benda-benda ini boleh lulus dan ditayangkan kepada orang ramai. Apa unsur positifnya dari segi etika, dari segi agama, dari segi ketahanan mental, dari segi ketahanan diri, kerjaya diri, jati diri dan sebagainya. Kalau kita letakkan perkara-perkara ini kepada rakyat.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sikit lagi. Kalau kita lihat, misalnya yang *WWF* dan *Battle Dome* itu, memaparkan aksi ganas dan pertarungan yang keterlaluan sehingga mencederakan. Pakaian peserta wanita, lelaki yang seksi dan bahasa kesat serta kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bagaimana benda ini boleh dilulus dan ditayangkan kepada orang ramai?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat, banyak sudah itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, yang pertama sekali, tiap-tiap TV station ada wakil daripada Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri, satu peringkat dia tapis. Kemudian stesen itu sendiri pun ada Lembaga Penapisnya sendiri – macam RTM, kita ada, bermakna dua kali tapis.

Terima kasihlah. Saya akan bangkit benda ini dalam mesyuarat bulanan kita yang akan datang. Kalau tanya saya pun, saya pun tidak berapa hendak setuju. Kalau betul! Janganlah sengih sahaja. [Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Parit Buntar] Janganlah cepat sangat sengih. [Ketawa] Jadi, kita akan tinjau. Saya akan bangkitkan tiga perkara ini, insya-Allah.

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah Yang Berhormat. Saya *[Melihat ke arah jam dinding]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi. Dia hendak teruskan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah, cukup. Saya sudah bagi tadi, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, saya hendak simpulkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak jelaskan pasal satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga dahulu tentang warna-warni ini. *[Menunjukkan keratan akhbar yang ditandakan dengan pen warna]* Yang Berhormat Parit Buntar ya, saya sudah jumpa surat khabar ini. *[Yang Berhormat bagi Parit Buntar menoleh ke arah lain]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar, dia tunjuk itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita cakap dia tidak mahu dengar. Ini yang payah ini. Jadi, ni yang sebenarnya berita ini dari segi etika kewartawanan dia, dia tidak ada sumber yang rasmi. Saya sudah check, saya sudah tanda. Ini kita panggil *desk reporting* sahaja. Dia duduk di meja dia, dia pun tulis. Ya, itu cerita dia. *[Disampuk]* Tidak betul ini, cerita ini tidak betul ya. Saya hari ini pun semua pakai hijau, ha tengok, neck tie hijau, tidak ada masalah. Tidak timbullah benda ini. Ini benda remeh-temeh yang Yang Berhormat pergi layan buat apa surat khabar macam ini. Bukan boleh pakai sangat kadang-kadang. *[Disampuk] [Ketawa]*

Baik. Selepas itu ada satu lagi perkara yang timbul juga dahulu yang saya hendak kena jelaskan pasal saya ada sebut dalam Dewan yang mulia ini. Ini pasal layanan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim di hospital. Jadi, saya bawa skrip berita ini yang saya hendak jelaskan di sini. Antara yang saya hendak baca begini sahaja. "Di bilik itu juga Dato' Seri Anwar boleh menonton televisyen". Ha, ini yang diheboh

sangat ini, ya. Saya ulang balik, “Di bilik itu juga Dato’ Seri Anwar boleh menonton televisyen jika beliau mahu. Malah kemudahan peti sejuk turut disediakan”. Jika beliau mahu dan apabila saya check tempat-tempat yang berkenaan, dia tidak mahu, jadi tak adalah tetapi pokoknya memang dalam gambar yang saya tengok itu pun tidak ada. Kalau on request lah, kalau dia hendak tengok, boleh. Itu maksud berita. Itu yang saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis, Yang Berhormat.

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: ...kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dato’, untuk BN sahaja sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dua orang berdiri.

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini penghabisan tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Jeli.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dato’, saya Dato’.

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Satu, last.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Eik, apa pula ini? *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Tebrau]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua.

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak apa, tidak apa, Jeli dahulu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Jeli dahulu. Tidak payah suruhlah, saya tahulah. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun hendak mendapat penjelasan, apakah yang dimaksudkan ‘bilik ini’ di dalam hospital sekarang ataupun di dalam

penjara, sekiranya beliau mahu itu. Yang dimaksudkan 'bilik' yang dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...apakah yang dimaksudkan di hospital sekarang ini ataupun di bilik penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Adakah ianya lebih baik daripada apa yang dinikmati oleh Joseph Estrada di Filipina sekarang ini. *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini cerita di hospital. Ya, Yang Berhormat yang penghabisan, penghabisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau. Penghabisan, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ini pasal tadi Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyebut beberapa perkara yang tidak patut disiarkan dan Yang Berhormat pun kata akan dibawa ke dalam mesyuarat bulanan.

Saya minta satu sahaja, jangan dipotong rancangan gusti. *[Ketawa]* Yang lain tidak apa. Ini bukan main ramai diminati orang dan orang akan marah kementerian. Cuma gusti peremuan itu, saya tidak setuju agaknya pasal perempuan ini teruk sangat kalau dia bergusti, teruk lelaki ya. Jadi, yang gusti ini teruk. Kalau potong, semua marah Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, saya ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan. Semua pandangan dan teguran akan diberikan perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, sila.

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, Yang Berhormat bagi Sandakan yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya. Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Jeli, Yang Berhormat bagi Bandau dan Yang Berhormat bagi Arau yang turut membangkitkan persoalan mengenai kementerian ini semasa perbahasan berkenaan.

Saya merasakan bahawa kesudian Yang Berhormat-Yang Berhormat membahaskan dan membangkitkan persoalan mengenai kementerian saya adalah merupakan satu petanda keprihatinan dan kefahaman Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan industri pelancongan di negara kita. Keprihatinan dan kefahaman adalah satu perkara yang sangat diperlukan pada masa kerajaan sedang berusaha semasa Rancangan Malaysia Kelapan membangunkan industri pelancongan negara dari segi produk dan budaya mesra pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan sentiasa mengalami perubahan yang dinamik yang perlukan menambahbaikkan dalam memenuhi permintaan semasa. Kajian pasaran dan produk perlu sentiasa diadakan dan disesuaikan dengan perubahan trend serta kesukaan atau minat pelancong. Contohnya, kaji selidik menunjukkan buat masa ini pelancong-pelancong dari China, India dan Asia Barat lebih berminat untuk datang ke negara ini bagi tujuan membeli-belah, sementara pelancong-pelancong dari Eropah dan Amerika Syarikat lebih berminat untuk eco-tourism.

Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa mengkaji dan memperbaharui kaedah memasarkan dan mempromosikan Malaysia bersesuaian dengan keadaan dan permintaan minat pelancong yang sentiasa berubah dari masa ke semasa. Segala ciri-ciri negara yang mempunyai potensi untuk menarik perhatian dan menggalakkan lawatan pelancong sentiasa dikenal pasti dan diperkenalkan serta dihebahkan dalam program-program promosi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, khazanah alam semula jadi dan warisan budaya pelbagai kaum dan sejarah adalah merupakan agenda terpenting kerajaan dalam membangunkan produk pelancongan khususnya eko-pelancongan kerana ianya merupakan kekayaan utama kepada negara ini. Sehubungan dengan itu, maka bagi memastikan usaha ini dapat direalisasikan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menggubal pelan induk eko-pelancongan kebangsaan pada tahun 1996 dan mengemukakan kepada semua agensi pelaksana.

Pelan ini mengandungi 21 pelan tindakan pembangunan dan 25 garis panduan yang menjadi teras utama kepada perancang dan pengusaha dalam membangunkan produk dan aktiviti eko-pelancongan secara berterusan, terkawal dan seimbang dengan keperluan alam sekitar dan pembangunan fizikal.

Di antara garis panduan yang dimaksudkan ini termasuklah mengenai had tempoh, dengan izin, caring capacity mengenai pembangunan pantai, pulau, tasik, sungai, hutan dan yang berkaitan dengan pengurusan tapak. Pelan ini telah mengenal pasti lebih kurang 48 produk eko-pelancongan yang berpotensi dan yang perlu dipertingkatkan kemudahan dan perkhidmatannya.

Di antara produk tersebut yang sedang dipertingkatkan pembangunannya termasuklah Taman Endau-Rompin, Taman Negara serta Gunung Ledang, Lembah Belum, Temenggor, Taman Kinabalu, Templer Park, Rantau Abang, Tasik Bera dan sebagainya. Selain daripada eko-pelancongan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersama dengan Kementerian Pertanian juga sedang membangunkan produk pelancongan yang berasaskan pertanian atau agro-pelancongan....

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kinabatangan bangun.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita semua menyedari bahawa industri eko-pelancongan ini merupakan satu sumber yang lumayan kepada hasil negara kita. Tidak ketinggalan di Kinabatangan, industri pelancongan ini berkembang dengan begitu pesatnya di mana terdapat sejenis binatang yang popular dipanggil *probises monkey*, tidak terdapat di negara-negara lain di Malaysia ini, cuma di Kinabatangan.

Jadi, soalan saya, apakah kementerian ini berhasrat mencadangkan kepada kerajaan supaya jalan raya yang menuju ke pusat-pusat pelancongan ini

dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Jalan raya ini sebetulnya sudah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kalau boleh ditekankan pelaksanaan segera kerana pelancong-pelancong dari luar negara boleh dikira lebih kurang 100 hingga 200 orang setiap hari melawat ke kawasan tersebut.

Jadi, masalah yang dihadapi ialah jalan raya. Kalau hujan berlarutan, kereta *four wheel drive* pun tidak boleh melalui jalan ini. Jadi, saya mintalah kementerian ini berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk menurap jalan-jalan raya ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil kira cadangan yang baik begitu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berasa yakin...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen:melalui pembangunan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Buntar.

Beberapa Ahli: Duduk, duduklah dahulu.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biar saya habis agro-pelancongan dahulu. Kerajaan berasa yakin melalui pembangunan agro-pelancongan ini akan dapat penambahan lagi pendapatan penduduk luar bandar yang terlibat dalam program Home Stay. Bagi memastikan usaha ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bersepadu, maka sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembangunan Agro-Pelancongan telah ditubuhkan di kementerian saya untuk merangka strategi, program, aktiviti pembangunan dan promosi secara terancang dan bersepadu.

Di antara produk agro-pelancongan yang telah dibangunkan dan dipromosikan antara taman adalah taman buah-buahan dan ternakan seperti Taman Pertanian di Masai, Johor, Pusat Agro-Pelancongan di Sabak Bernam, Selangor, Pusat Agro-Pelancongan Hulu Selangor dan Ladang Rusa di Sabak Bernam, Selangor.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bincangkan panjang lebar tentang pelancongan ini dalam sidang Dewan Undangan Negeri di Selangor dan kita dapati daripada kedatangan pelancong-pelancong, negeri Selangor menerima pelancong yang paling sedikit terutamanya pelancong-pelancong luar negeri.

Ini adalah kerana tarikan-tarikan Yang Berhormat menyebut itu, kurang terdapat di negeri Selangor sebab negeri Selangor adalah negeri industri. Misalnya, tentang pelancong luar yang datang yang biasanya membelanjakan banyak duit sehingga RM292.4 sehari yang dibelanjakan oleh pelancong-pelancong luar tidak dapat dinikmati oleh negeri Selangor. Kita ada melancarkan tahun lepas adalah Tahun Melawat Selangor tetapi yang kita dapati hasil kajian yang dibuat, kesannya tidaklah begitu menggalakkan.

Adakah kementerian membuat cadangan khusus terhadap negeri-negeri seperti negeri Selangor ini, negeri industri yang kawasan-kawasan dibangunkan untuk tujuan industri yang sudah tentunya industri itu tidak banyak menarik pelancong-pelancong untuk datang. Saya hendak tanyakan tadi, adakah kementerian mempunyai plan rancangan *blue print* untuk negeri-negeri yang sedemikian untuk membantu mereka dalam industri pelancongan ini.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, untuk Selangor walaupun dia lebih minat kepada industri tetapi apa yang penting dari segi industri pelancongan bukan sahaja alam semula jadi. Yang mustahak juga aktiviti-aktiviti. Sebab itu kementerian saya pada tahun ini sudah sediakan 698 aktiviti untuk semua negeri ambil bahagian seperti Pesta Air, Pesta Buah-buahan dan Makanan. Jadi, setiap negeri mesti guna aktiviti ini sebagai satu produk menarik pelancongan kepada negeri dia. Itu yang pertama.

Yang kedua, jika mengatakan Selangor tidak ada produk pelancongan itu memang tidak betul. Macam fire fly, kelip-kelip, kelip-kelip itu boleh dikatakan world standard dengan izin. Kelip-kelip sudah ada dilaporkan di dalam national geography. Jadi ini memang kita mesti pulang balik kepada setiap negeri macam mana mereka hendak membangunkan produk pelancongan mereka. Di kementerian saya yang mustahak ialah pembangunan basic infrastructure dan promotion serta kita ada aktiviti untuk seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kementerian saya dengan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan..

Tuan Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua lagi Ahli Yang Berhormat yang berminat minta penjelasan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ha! Yang Berhormat bagi Temerloh.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Saya kira banyak pencapaian yang begitu baik yang telah dibuat oleh kementerian. Saya hendak menyebut sekali lagi di kawasan Parlimen saya ada satu kawasan wetland yang boleh dikatakan terbesar iaitu antara yang terbesar dalam dunia dan menarik ramai pelancong daripada luar negeri. Tetapi saya dengar tadi tidak dimasukkan dalam pelan induk ecotourisme Tasik Bera ini. Saya harap kementerian akan menimbang memasukkan Tasik Bera ini sebagai satu daripada projek ecotourisme. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan memberi senarai kepada 48 tempat untuk pelancongan. Saya rasa Tasik Bera ada di dalam senarai itu. Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Kinabatangan, yang mana satu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Yang Berhormat bagi Parit Sulong ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Baru-baru ini saya terbaca mengenai bagaimana promoter pelancongan di negara asing sedang commercialize gallery and museum, di mana muzium dan galeri menjadi satu tarikan yang amat panas di negara-negara Barat. Saya tidak nampak bagaimanakah kementerian Yang Berhormat akan mempromosikan Balai Seni Lukis yang ada di dalam negara dan bagaimana juga kita mahu membuat satu nilai tambahan kepada muzium-muzium yang berada di seluruh negara. Ini kerana banyak muzium di negara ini mempunyai identiti tersendiri. Umpamanya Muzium Diraja di negeri Johor berbeza dengan muzium di Melaka, di negeri Perak dan sebagainya. Adakah kita akan berusaha untuk menambah nilai kepada muzium-muzium atau art galleries yang ada di seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, memang muzium dan art gallery dengan izin adalah produk pelancongan. Pada masa sekarang kementerian saya hendak mengadakan satu identiti untuk Malaysia. Masa sekarang Malaysia tidak ada lagi satu identiti antarabangsa. Jikalau tanya tentang Malaysia di mana, dia ingat

dekat Indonesia, dekat Singapaore. Jadi, kita mesti fokus kita punya *branding* sebab itu kita gunakan tema Malaysia Truly Asia. Jadi kita guna aktiviti kebudayaan untuk promosikan Malaysia dahulu. Tetapi untuk masa yang akan datang kita akan membuatkan aktiviti kita di art gallery dan di muzium untuk mempromosikan pelancongan. Kita tidak boleh menafikan pada masa sekarang....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biar saya habis dahulu. Pada masa sekarang para pelancong yang datang ke Malaysia adalah lebih dari Asian, dari Cina, India dan Singapore. Jadi, mereka pun tidak begitu minat kepada muzium dengan art gallery. Jadi, kita akan kaji pada masa hadapan macam mana kita hendak promosikan muzium-muzium itu untuk antarabangsa. Okaylah Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini saya bukan memujilah, cuma saya melihat langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri dan Timbalan Menteri Pelancongan begitu menampakkan hasil di mana pelancong-pelancong luar dan dalam negeri berminat sekali untuk melawat tempat-tempat ecotourisme dan sebagainya. Jadi, ini satu hasrat yang mulia dan harus kita beri kepujian kepada kementerian ini, kepada Timbalan Menteri dia aktif melawat ke sana-sini merayu pada negara-negara luar dan juga dalam negeri.

Persoalan yang kita hadapi iaitu ada agensi-agensi seperti agensi-agensi perhotelan tidak serius dalam menangani, menyambut pelancong-pelancong luar sama ada juga pelancong-pelancong dalam negeri di mana kadang-kadang tempahan-tempahan bilik yang dilakukan. Contohnya waktu Persidangan PATA baru-baru ini, ada beberapa Ahli Parlimen membuat tempahan, sudah ditempah kemudian di cancel last minute. Jadi, agensi perhotelan ini harus diberi nasihat dan pandangan supaya mereka komited terhadap industri pelancongan sebagai satu industri bukan sahaja menguntungkan syarikat perhotelan tersebut tetapi menguntungkan negara.

Satu lagi saya nampak adakah Yang Berhormat berpandangan bahawa menerusi demonstrasi jalanan ini akan mengurangkan industri pelancongan melawat negara kita. Pihak pembangkang asyik menganjurkan industri mereka, industri mereka lain, industri mogok jalan raya. Tetapi pada masa yang sama mereka juga bercakap soal pelancongan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya terima kasihlah kepujian kepada kementerian saya. Yang mustahak ialah pegawai-pegawai Kementerian Pelancongan yang bekerja begitu kuat selalu sampai pukul 12.00 malam. Di sini saya hendak minitlah terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, dekat dengan Persidangan PATA memang pada masa Persidangan PATA kita ada ramai participant dengan izin dengan pelancong datang ke Kuala Lumpur. Jadi, kita sekarang ada membuat post mortem untuk PATA itu di mana kita maju dan di mana kita tidak begitu maju. Jadi, saya akan membawa cadangan dan pandangan Yang Berhormat ke mesyuarat ini. Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Walaupun Ahli Parlimen turut dijemput, semua kami tidak dapat hadir kerana persidangan Parlimen. Kita tahu bahawa Yang Berhormat Menteri melawat ke India, Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat ke Cina untuk menarik pelancong datang ke negara kita. Kita yakin bahawa bilangan pelancong ataupun pelabur-pelabur kepada kedua-dua negara tersebut akan bertambah. Umpamanya producer-producer filem Hindustan yang telah membuat penggambaran di negara kita, sekurang-kurangnya 'Twin Tower' dengan izin dapat ditonton sama ada di negara-negara yang telah saya sebutkan tadi.

Saya ingin bertanya bagaimana pula dengan usaha Timbalan Menteri yang memilih negara Cina, apakah producer-producer filem dari negara Cina juga akan turut menjejak, mencontohi sebagaimana yang kita lihat yang dilakukan oleh industri-industri pengusaha filem daripada India. Kerana kita tahu peminat di kalangan penonton-penonton filem Mandarin, filem Cina ini amat digemari mungkin juga termasuk daripada pembangkang. Minta sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Ada satu wayang gambar Cina yang dipanggil 'siakian momocha summer's love' itu adalah satu wayang yang diambil di Pulau Redang di Terengganu, dia di produce oleh Golden Hovers. Itu adalah satu promotion yang besar untuk Malaysia. Pada masa sekarang sesiapa pelancong yang hendak pergi ke Pulau Redang sampai bulan tujuh tidak ada sebuah bilik pun yang kosong. Jadi memang dari Hong Kong, dari Taiwan, dari Cina kita menarik producer datang dan kita sekarang berbincang lagi dengan Golden Hovers apa wayang gambar yang kedua kita akan adakan di Malaysia.

Jadi, saya hendak berucap berkenaan dengan demonstrasi. Yang kedua demonstrasi ialah satu perkara yang betul-betul ada mengganggu industri pelancongan. Semasa saya di Bali, apa yang mereka tanya semasa di press conference. Soalan pertama macam mana demonstrasi di Malaysia, ada stabil atau tidak, ada selamat atau tidak? Itulah soalan foreign press yang bertanya kepada kita. Dia tidak bertanya kepada kita macam mana alam semula jadi kita, macam mana kita stabil berharmoni. Memang Tuan Yang di-Pertua, pada masa tahun dahulu ada rumour akan ada demonstrasi. Semua chartered bus daripada Singapore, banyak chartered bus membatalkan trip mereka. Jadi, memang itu – terima kasihlah Yang Berhormat yang membangkitkan soalan itu, sebab saya betul-betul hendak membawa kepada Dewan yang mulia ini perkara demonstrasi dengan apa akan terjadi kepada industri pelancongan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tidak kali ini. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian telah membangunkan sejumlah 30 buah kampung yang melibatkan 900 buah rumah di seluruh negara sejak tahun 1995 dalam program home stay kebangsaan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya akan habis home stay dahulu ya Yang Berhormat. Program ini adalah merupakan salah satu aktiviti pembangunan pelancongan luar bandar di mana pelancong datang dan tinggal bersama keluarga angkat serta menghayati cara hidup dan sosial budaya penduduk desa yang menjadi tarikan utama kepada kedatangan mereka. Melalui kaedah ini pelancong dan keluarga tuan rumah serta penduduk tempatan dapat berinteraksi di antara satu sama lain yang secara langsung dapat pengetahuan dan pengalaman baru di samping dapat membantu penambahan pendapatan penduduk luar bandar. Di antara syarat untuk menyertai program ini termasuklah keadaan dan kedudukan rumah dan kampung yang strategik dan mempunyai kemudahan asas.

Rumah yang mempunyai lebih bilik, kampung dan rumah yang bersih dan teratur serta mempunyai produk dan aktiviti sosial budaya yang boleh menjadi tarikan pelancong. Dalam program pembangunan ini Kementerian Pembangunan Luar bandar bekerjasama dalam pembangunan kemudahan-kemudahan asas

berdasarkan kepada program luar bandarnya. Manakala Kementerian Pertanian pula terlibat dalam pembangunan agro-pelancongan yang merupakan aktiviti pelancongan untuk bagi program home stay ini. Kementerian Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Persatuan Home Stay Malaysia berperanan untuk mewujudkan kesedaran awam mengenai penyertaan program ini dan melaksanakan promosi.

Di antara kampung home stay yang menjadi tumpuan utama kedatangan pelancong asing termasuklah Kampung Desa Murni, di Temerloh, Kampung Hulu Cocoh di Sepang, Kampung Seri Tanjung di Masjid Tanah dan Kampung Telaga Air di Kuching.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sibunanti, Kota Bharu dahulu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara perkara yang kalau kita hendak menarik pelancong datang ke Malaysia ini, di antara perkara yang hendak ditengok ialah yang unik, yang luar biasa, the uniqueness our society. Antara yang luar biasa di Malaysia ialah dua buah negeri. Di antara negeri-negeri di Malaysia ada dua buah negeri yang diperintah oleh Parti Islam SeMalaysia iaitu parti PAS. Adakah Kementerian Pelancongan ini membuat promosi di luar negara supaya kalau hendak tengok sebuah Negara Persekutuan dan dua buah negeri yang diperintah oleh pembangkang ada di Malaysia, di mana kedua-dua negeri ini ditadbir oleh 'tok guru'. Adakah tidak Menteri Pelancongan ini pergi ke negara-negara Islam misalnya Turkikah, Arabkah di mana-mana. Kalau hendak tengok contoh kejayaan Islamic movement, gerakan Islam di Malaysia yang cuba melaksanakan Islam sepenuhnya seperti mana yang diperjuangkan oleh gerakan Islam seluruh dunia, ada di Malaysia, Kelantan dan Terengganu sebagai contoh. Adakah ini dibuat? Satu,

Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor: *[Ketawa]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Jangan ketawa saya bukan tanya awak, jangan 'sorry' ini Parlimen ya. Kena hormat sedikit, boleh?

Yang kedua, mengenai demonstrasi jalanan. Saya hendak tanya, bila ditanya mengenai demonstrasi Malaysia ini, apakah jawapan yang diberi oleh Menteri berkenaan. Adakah Menteri berkenaan menjawab, demonstrasi, ya demonstrasi sahaja ataupun cuba menjelaskan kepada mereka apa sebab berlaku demonstrasi di dalam Malaysia. Ia hanya mula berlaku tahun 1998, tidak berlaku sebelumnya. Mesti ada sebab-sebab yang tertentu. Apakah sebab ini dijelaskan dengan betul oleh Menteri berkenaan supaya dunia tahu apa yang berlaku di negara kita ini bahawa demonstrasi ini bukan satu permainan suka-suka. Bukan sahaja satu *enjoyment* dengan izin, atau sekadar seronok-seronok, tidak. Sebab demonstrasi ialah salah satu bentuk perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan keadilan membasmi kezaliman yang berlaku di negara ini. Apakah tidak dijelaskan betul oleh Menteri berkenaan kepada orang yang bertanya. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Yang pertama, saya ingat Yang Berhormat tidak dengar apa yang saya cakap tadi berkaitan dengan Pulau Redang. Kita mempromosikan Terengganu - Pulau Redang. Kita tidak pilih Pulau Tioman negeri saya, macam mana tidak dengar Yang Berhormat? Saya harap dengar baik sedikit lain kali [*Ketawa*]

Yang kedua, pejabat pelancongan kita di luar negeri dengan kementerian saya langsung tidak pilih kasih semasa mempromosikan Malaysia, semua negeri ialah Malaysia. Bukan sahaja yang dikata PAS punya, bukan Malaysia, semua Malaysia. Jadi kita mempromosikan negara kita sebagai satu negara. Daripada minggu ini ke minggu yang akan datang, Terengganu akan pergi Taipei untuk mempromosikan Terengganu, yang siapa tolong mereka? Pejabat Pelancongan di Taipei. Saya haraplah Yang Berhormat daripada pembangkang, janganlah ada begitu *no confidence in yourself* berkaitan dengan kementerian saya. Kita tidak pilih kasih.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya tidak nampak Terengganu dan Kelantan sebagai satu contoh *Islamic State*. Saya nampak Malaysia seperti satu negara yang model kepada semua dunia, satu negara walaupun ia adalah agama rasmi Islam tetapi semua penduduk berharmoni di Malaysia.

Yang keempat, lagi Tuan Yang di-Pertua. Jawapan saya berkaitan demonstrasi. Saya cakap betul-betul, Malaysia sekarang berharmoni, tidak ada orang yang dapat apa-apa keganasan. Ini ialah negara saya, tidak payah saya cerita

banyak-banyak dan panjang-panjang berkaitan dengan kita punya *internal affair*. Mengapa kita hendak bawa *home affair* kepada luar? Tidak payah. Kita selesaikan perkara kita sendiri di negara kita. Tidak payah kita bawa masalah kita kepada negara lain semua [*Ketawa*]Tuan Yang di-Pertua, kita sudah marahlah ini.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Hassan bin Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [*Bangun*]

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Saya kurang marah sebab *culture* ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada lagi ya? Ya, semua sila duduk. Semua sila duduk.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon ikut *manners*. Saya sudah bagi jawab satu, dua untuk setiap para, sudah cukuplah sebab panjang lagi.

Ok Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* telah pun menjalankan aktiviti mempromosikan kemudahan sukan golf ini semenjak tahun 1992. Ianya bermula dengan program *Malaysia Tour of Golf Series* dengan izin. Pada tahun 1984, program tersebut ditukar kepada corak kejohanan yang dinamakan *World Amateur Inter-Team Golf Championship* dengan izin, di mana ianya dibuka kepada peminat sukan ini di seluruh dunia. Tujuan utama kejohanan tersebut adalah untuk mempromosikan kemudahan sukan golf kepada peminat luar negara di samping membantu kelab golf mengisi ruang *week days* yang selalunya kosong. Sasaran peserta adalah 70% pelancong luar negara dan 30% pelancong dari dalam negeri. Sehingga tahun 2000, seramai 6,000 peserta telah mengikuti program tersebut dan daripada jumlah tersebut, 70% adalah peserta luar negara yang datang daripada hampir 30 buah negara seperti Netherlands, Australia, New Zealand, Taipei, Hong Kong dan lain-lain.

Melalui program suai kenal yang dianjurkan, *Tourism Malaysia* telah menjemput lebih 200 media dan agensi pelancongan untuk mempromosikan kemudahan sukan di Malaysia. Dalam masa yang sama telah terdapat pengusaha pelancongan dan juga sistem penerbangan Malaysia yang menyediakan pakej pelancongan untuk golf secara berkumpulan atau individu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi membangunkan sektor pelancongan negara. Daripada jumlah ini, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM625 juta untuk membangunkan projek-projek pelancongan, kebudayaan, kesenian dan pemugaran tinggalan-tinggalan sejarah.

Mengenai pasar malam dan pusat-pusat penjaja, saya amat bersetuju bahawa ianya boleh dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan....

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Biar saya habis pasar malam ini dahulu. Namun begitu, sebelum produk ini dipasarkan perlulah dipastikan terlebih dahulu bahawa produk ini adalah menarik sama ada daripada segi barang yang dijual, kebersihan dan keceriaan suasananya. Penyediaan infrastruktur bagi pusat penjaja dan pasar malam pada masa ini adalah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan seperti MARA.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tambun bangun, Yang Berhormat. Sib, Tambun bangun.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Namun, satu ayat lagi ya, nanti. Namun begitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedia membantu daripada segi mempromosikan tempat-tempat tersebut melalui penggalakan pakej-pakej pelancongan dan pengiklanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati daripada jawapan Yang Berhormat

Timbalan Menteri, banyak usaha untuk mewujudkan produk serta promosi dijalankan oleh kerajaan. Dalam ucapan saya, saya ada membangkitkan mengenai dengan statistik pelancongan mengikut unjuran oleh pihak kementerian. Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan akan berbelanja sebanyak jumlah daripada statistik dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pada tahun 2005 diunjurkan sebanyak RM14 juta pelancong akan datang berbanding dengan RM10 juta pada Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini memberi gambaran pertumbuhan sebanyak 40% berbanding pada Rancangan Malaysia Ketujuh - 36%.

Manakala daripada segi pendapatan, sebanyak RM29 bilion berbanding RM18 bilion itu, pertambahan sebanyak 57% berbanding 88% dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jadi soalan saya, setelah kita begitu yakin untuk menarik pelancong melalui produk-produk yang disediakan tetapi statistik ini tidak menunjukkan kita begitu yakin. Saya percaya sepatutnya statistik ini lebih daripada bilangan berdasarkan kepada apa Yang Berhormat nyatakan.

Yang kedua mengenai dengan pihak kerajaan menyediakan produk tetapi kita tahu dalam industri pelancongan, *player* utamanya adalah agensi pelancongan swasta yang menjualkan produk, pakej serta mengendalikan pakej. Boleh atau tidak Yang Berhormat menyatakan, daripada segi kedudukan agensi-agensi pelancongan kita sama ada agensi pelancongan kita telah mencapai taraf yang mampu menarik pelancong yang datang ke sini dengan rasa selesa dan juga nama mereka begitu baik untuk menarik pelancong-pelancong lain daripada segi untuk menambahkan pelancongan ke negara kita.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Berkaitan dengan agensi pelancongan, memang saya mengakui syarikat pelancongan kita di dalam pakejnya, di dalam mencari produknya tidak begitu..., mutunya boleh ditinggikan lagi. Saya selalu kata pada masa ada mesyuarat dengan syarikat-syarikat agensi pelancongan, mereka mesti *creative* dengan izinnya. Mereka mesti cari lebih lagi produk dengan sambung pakej. Itu memang kementerian sendiri sangat risau. Jadi kita sekarang selalu menjalankan kursus dengan mengadakan mesyuarat dengan mereka. Lagipun ma sa menteri saya dengan saya, masa kita ke luar negara untuk promosi, kita ada jemput semua, jika boleh ikut kita bukan sahaja untuk mempromosikan pakej mereka, produk mereka tetapi juga dapat pendidikan berkaitan dengan industri pelancongan sebab sejarah industri pelancongan kita tidak begitu lama.

Jika kita nampak industri pelancongan kita, betul-betul kita tegas hanya sejak tahun 80-an. Saya nampak Bali. Bali pada 60-an, industri pelancongannya sudah hebat.

Yang kedua, berkait dengan statistik. Sekarang, walaupun kita harap kita boleh ada satu *confidence level* yang dapat begitu ramai lagi orang datang ke Malaysia tetapi kita nampak *global economy* yang pertama dengan berdaya saing pada masa sekarang. Begitu banyak negara akan buka industri pelancongan mereka seperti Laos, Cambodia dan Myanmar. Jadi masa kita buat *statistical analyst*, kita ambil semua faktor ini untuk kita dapat satu angka.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah, adakah kementerian mengkaji apa sebabnya pelancong asing dari negara China kononnya dari Bandaraya Fuzhou, tiap-tiap hari lima *flight* penuh ke Bangkok tetapi satu *flight* ke Kuala Lumpur pun tidak ada. Contohnya Pulau Phuket. Saya difahamkan satu tahun mereka mendapat 3 juta lebih pelancong dari luar negara. Apa sebabnya, adakah kerana mungkin iklan pelancongan di Malaysia itu melalui TV antarabangsa contohnya CNN dan lain-lain tidak berkesan atau ada alasan lain. Kita semua tahu di rantau ini Singapore ialah satu pusat pelancongan antarabangsa.

Apa sebabnya kerajaan masih belum bersedia untuk mengizinkan *direct flight connecting* bandar-bandar utama seluruh negara kita khasnya Sarawak dan Sabah. Ini kerana sekarang pelancong asing mahu *direct flight*, tidak mahu tunggu lama di lapangan terbang atau di terminal. Adakah kementerian ada satu pelan, adakan satu kursus di IPTA atau IPTS untuk melatih *personnel* atau pakar-pakar yang berkhidmat di dalam industri pelancongan. Saya fikir di negara kita, ini *tour guide* dengan izin, sangat kurang. Kalau banding dengan negara contohnya di China dan pada mereka ini saya fikir itu kerja sangat penting, ini *multi language tour guide*. Adakan satu kursus untuk mereka,. Sekian.

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Terima kasih. Cadangan dan soalan Yang Berhormat bagi Sibu pun cadangan dan soalan kita kementerian sendiri berkaitan dengan menghebatkan lagi industri pelancongan. Tetapi kita selalu berbincang dengan Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan *accessibility* ke Sabah dan Sarawak.

Yang kedua, berkaitan dengan pemandu pelancong. Malaysia sekarang ada dua jenis pemandu pelancong. Satu, dengan rasmi (*general*) juga awam - dia boleh

pergi ke mana-mana pun. Yang kedua *local tour guide* dengan izin, pemandu pelancongan tempatan seperti untuk Sibu sahaja, atau untuk Mulu Cave sahaja. Untuk itu *personnel* itu bukan seorang yang mendapat ijazah atau apa-apa, dia mesti dapat pengalaman tempat itu.

Jadi, ramai pemandu pelancongan dari sektor itu ada yang ramai datang daripada Orang Asli. Kalau pergi di Jabatan Taman Negara ramai terdapat Orang Asli. Jadi, kita selalu kaji macam mana kita hendak meninggikan mutu pemandu pelancongan bukan sahaja di dalam bahasa tetapi dengan ilmu pelancongan, dengan ilmu tempatan itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari mengenai perlunya penggunaan bahasa asing oleh semua pegawai dan kakitangan barisan hadapan pelancongan, *front liners*, dengan izin, terutamanya di hotel-hotel supaya dapat memahami dan memenuhi citarasa pelancong asing. Dengan demikian mereka dapat menyebarkan maklumat pelancongan negara ini dengan lebih tepat dan secara langsung dapat membantu kedatangan pelancong secara berulang. Ini adalah bersesuaian dengan usaha promosi kerajaan berdasarkan kepada pasaran yang berpotensi kepada industri negara ini. Justeru itu, kerajaan telah menggalakkan supaya hotel-hotel dapat mengambil kakitangannya yang mempunyai pengetahuan sekurang-kurangnya satu bahasa asing di samping menggalakkan pengusaha hotel mengadakan kursus atau latihan dalaman dan luaran.

Usaha dilaksanakan oleh kementerian melalui pelaksanaan skim pengelasan hotel bertaraf bintang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya. Tunggu sekejap.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya mengenai penyebaran maklumat oleh tourist atau pelawat-pelawat asing ini mengenai kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh kepimpinan negara kita, terutamanya kepimpinan tertinggi negara kita yang selalu meng *condemn* Barat dan sebagainya. Adakah ini tidak efek kepada pelancong-pelancong asing untuk datang kerana kita mengambil sikap anti Barat sebegini?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, pelancong-pelancong datang ke satu negara melancong untuk happy. Mereka tidak mahu kesah apa-apa internal politik di sini. Ini bukan masalah dia. Dia hendak enjoy di sini seperti sun, sea,

makanan. Kita tak masuk soal politik ke dalam industri pelancongan kita. Kita sudah beritahu pemandu pelancong kita jangan masukkan apa-apa jenis politik sebab bukan sahaja kita hendak industri pelancongan kita naik, tetapi kita harap imej kita di mata dunia dijaga.

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Cukuplah Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ada panjang lagi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat sudah berucap panjang juga, teruskan. Besut, dia tak beri laluan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, mengikut skim ini hotel bertaraf satu dan dua bintang mesti mempunyai penyambut tetamu yang tahu bertutur dalam dua bahasa, manakala yang bertaraf tiga, empat dan lima bintang mesti mempunyai pegawai dan kakitangan yang tahu bertutur sekurang-kurangnya dua bahasa asing yang berkaitan dengan pasaran pelancongan yang utama. Pengusaha pelancongan yang menghantar kakitangannya mengikut latihan dan kursus juga diberikan galakan oleh kerajaan yang berbentuk insentif percukaian.

Selain daripada hotel, kementerian bersama dengan institusi pelancongan juga telah membangunkan pemandu pelancong yang mahir dalam pelbagai bahasa asing. Pada masa sekarang kita telah dapat pemandu pelancong yang mahir berbahasa Jepun, Korea, Italy, Arab, Perancis, Sepanyol, German dan Rusia. Dalam keadaan-keadaan tertentu seperti di musim puncak kedatangan pelancong terutamanya di musim perayaan atau convention, pemandu pelancong sementara yang mahir dalam bahasa asing yang tertentu dibenarkan melaksanakan tugas pemanduan pelancong. Pemandu pelancong yang berkemahiran bahasa asing ini secara tidak langsung dapat bekerjasama dan membantu industri perhotelan dalam mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dengan lebih berkesan kepada pelancong daripada pasaran utama dan berpotensi bagi negara.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan di Sabah telah menunjukkan peningkatan. Sabah kini melibati penerbangan sewa berjadual untuk negara-negara jauh seperti Sweden, Taiwan dan China. Lebih banyak penerbangan sewa dan pengaliran masuk pelancong-pelancong dijangka datang dari negara-negara tertentu seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman. Berlebihan pelancongan Sabah bergantung kepada keindahan alam semula jadi dan eko sistemnya. Pada

tahun ini telah membawa 142,987 pelancong pada tahun 1999 dan 219,919 pelancong pada tahun 2000 ke Sabah.

Perisytiharan Gunung Kinabalu sebagai kawasan *heritage* sedunia, memperkukuhkan imej ini untuk meningkatkan industri pelancongan ke paras yang lebih tinggi. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa akur dengan keperluan infrastruktur dalam membangunkan industri pelancongan termasuk pembinaan jalan-jalan ke destinasi-destinasi pelancongan yang berpotensi dan akan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai keperluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sememangnya memberi perhatian yang berkenaan penekanan ke atas pelancongan domestik. Kementerian melalui Tourism Malaysia telah melancarkan kempen 'Cuti-cuti Malaysia' pada bulan September 1999 dengan tujuan menggalakkan pelancongan dalam negeri, antara lainnya adalah untuk menggalakkan perjalanan ke semua destinasi dalam negara termasuklah Sabah dan Sarawak.

Bagi tujuan ini, kementerian melalui Tourism Malaysia telah membawa agensi-agensi pelancongan Malaysia ke tempat-tempat menarik di seluruh negara. Usaha ini telah membolehkan mereka mempakejkan tempat-tempat menarik ini sesuai dengan citarasa rakyat tempatan dan seterusnya menjual pakej-pakej ini di pasaran Malaysia. Dalam masa yang sama Tourism Malaysia juga telah membawa wartawan dari akhbar-akhbar dan penerbitan-penerbitan tempatan ke tempat-tempat menarik ini bagi mereka mengalami sendiri dan seterusnya menyiarkan artikel-artikel mengenai tempat-tempat ini di akhbar dan majalah masing-masing. Tourism Malaysia juga bekerjasama dengan lain-lain media seperti radio dan televisyen bagi memperkenalkan tempat menarik ini kepada rakyat negara kita.

Tourism Malaysia melalui program 'Cuti-cuti Malaysia' telah juga mengeluarkan iklan-iklan mengenai tempat-tempat menarik yang terdapat di negara ini sama ada melalui radio, televisyen, papan iklan serta di badan-badan teks, bus dan LRT. Bagi menggalakkan agensi pelancongan menjual negara kepada penduduk rakyat Malaysia, Tourism Malaysia mulai tahun 2000 telah menganjurkan Cuti-cuti Malaysia Road Show di kompleks-kompleks membeli-belah, jabatan kerajaan dan di pameran-pameran yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta di seluruh negara. Melalui *road show* ini agensi pelancongan dan hotel secara

bekerjasama dengan Tourism Malaysia telah mengadakan pameran dan jualan langsung pakej-pakej di bilik hotel.

Di samping usaha secara langsung oleh Tourism Malaysia, kementerian juga memberi sokongan dan galakan kepada pihak-pihak swasta seperti Persatuan Pengusaha Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia, Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia, Persatuan Pelancongan Kuala Lumpur dan lain-lain untuk mengadakan pameran dan jualan pakej bagi mendorong rakyat Malaysia melancong dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan industri pelancongan bagi sesebuah negara sangat bergantung kepada promosi yang dijalankan di peringkat antarabangsa. Untuk negara Malaysia, kementerian mengadakan promosi dalam dua peringkat. Peringkat pertama, kementerian mempromosikan tema '*Malaysia - Truly Asia*', iaitu promosi secara keseluruhan yang ada di Malaysia. Peringkat kedua adalah promosi produk-produk pelancongan secara dasar seperti eko-pelancongan agro-pelancongan, pelancongan sukan dan sebagainya. Promosi untuk setiap produk yang khusus di setiap negeri atau swasta adalah dilaksanakan sendiri oleh kerajaan negeri atau pengusaha produk pelancongan berkenaan seperti Langkawi dan Sabah, Terengganu dan Kelantan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan segala pembangunan produk dan aktiviti pelancongan yang dilaksanakan itu mendapat sambutan ramai, maka kementerian telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha mempromosi dan pemasaran secara agresif berdasarkan kumpulan sasaran, pasaran berpotensi, cita rasa pelancong asing dan pengiklanan melalui media cetak serta elektronik.

Di antara program promosi yang dilaksanakan termasuklah membangunkan laman web serta portal pelancongan di samping bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Kementerian sedia maklum akan perkembangan pesat teknologi maklumat telah mengubah tatacara dan pergerakan industri pelancongan. Kementerian telah dan akan sentiasa menyokong penggunaan teknologi maklumat dalam usaha berterusan memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unggul di dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, setengah-setengah pengusaha pelancongan di Malaysia telah ada kesedaran penggunaan teknologi maklumat dan ada di antaranya telah menyediakan khidmat pelancongan melalui Internet. Mereka telah pun membina laman web dan menjalankan perniagaan melalui Internet.

Di antara website yang telah dibangunkan untuk perniagaan pelancongan adalah www.reliancetravel.com, www.windowtomalaysia.com, www.asiatravelmat.com. Selain daripada itu, kementerian saya telah pun mengambil langkah lain bagi menghadapi cabaran era teknologi maklumat dengan membangunkan satu porter pelancongan iaitu e-tourism portal yang akan ditempatkan di pusat pelancongan Malaysia di Jalan Ampang. E-tourism portal ini telah dibangunkan khas untuk menyediakan keperluan dan menepati kehendak semasa bagi mewujudkan portal e-niaga setempat, dengan izin, one-stop business center di mana semua pihak terlibat dalam industri pelancongan dapat menawarkan khidmat niaga serta mempromosikan produk-produk pelancongan.

Ianya juga akan menjadi satu contoh laman web pelancongan di Malaysia dan dijadikan benchmark, dengan izin, bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan industri pelancongan setanding seperti yang terdapat di luar negara.

Banyak lagi objektif kementerian yang ingin dicapai dalam usaha membangunkan e-tourism portal ini dan yang pentingnya ialah bahawa kementerian bersedia memberi dan menyediakan bantuan serta sokongan demi membangunkan industri pelancongan bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perancangan pembangunan dan promosi pelancongan, dimaklumkan bahawa ianya adalah dilaksanakan secara bersepadu dan terselaras di peringkat pihak Kerajaan Persekutuan, negeri dan sektor swasta melalui Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan yang telah diwujudkan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada exco-exco pelancongan negeri daripada seluruh negara termasuk Menteri Pelancongan Sabah dan Sarawak dan sektor swasta serta NGO seperti Persatuan Hotel Malaysia, Persatuan Agensi Pengembaraan dan Pelancongan Malaysia, Persatuan Kereta Sewa Pandu, Penerbangan Malaysia dan sebagainya. Jawatankuasa ini berperanan dalam merancang dan memantau dasar, strategi, program dan aktiviti pelancongan untuk dilaksanakan secara bersepadu dan terselaras.

Di peringkat negeri pula, selain daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri yang berperanan dalam merancang pembangunan industri pelancongan negeri, kerajaan negeri telah digalakkan menubuhkan majlis tindakan pelancongan negeri

supaya dapat menyelaraskan pelaksanaan bangunan pelancongan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negeri mempunyai daya tarikan tersendiri. Contohnya, Terengganu adalah dengan pulau-pulaunya, Melaka dan Pulau Pinang adalah kerana sejarah, Wilayah Persekutuan ada pembangunan modennya, Sabah dan Sarawak ada budaya yang unik dan Malaysia secara keseluruhannya adalah budaya pelbagai kaum yang hidup secara aman dan harmoni.

Pada dasarnya tidak ada persaingan antara negeri untuk....

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...Yang Berhormat...Besut bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Nanti ya. Nanti saya bagi chance nanti. Pada dasarnya tidak ada persaingan antara negeri untuk menarik pelancong ke negeri masing-masing memandangkan setiap negeri mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

Selain daripada itu, strategi kita kementerian adalah untuk menarik pelancong yang berulang atau tinggal lebih lama di negara ini bagi melawat destinasi di semua negeri di Malaysia.

Tuan Hassan bin Mohamed: Saya bersetuju dengan pihak kerajaan menangani masalah pelancongan ini. Cuma yang merisaukan saya ialah kesan daripada pelancongan ini. Umpamanya, kalau kita tengok di Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tioman yang merupakan satu kerajaan kecil yang menerima kesan langsung daripada pelancongan. Kita lihat di sinilah kerosakan manusia yang paling teruk – dengan dadahnya, dengan sosialnya, dengan seksnya, dengan araknya. Pelbagai gejala buruk berada di kawasan pelancongan.

Yang paling merisaukan saya ialah budaya yang dibawa oleh pelancong ini, umpamanya, naked di pantai. Kalau kita pergi ke Pulau Perhentian itu, kita tidak sanggup tengok. Saya risau kadang-kadang kalau anak-anak sekolah pergi ke sana, naked biasa ini di tepi pantai.

Saya hendak bertanya pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, apakah pihak kementerian fikir atau tidak kesan negatif daripada pelancongan ini dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kementerian untuk menangani kesan negatif pelancongan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Pada masa sekarang kementerian tidak tahulah di mana Malaysia ada beaches yang ada naked pelancongan. Jika ada, silalah lapor kepada kita sebab sekarang kita langsung tidak tahu lagi. Kalau Yang Berhormat tahu...

Tuan Hassan bin Mohamed: Besut, Besut.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: ...bagi kitalah, jadi kita akan ambil tindakan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang di dunia

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin bangun, Rompin.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya belum habis jawab ini dulu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak....

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Okey, okey.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi, dia kata ada suasana yang kita semua tidak dapat terima dalam budaya kita, kesan daripada kemasukan pelancong-pelancong tetapi saya nampak macam di kawasan sayalah, Pulau Tioman, sebab Yang Berhormat sebut Pulau Tioman, tak ada apa Yang Berhormat sebut itu sebab saya tahu kawasan saya sebab kita tulis di situ, "No swimming suit, no bikini".

Bukan sahaja di Pulau Tioman tidak dibenarkan orang mandi tidak ada pakaian tetapi tidak dibenarkan pakaian topless tidak dibenarkan, mesti pakai, tidak benarkan nudity, tidak benarkan topless. Di kawasan di bawah pengawasan Barisan Nasional kita tidak benarkan, tetapi di Besut ini di bawah pengawasan PAS ini, saya risau, macam mana ia boleh berlaku. Minta pandangan Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata saya terkejut, kita tidak dapat ada berita, hanya di Besut lah, so saya pun hairan. Jadi, hendak tanya macam mana ada di Terengganu ada perkara macam ini berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, memang kesan sosial budaya ialah satu kesenangan yang selalu dibincang oleh industri pelancongan dan oleh akademia tetapi pada masa sekarang untuk Malaysia masa kita promosikan negara kita, kita promosikan budaya kita, tradisi kita, kesenian kita dan kita pun ada bagi maklumat kepada para pelancong dari luar negara, apa tradition kita. Macam, jikalau pergi ke sesuatu

tempat mesti pakai yang sesuai, kita ada beritahu semua. Jadi, di Besut sahajalah perkara ini berbangkit, so saya tidak tahu macam manalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...Yang Berhormat...Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung....

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Habis...habis. One minute – hendak tutup dah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa walau bagaimana menarik sekalipun sesuatu produk pelancongan, budaya mesra pelancong perlu dibangunkan bersama-sama dengannya dari segi kemesraan dan memberi layanan yang baik kepada pelancong.

Kementerian ini sentiasa mengadakan program ke arah budaya ini dengan menganjurkan latihan kepada kakitangan hotel, pemandu pelancong dan pengendali pelancong. Namun begitu, penglibatan semua pihak terutamanya pihak pemimpin seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah diperlukan dalam merapatkan budaya tersebut di kalangan rakyat kita supaya kita dapat benar-benar bangunkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan di mana suasana adalah harmoni, selamat dan sentiasa ceria, berpesta dan berkarnival dan bukan selalu berlawan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Pada isu-isu dan cadangan yang tidak dapat saya menjawab hari ini akan diberi perhatian oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, diminta Kementerian Sumber Manusia sila menjawab. Ya, sila.

2.31 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi cadangan-cadangan yang berguna dan membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang telah membangkitkan isu mengenai pengambilan pekerja asing. Perlu dijelaskan bahawa dasar kerajaan pada kali ini adalah untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing seperti mana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu daripada 749,200 orang pada tahun 2000 kepada 570,000 orang menjelang tahun 2005.

Komposisi pekerja asing mengikut sektor pekerja adalah seperti berikut:

Sektor	Peratus (%)
Pembuatan	31.1
Pertanian dan ladang	22
Pembinaan	8.7
Pembantu rumah	20.3

Di antara strategi yang dicadangkan adalah untuk meningkatkan kadar levi pekerja asing di sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Selain daripada itu pengambilan pekerja asing baru hanya dibenarkan bagi sektor kecil tertentu untuk tempoh maksimum tiga tahun sahaja kecuali bagi pegawai dagang, pembantu rumah, sektor ekonomi yang berorientasikan eksport dan majikan yang sukar menarik minat pekerja tempatan kerana persekitaran kerja dan peluang kemajuan kerjaya yang kurang menarik.

Di samping itu, kementerian akan terus berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan. Kementerian ini tiada halangan mengenai penggajian pekerja asing yang betul-betul pakar sekiranya kemahiran tersebut tidak ada di kalangan pekerja tempatan atau sukar diperolehi di negara ini dan amat diperlukan oleh pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun juga membangkitkan isu mengenai *mismatch* di kalangan graduan pelatih daripada institusi-institusi kemahiran negara mencadangkan meningkatkan latihan bagi pekerja mahir dan menjalankan kajian terhadap kemahiran rakyat Malaysia. Isu *mismatch* di kalangan graduan pelatih institut kemahiran telah dapat ditangani tetapi tidak sepenuhnya. Ini kerana latihan kemahiran yang khusus bagi setiap firma dan majikan tidak

disediakan oleh institusi-institusi latihan melainkan latihan yang *customized* dan *company specific*, dengan izin, walau bagaimanapun seorang graduan yang terlatih dan mempunyai kemahiran asas mampu menjalankan kerja dengan diberi masa untuk menyesuaikan diri dengan peralatan mesin di tempat kerja.

Pendedahan ini adalah penting bagi tujuan menyerasikan cara dan amalan kerja di tempat majikan kerana suasana kerja yang berbeza semasa dalam latihan dengan tempat kerja. Sungguhpun demikian, penyesuaian ini tidak akan mengambil masa yang lama berbanding jika majikan mengambil pekerja baru tanpa kemahiran. Pekerja baru perlu dilatih dalam masa yang lebih panjang untuk memperolehi kemahiran. Di antara tindakan yang diambil oleh kementerian melalui Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran pekerja mahir ialah menaik taraf dan menambahkan kemudahan latihan serta memperkenalkan kursus-kursus baru yang berteknologi tinggi dalam sistem latihan yang bersesuaian dengan keperluan dan corak perubahan kemahiran industri.

Kemudahan juga disediakan bagi menggalakkan latihan semula tenaga kerja dalam industri bagi meningkatkan kemampuan pekerja secara khusus terutama dalam mengendalikan mesin elektronik dan yang berkomputer. Dengan peningkatan kualiti dan latihan akan dapat meningkatkan taraf kepada pekerja berpengetahuan.

Di samping itu, Jabatan Tenaga Rakyat menerusi institusi latihannya sedang mengendalikan kursus-kursus jangka pendek berbentuk modular, *customized* atau kursus khas berasaskan keperluan industri. Kursus ini bertujuan untuk memberi peluang peningkatan kemahiran kepada pekerja mahir sedia ada.

Mengenai kajian tahap kemahiran pekerja Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan Latihan Vokasional di bawah pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan atas SIAS, dengan izin, sedang menjalankan kajian-kajian terhadap sektor industri dan lepasan institusi latihan Jabatan Tenaga Rakyat. Mengenai keberkesanan latihan kemahiran yang diberikan oleh jabatan, hasil kajian itu akan dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai tahap kemahiran rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk pertanyaan Yang Berhormat bagi Kepong. Isu yang dibangkitkan mengenai halaman web, homepage PERKESO yang telah diceroboh oleh hackers, dengan izin, pada 25 Mac 2001 dengan meletakkan mesej dengan izin, "*Poison box we are sub government will trace your ID and your IP address*", di halaman utamanya laman web itu di muka hadapan. Lain-

lain halaman tidak diusik dan halaman utama ini telah pun dipulihkan pada hari yang sama dengan menggunakan salinan *back up*.

Kejadian ini merupakan kali pertama sedemikian berlaku pada laman web PERKESO. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini sebagai langkah untuk mengatasi kejadian sedemikian kementerian ini melalui PERKESO sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat komputer dan teknologi maklumat untuk mendapatkan satu perisian atau perkakasan keselamatan yang sesuai untuk dipasang kepada server laman web (*web server*), dengan izin, PERKESO bagi melindungi dan memastikan keselamatan laman web tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat bagi Larut – jiran dia ada – telah meminta kementerian memikirkan cara-cara mengatasi dan meningkatkan kemahiran golongan pekerja bawahan dan pekerja pertengahan. Bagi pekerja industri mereka berpeluang mempelajari bidang baru iaitu bidang teknologi komunikasi dan ICT di semua institut latihan JTR di bawah kementerian. Latihan ini dijalankan pada hujung minggu secara percuma bagi tempoh enam bulan mulai Februari 2001, ini selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan teknikal pekerja selaras dengan kemajuan teknologi tinggi pada masa kini.

Di samping itu, kerajaan juga telah mengadakan mekanisme untuk memudahkan akses kepada latihan kemahiran iaitu melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) dan Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) majikan-majikan di dalam industri tertentu perlu membayar levi kepada kumpulan wang bagi tujuan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja-pekerja mereka. Dari tahun 1993 hingga 31 Mac 2001 sebanyak 2.7 juta tempat latihan telah diluluskan dengan bantuan kewangan sebanyak RM852.4 juta bagi melatih pekerja dalam pelbagai bidang kemahiran untuk menjadikan mereka sebagai pekerja berkemahiran yang boleh membantu majikan meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia merupakan satu mekanisme untuk menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan daya saing. Sungguhpun demikian latihan pekerja adalah berasaskan keperluan operasi teknologi dan juga pelan perniagaan syarikat masing-masing. Dengan itu latihan yang dijalankan adalah lebih ditentukan oleh majikan berasaskan keperluan

perniagaan mereka. Demi menggalakkan majikan meningkatkan aktiviti melatih semula pekerja Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah kementerian memberi bantuan kewangan bagi kos latihan yang dibenarkan pada kadar 100% bagi bidang kemahiran teknikal, komputer, kualiti dan produktiviti.

Bagi bidang-bidang kemahiran lain bantuan kewangan sebanyak 85% telah diberikan latihan kemahiran ini kebanyakannya adalah untuk melatih pekerja daripada kumpulan pertengahan dan juga bawahan. Di samping itu, untuk meningkatkan lagi latihan pekerja Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan Skim Latihan Perintisan dan Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk pekerja atau yang dikenali sebagai Workers Information Technology Scheme (WITS). Bagi Skim Perintisan majikan dibolehkan melatih pekerja di samping melatih lepasan sekolah mengikut nisbah 1:1 iaitu seorang lepasan sekolah mereka boleh melatih seorang pekerja.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai latihan semula. Berapa banyakkah syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang menyertai latihan-latihan yang disediakan oleh *Human Resources Development Fund*? Adakah pekerja-pekerja syarikat kecil dan sederhana juga melalui kursus-kursus yang sama? Saya bertanya soalan ini kerana salah satu faktor yang menjejaskan pertumbuhan IKS adalah ketidakcekapan samaada dari pengurusan atau dari segi bidang pekerjaan? Harap dapat penjelasan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Biasanya Yang Berhormat bagi Parit Sulong memang sentuh dan memang minat dalam pembangunan sumber manusia ini.

Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini majikan yang telah pun didaftarkan berjumlah 7,245 majikan. Untuk tahun 2000 ada 909 majikan dan untuk bulan Januari hingga Mac 2001 ada 167 majikan. Majikan yang didaftarkan ini melibatkan juga mereka yang di bawah schedule 2 iaitu syarikat-syarikat yang di bawah dan dikategorikan sebagai SMI yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta dan pekerja kurang daripada 50 orang.

Walau bagaimanapun saya faham soalan Yang Berhormat bahawa respons daripada SMI ini adalah masih rendah jika dibandingkan dengan SMI yang wujud di

seluruh negara kerana kita adalah negara pertanian yang menjurus kepada negara industri. 25% daripada majikan-majikan yang melibatkan diri dalam perindustrian ialah syarikat gergasi multi nasional, 75% adalah daripada syarikat-syarikat SMI. Jadi, secara *detail* nya saya tidak ada di sini. Saya ke

Tuan Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan bangun.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti sekejap. Kinabatangan ada kilang, ya. [*Ketawa*] Kelapa sawit banyak. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong itu. Saya habiskan sikit lagi.

Yuran latihan dibayar oleh MPSM bagi Skim Wits pekerja daripada majikan yang berdaftar dengan MPSM boleh mengikuti latihan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Yuran latihan adalah dibayar sepenuhnya oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Skim ini dilaksanakan mulai 23 Februari 2001 dan setakat ini sebanyak 5,699 pekerja telah diluluskan mengikuti latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM4.01 juta.

Bagi pekerja-pekerja yang tidak dapat dianjurkan latihan melalui kumpulan wang, mereka boleh memohon pinjaman kewangan daripada Tabung Pembangunan Kemahiran untuk meningkatkan kemahiran pekerja.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini kita telah digemparkan dengan tindakan beberapa buah kilang memindahkan operasi mereka daripada negara kita ke negara yang difikirkan tenaga buruhnya dan tenaga pekerjanya lebih menguntungkan dan akibatnya hampir 14 ribu pekerja-pekerja daripada negara kita sudah kehilangan pekerjaan. Jadi, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini untuk membantu pekerja-pekerja yang telah hilang pekerjaan tersebut.

Dan, tidakkah kementerian ini berhasrat mungkin menggubal satu peraturan baru di mana kalau ada pelabur-pelabur luar yang ingin melabur di negara ini mungkin dikenakan syarat-syarat yang ketat dan tertentu untuk memastikan mereka tidak suka hati memindahkan kilang-kilang ataupun perusahaan-perusahaan mereka daripada negara kita ke negara yang mereka fikir boleh mendatangkan keuntungan yang lebih besar. Kerana nampak sangat mereka lebih menitikberatkan kepada komersial, kepada keuntungan daripada memikirkan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja, sedangkan pekerja ini juga mereka berkeluarga. Jadi, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang mengatakan bahawa terlalu banyak syarikat asing yang memindahkan *investment* mereka, dengan izin, ke negara lain seperti yang dinyatakan juga semalam oleh Yang Berhormat bagi Chenderoh, wakil Menteri Kewangan.

Sebenarnya kalau ikut statistik, hanya 3 majikan sahaja yang memindahkan syarikat mereka ke negara asing dan hanya melibatkan 127 pekerja daripada Januari hingga 21 April. Berbanding dengan jumlah majikan yang terlibat dalam pemberhentian kerja yang berjumlah 277 majikan yang melibatkan 8,404 pekerja. Dan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, *priority* kita adalah kalau ada pemberhentian pekerja, kita tumpukan kepada pekerja-pekerja asing bukan pekerja tempatan.

Justeru itu, hendak buat peraturan-peraturan khas ini, kementerian akan bekerjasama dengan MITI kerana ini adalah dasar. Kita tidak boleh hendak halang mana-mana syarikat untuk bawa keluar dia punya perniagaan sebab dia datang ke sini ada sebab-sebab tertentu dan dia keluar pun ada sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Baling supaya meminta kementerian memikirkan cara-cara untuk membantu mengatasi masalah sosial pekerja-pekerja kilang seperti keruntuhan akhlak. Kementerian ingin menjelaskan bahawa masalah sosial pekerja-pekerja kilang seperti masalah keruntuhan akhlak adalah menjadi tanggungjawab semua pihak. Bermula daripada pendidikan ibu bapa, sekolah, sehingga mereka bekerja.

Kementerian Sumber Manusia sentiasa menggalakkan majikan sama ada secara sendiri atau dengan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan seperti jabatan agama tempatan, seperti JAKIM untuk mendidik dan memberi penerangan untuk membina peribadi dan akhlak individu.

Pada masa yang sama, kementerian juga mengatur beberapa program pendidikan, pendidikan perburuhan, seperti program-program yang berkaitan dengan peningkatan produktiviti, program konsep pekerja berkualiti, program mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja dan sebagainya.

Dan, bagi program gangguan seksual, kita telah pun mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kementerian sebelah saya ini, kakanda saya, Kementerian

Pembangunan Wanita dan Keluarga dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian yang tidak dapat saya sentuh, saya menghargai teguran, komen, cadangan, saranan dan pandangan membina dan akan diambil perhatian serta tindakan terhadap isu dan cadangan yang dikemukakan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.52 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 5.30 petang atau sehingga selesai Usul RMK-8 dibahaskan, yang mana yang terkemudian dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 5.30 petang atau sehingga selesai Usul RMK-8 dibahaskan, yang mana yang terkemudian dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2.54 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Bukit Bendera, Pendang, Subang, Petaling Jaya Utara, Kuala Nerus, Wangsa Maju dan Permatang Pauh kerana telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat mengambil berat dan prihatin terhadap pembangunan perumahan khususnya menyediakan perumahan berkualiti dan termampu dibeli atau disewa di kalangan golongan yang berpendapatan rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun tidak disebut sebagai pelan induk perumahan. Sasaran perumahan yang berasaskan keperluan dan kategori rumah telah ditentukan terlebih dahulu.

Kaedah ini juga diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi menjamin masalah perumahan sentiasa diberi perhatian secara berterusan. Selaras dengan usaha kerajaan untuk memberikan penumpuan yang rapi ke atas pembangunan perumahan bagi menjamin rakyat tidak menghadapi masalah untuk mendapat kemudahan perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memainkan peranan yang penting daripada segi memantau dan mengawal selia pelaksanaannya sama ada ianya melibatkan sektor awam mahupun sektor swasta.

Pada keseluruhannya, pencapaian sektor perumahan adalah menggalakkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, di mana sebanyak 107.4% iaitu 859,480 unit rumah daripada sasaran 800 ribu unit rumah telah disediakan. Sumbangan keseluruhan pembangunan rumah kos rendah sahaja adalah sebanyak 95.3% iaitu 190,597 unit daripada sasaran sebanyak 200 ribu unit rumah.

Sektor awam telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam penyediaan rumah kos rendah dengan kerjasama semua kerajaan negeri. Masalah-masalah yang lazimnya dihadapi dalam pembangunan rumah awam kos rendah seperti penyediaan tapak mengikut lokasi-lokasi yang sesuai, harga tanah yang tinggi dan kos pembangunan dan pemuliharaan semula tanah-tanah kerajaan yang agak tinggi telah dapat diatasi. Oleh yang demikian, sebanyak 45,583 unit rumah ataupun 157% daripada sasaran 29 ribu unit telah disediakan oleh sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pencapaian yang saya terangkan ini tidak termasuk komitmen kerajaan pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah

memperkenalkan Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR) untuk mengadakan kemudahan perumahan untuk disewakan dengan spesifikasi yang lebih selesa iaitu mengandungi 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang makan, dapur dan ruang tamu.

Tumpuan utama PPR adalah di kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar utama di negeri-negeri yang menghadapi masalah setinggan dan perumahan seperti mana yang pernah diumumkan di Dewan yang mulia ini. Program Perumahan Rakyat Bersepadu memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah terutamanya berikutan keputusan kerajaan menaikkan julat harga rumah kos rendah mengikut lokasi.

Di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu, setakat ini sebanyak 34,148 unit yang melibatkan 23 projek dalam peringkat pembinaan. Walaupun menghadapi masalah tertentu daripada segi pembinaannya seperti yang sangat bergantung kepada baki-baki tanah kerajaan daripada bekas-bekas tanah lombong yang memerlukan kos yang tinggi untuk memajukannya dan kawasan tapak yang dipenuhi dengan setinggan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan akan terus menyediakan kemudahan perumahan yang mampu khususnya rumah kos rendah bagi keperluan dibeli dan disewakan.

Di antara langkah yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah mewujudkan zon perancangan mengikut lokasi di mana dari segi pelaksanaan perumahan awam kos rendah misalnya, ianya mungkin melibatkan pengambilan balik tanah di kawasan-kawasan yang sesuai dan strategik.

Di samping itu, penumpuan juga akan diberi kepada pembinaan rumah kos rendah, sederhana rendah yang mempunyai permintaan yang tinggi. Kementerian saya sentiasa memainkan peranan dari segi menggerak dan memantau pembangunan perumahan dengan melibatkan prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan sedia ada yang berkaitan dengan perancangan, kelulusan lesen, penguatkuasaan kepada pemaju-pemaju dan mengadakan satu sistem penyelarasan yang melibatkan kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensinya pusat yang terlibat.

Jabatan Perumahan Negara telah mewujudkan sistem penyelarasan dan pengesanan di peringkat pegawai yang melibatkan kerajaan negeri, kementerian dan agensi-agensinya pusat. Sementara itu, saya sendiri telah menyelaraskan dengan anggota-anggota pentadbiran negeri yang memegang portfolio perumahan menerusi Majlis Perumahan Negara.

Dalam hubungan ini, sukacita saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah juga menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Setinggalan Kawasan Lembah Klang pada 23 April 2001 yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawatankuasa Kabinet ini bertanggungjawab untuk memantau projek perumahan dan penyediaan kemudahan asas yang lain bagi faedah penduduk-penduduk kawasan setinggalan serta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan tentang perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang sentiasa memberi perhatian kepada tahap kejayaan pelaksanaan fungsinya oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Skop tanggungjawab PBT telah pun diperluaskan dari semata-mata sebagai pemberi perkhidmatan ataupun *service provider*, dengan izin, kepada pemudah cara pembangunan ataupun *facilitator of development*, dengan izin, fungsi PBT kini bukan sekadar memungut sampah, memotong rumput dan sebagainya tetapi telah merangkumi aktiviti seperti pembangunan sosioekonomi, penggalakan pelaburan dan perniagaan serta perlindungan alam sekitar.

PBT di negara ini mengikuti perkembangan di peringkat antarabangsa dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan perkara-perkara seperti agenda habitat. Agenda tersebut menetapkan antara lain, supaya PBT harus beroperasi berteraskan prinsip-prinsip seperti ketelusan dan penglibatan komuniti. Pelancaran program perintis Local Agenda 21 (LA21) di empat buah PBT di negara ini adalah bukti yang PBT-PBT negara ini juga komited terhadap isu pembangunan mampan dan mengambil kira pembangunan sosial ekonomi, masyarakat tanpa menjejaskan alam sekitar dan keperluan generasi akan datang. Selain daripada itu, PBT juga terlibat dengan penyediaan infrastruktur dan pembinaan projek-projek kemudahan awam dan sosioekonomi.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar pula, PBT adalah bertanggungjawab ke atas kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai kawasan PBT sahaja. Kebanyakan kawasan berkenaan adalah merupakan kampung-kampung tradisional, kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru, penempatan tersusun dan kawasan FELDA atau FELCRA yang telah mendapat hak milik tanah dan diletakkan di bawah kawasan PBT.

Usaha yang berterusan telah dijalankan oleh PBT bagi memastikan penduduk di kawasan tersebut menikmati kemudahan dan keselesaan. Kementerian

saya memang terlibat dalam pembangunan kawasan-kawasan tersebut dengan cara menyalurkan peruntukan kepada PBT bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Projek-projek berkenaan meliputi tiga aspek pembangunan iaitu:-

- (i) projek-projek infrastruktur seperti jalan, jambatan, parit, longkang dan sebagainya;
- (ii) projek-projek sosial ekonomi seperti rumah kedai, pasar, gerai, bengkel dan sebagainya;
- (iii) projek-projek kemudahan awam seperti Dewan Serbaguna, Dewan Orang Ramai, pondok menunggu bas, tandas awam, kemudahan sukan, rekreasi dan sebagainya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian saya akan terus menyediakan peruntukan untuk disalurkan kepada PBT dan juga terus kepada kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kemudahan asas dan sosial di kampung-kampung sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pelaksanaan program kerajaan di perkampungan terletak di bawah PBT telah berjalan lancar dan mendapat sambutan baik di kalangan penduduk. Kementerian saya akan terus memberi peruntukan yang secukupnya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk tujuan tersebut. Kajian menyeluruh perancangan kawasan perkampungan yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan penduduk kampung agar usaha peningkatan dan penyempurnaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sosial ekonomi dapat ditumpukan dan langkah yang positif dapat diambil bagi mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru atau bandar-bandar baru yang sejajar dengan objektif Rancangan Malaysia Kelapan.

Satu pelan induk ataupun master plan pembangunan keseluruhan di kawasan kampung-kampung baru dari segi peningkatan taraf, kemudahan asas, penambahan kemudahan sosial dan penyediaan rancangan tempatan akan disediakan dengan segera supaya ianya sama taraf dengan perancangan bandar di kawasan PBT.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM110 juta akan diperuntukkan untuk 452 buah kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru iaitu RM50 juta di bawah Program Kemajuan Perkampungan iaitu BP31 dan RM60 juta daripada peruntukan di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan.

Kementerian saya akan menjalankan kajian mengenai keberkesanan kerajaan tempatan dalam tempoh RMK-8. Skop kajian tersebut sedang diteliti supaya menyeluruh dan meliputi aspek-aspek seperti penilaian semula sistem kerajaan tempatan secara keseluruhannya yang mungkin melibatkan pindaan kepada perundangan-perundangan tertentu. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, persiapan-persiapan dan perbincangan-perbincangan awal yang perlu telah dibuat sebelum kajian tersebut dapat dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera, kerajaan telah bersetuju untuk menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal seluruh negara kepada empat wilayah konsesi yang melibatkan empat konsortium pada tahun 1995. Di dalam penswastaan ini, fungsi dan tugas pihak berkuasa tempatan yang sedia ada dalam memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan mereka akan diambil alih oleh syarikat konsesi berkenaan.

Pada masa ini penswastaan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara interim di mana perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan beberapa pihak berkuasa tempatan berkenaan telah diserahkan kepada syarikat konsesi berkaitan. Dalam hal ini, bayaran bulanan kepada syarikat konsesi adalah berdasarkan jumlah peruntukan yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan semasa menguruskan perkhidmatan berkenaan.

Bagi pelaksanaan penswastaan pengurusan sisa pepejal kelak, struktur tarif dan caj untuk pengurusan sisa pepejal di seluruh negara sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Kerajaan akan memastikan supaya kadar caj yang akan dikenakan oleh pihak konsortium dapat diterima dan dibayar oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelenggaraan bangunan-bangunan tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyediakan satu Rang Undang-Undang Bangunan Dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Pengurusan) (RUUBHB) dan rang undang-undang ini telah pun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan diperkemas sebelum ianya dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Dato' Menteri. Menteri telah menjawab secara pantas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Dan saya ambil kesempatan ini untuk menanya kepada pihak Yang Berhormat bahawa caj yang akan dikenakan oleh pihak swasta dalam mengutip sampah sarap. Pada masa sekarang penghuni-penghuni perumahan atau tuan punya rumah mereka bayar *assessment* atau cukai pintu dan cukai pintu ini pada satu masa dahulu termasuk perkhidmatan najis dan termasuk kutipan sampah. Sekarang IWK telah mengambil alih perkhidmatan najis dan kena bayar RM8 untuk seunit rumah kediaman dan sekarang pula kena bayar caj sampah.

Jadi, apa fungsi kerajaan perumahan, kami membayar cukai pintu untuk membersihkan alam sekitar kita dan kini kita dipaksa atau dibuat untuk membayar pelbagai. Jadi, adakah kementerian juga akan menimbang supaya *assessment* atau cukai-cukai pintu yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan akan dikurangkan. Sekian.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, caj ataupun tarif yang akan ditentukan sama ada bagi kutipan untuk pembetulan ataupun untuk sisa pepejal, memang adalah di bawah kajian oleh Unit Perancang Ekonomi dan kementerian saya memang merupakan agensi pelaksana. Pada masa ini belum dapat saya memberi apa-apa jawapan yang pasti apa yang akan dikenakan dan bagaimana ianya dikenakan. Tetapi secara umumnya, saya rasa Ahli Yang Berhormat pun sedar, kalau negara kita hendak maju ke depan seperti negara-negara yang semaju mana yang kita hendak setanding memang kalau kita lihat semua negara yang begitu, memang sesuatu bayaran perlu diadakan oleh rakyat sama ada kuantumnya berapa sahaja, kalau kita mahu semasa kita hendak banyak lagi pelaburan untuk memodenkan lagi perkhidmatan sisa pepejal, perkhidmatan pembetulan dan sebagainya, pada masa yang sama kita katakan caj ataupun cukai pintu yang telah lama lebih kurang tidak naik itu, dikurangkan lagi.

Saya rasa tidak ada sebuah negara di dunia ini tidak ada seorang pemimpin yang genius boleh berbuat demikian, kerana sumber kewangan itu adalah penting. Tanpa sumber kewangan yang cukup, kita memang tidak boleh memodenkan ataupun menaikkan taraf kualiti hidup dan kualiti hidup itu kita kena sama-sama pikul antara semua, itu adalah satu prinsip yang tidak dapat kita elakkan, cuma kalau kita hendak menjadikan negara kita berhenti di situ sahaja, kita banding dengan negara-negara yang kurang maju di mana apa-apa pun tidak payah bayar, kita setakat tak mahu ada apa-apa kemajuan, mungkin itulah keadaan.

Saya rasa rakyat Malaysia bukan hendak keadaan yang semacam itu, walau bagaimanapun, kita kena sabar sedikit tunggu tengok, apa yang akhir kajian yang dibuat oleh EPU dengan kerjasama agensi-agensi lain baru kita tahu kerajaan akan membuat keputusan kemudian, tetapi saya telah katakan tadi, kerajaan tidak ada niat untuk menyusahkan rakyat dan apa yang rasa patut dan munasabah sahaja itu akan dikenakan caj nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga berhasrat agar Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama tersebut akan dapat mengatasi isu penyelenggaraan dan pengurusan bangunan berbilang tingkat apabila ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua... ..

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, boleh bertanya sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang See Ten Ada sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri iaitu sebelum pihak kerajaan akan menswastakan kerja-kerja sisa pepejal dengan mengenakan bayaran, adakah pihak kerajaan akan mewujudkan satu rang undang-undang khas untuk kes ini seperti yang dibuat dalam kerja-kerja pemetungan dan adakah pihak kerajaan akan lebih telus pada kali ini iaitu supaya dapat mengelakkan kekeliruan antara pembayar cukai pintu iaitu semasa penswastakan pemetungan dijalankan, ramai pembayar cukai pintu terkeliru kerana mereka kata, caj bayaran pemetungan sudah termasuk dalam cukai pintu sebab itu mereka enggan membayar caj yang dikenakan oleh IWK selain daripada mereka tidak puas hati caj yang tinggi itu kerana mereka kira sudah dua bayaran tertindih.

Adakah pihak kerajaan akan pada kali ini bila hendak menswastakan sisa pepejal dengan perwujudan undang-undang yang baru, sebelum berbuat begini, adakah pihak berkuasa tempatan dinasihatkan supaya menyenaraikan bayaran yang terkandung untuk cukai pintu seperti untuk angkat sampah berapa, untuk bersih parit berapa, bersih jalan berapa, potong rumput berapa.

Bila undang-undang ini dikeluarkan apa caj seperti kita hendak swastakan sisa pepejal, caj untuk sisa pepejal yang terkandung dalam cukai pintu itu dikeluarkan dan diadakan penswastakan sisa pepejal dan orang akan tahu, oh mereka cuma membayar khas di sini, tidak masuk dalam cukai pintu. Ini adalah seperti yang diamalkan oleh City Council Brisbane di Australia, mereka buat begini.

Adakah ini adalah menjadikan satu ketelusan dan saya yakin dan percaya orang ramai akan membayarnya kerana mereka pun yakin kerana negara kita hendak maju, kita seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri tadi iaitu kita mesti menerima hakikat, kita hendak maju kita pun mesti membayar. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin kita masih tidak berapa sedar tentang betapa banyaknya pengurusan wang yang dibelanjakan untuk pengurusan sisa pepejal, selama ini kalau ikut cara lama, kalau kita biarkan pengurusan sisa pepejal ini di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan masing-masing, secara purata kadar cukai pintu yang sekarang ini di antara 40% hingga 70% telah pun diguna hanya untuk kutip sampah sahaja, jadi kadar sekarang.

Sebenarnya, kadar cukai pintu ini adalah paling rendah sekali, hanya cukup untuk mengutip sampah, untuk lori datang kutip hantar pergi tapak pelupusan, itu pun menggunakan antara 40% hingga 70% daripada kadar cukai pintu. Sekarang jangan lupa, kita bukan lagi di zaman 60-an di mana tanah-tanah kita boleh buang sampah sahaja, di mana kita hendak hantar sampah, tapak itu adalah tapak betul-betul boleh merawat sampah itu, ada sanitary landfill dan semua itu kena bayar, bukan lagi percuma, dahulu nampak sahaja mana ada tanah lapang kita tuang sahaja sampah itu, kalau macam itu, tidak payahlah kita suruh orang bayar banyak-banyak.

Sekarang, kerana penduduk kita sudah begitu banyak dan rakyat semuanya *expectation* sangat tinggi, tidak mahu lagi lihat cara lama itu. Cukai pintu itu setiap kali hendak naik, saya rasa wakil rakyatlah tidak kira pembangkang, Barisan Nasional akan bantah sekeras-kerasnya. Ini memang satu *trend*, termasuk wakil rakyat Barisan Nasional tidak mahu bagi dia naik.

Jadi, pada masa yang sama, PBT kena berikan perkhidmatan yang baik. Jadi, saya rasa Yang Berhormat bagi Gelang Patah dengan tujuan niat yang baik, mungkin beliau kata kalau hendak kenakan caj lebih, beritahu orang, berapakah dan untuk apa? Saya setuju dengan prinsip itu tetapi, kalau kita lihat negara-negara maju, saya tidak suka sebut negara di Eropah, orang kata dia punya taraf tinggi sangat. Tetapi, kita lihat negara yang lebih maju di Asia pun macam itu. Dia kena bayar banyak. Kalau kita pergi lihat sebelah jiranlah, lagi teruk. Apa pun kena bayar. Kalau macam itu, orang Malaysia tetap akan kata tidak boleh.

Macam mana pun, pada masa akan datang, sebelum penswastaan ini dijalankan, satu rang undang-undang pengurusan sistem pepejal tetap akan dibawa balik ke Dewan ini dan semasa itu, kita boleh bincang. Semasa rang undang-undang itu akan menetapkan dasar, menetapkan dia punya peraturan, pada masa yang sama, dengan mengambil satu pengalaman IWK yang telah pun begitu banya isu dahulu.

Saya rasa kali ini, penswastaan sisa pepejal ini adalah lebih berhati-hati. Itu sebabnya, pengambilalihan secara *interim* itu telah pun begitu lama, sudah lebih daripada lima tahun, kerajaan masih tidak bagi penswastaan itu ditandatangani dengan terus dan lima tahun untuk konsortium-konsortium ini mendapatkan pengalaman. Jadi hari ini, kita boleh nampak sikap kerajaan yang berhati-hati ini. Oleh kerana kita melambatkan proses penswastaan ini, konsortium-konsortium sekarang, sudah tidak boleh tahan lagi kerana mereka tidak boleh melabur dan mereka tidak boleh pinjam daripada bank tanpa apa-apa agreement.

Dengan cara itu, mereka hendak beli lebih peralatan, hendak melabur lebih dengan mengembangkan dia punya organisasi pun tidak boleh kerana tidak ada komitmen secara bertulis daripada kerajaan. Ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh bukan sahaja konsortium, oleh rakyat malah oleh kerajaan juga.

Tuan Ng Lip Yong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini bermakna tidak boleh kita tunggu-tunggu lagilah. Keputusan ini kena buat dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Hmmm..sila.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri sebutkan IWK. Di dalam kawasan saya, saya ada satu kedudukan yang saya pun tidak tahu siapa yang bertanggungjawab pada masa sekarang. Di dalam kawasan saya, ada satu kawasan perindustrian, di mana pemaju telah jatuh di bawah *liquidation* dan rumah pam untuk sistem saliran najis pun telah tidak *maintain* lagi. So, pada masa sekarang, *pump house* itu belum diserahkan kepada IWK, DBKL belum ambil alih atau bertanggungjawab, tetapi sistem itu perlu dijalankan, tetapi mesin semua telah rosak.

So, dalam keadaan ini, sudah lebih dari setahun saya cuba berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, minta bantuan daripada

sewerage department, dengan izin, tetapi, kita dapat surat sahaja. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dengan keadaan macam ini, macam mana kita boleh mengatasi masalah? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu kes spesifik, kalau Yang Berhormat boleh bagi saya *direct*, saya akan *personally look into it*. Susah untuk saya jawab secara dasar.

Tuan Yang di-Pertua, amalan menghias kawasan rumah dengan mengkonkritkan kawasan sekitar halaman rumah, tidak diamalkan secara meluas dan oleh yang demikian, tidak merupakan penyebab utama berlaku banjir.

Kementerian saya berpandangan, faktor-faktor yang lebih penting diberi perhatian sebagai penyebab banjir adalah sistem perparitan yang tidak sempurna dan pembangunan yang tidak dirancang serta berlaku penutupan permukaan tanah yang meluas. Ini menyebabkan kadar serapan air ke dalam tanah terjejas dan air larian permukaan, *surface run off* yang terlalu laju. Kerajaan telah pun mengenal pasti kaedah baru dalam menangani masalah banjir dan pencemaran air iaitu manual saluran mesra alam telah pun diumumkan dan dibincangkan.

Program perintis kitar semula yang dianjurkan oleh kementerian ini, tidak memerlukan botol-botol dipecahkan sebelum dimasukkan ke tong-tong kitar semula yang disediakan. Bentuk kaca yang boleh diterima untuk kitar semula adalah dalam bentuk asal untuk digunakan semula. Botol-botol ini terlebih dahulu dibersihkan, dilabel dan diisi semula dengan bahan yang sama seperti dahulu ataupun dengan bahan yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal banjir ini sudah menjadi satu perkara yang merisaukan kepada penduduk-penduduk di bandar-bandar dan di pekan-pekan. Saya melihat kementerian ini agak tidak berapa adil dari segi melihat keadaan banjir. Kadang-kadang, tumpuan yang diberi adalah kepada bandar-bandar besar. Kepada majlis-majlis daerah, di mana terdapat pekan-pekan kecil dan pekan-pekan kecil ini, pertumbuhannya makin hari makin pesat. Longkang-longkang tanah tidak diganti dengan longkang-longkang simen dan longkang-longkang tanah yang tidak diganti dengan longkang-longkang simen ini, air tidak begitu laju, tidak begitu

deras untuk mengalir bagi mengelakkan banjir terutama banjir kilat apabila hujan agak berlebihan dua, tiga jam.

Jadi, saya ingin hendak minta Yang Berhormat Menteri, memberikan jaminanlah untuk Rancangan Malaysia Kelapan ini, peruntukan yang besar harus diberi ke pekan-pekan kecil supaya menyelesaikan masalah longkang-longkang tanah dan longkang-longkang yang belum ada, supaya diberikan peruntukan yang lebih besar kepada majlis-majlis daerah terutama majlis-majlis daerah yang miskin supaya ini dapat mengelakkan kejadian banjir kilat. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya, saya sedang bergerak ke arah itu sejak tahun lalu. Bila saya lihat peruntukan-peruntukan yang telah disediakan oleh kementerian saya dan disalurkan kepada PBT walaupun terhad, tetapi dahulu, saya lihat banyak PBT yang memohon, mereka lebih ghairah kepada minta kompleks besar-besar ataupun perkara-perkara yang optional. Oleh sebab itu, sejak tahun lepas hingga tahun ini, saya sendiri mengambil perhatian di mana sebahagian daripada peruntukan yang disalurkan kepada PBT terutamanya kepada PBT yang kurang berada, yang dia punya budget tidak begitu kuat, sebenarnya saya sudah tetapkan banjir kilat ini diutamakan.

Jadi, saya rasa Sri Gading, memang kawasan itu ada beberapa tempat sebegini. Tahun ini, saya sendiri ada bagi kelulusan dan saya tetap terus akan bagi juga kelulusan selanjutnya pada tahun hadapan. Kalau Yang Berhormat ada nampak projek yang telah diabaikan, sila tulis beritahu saya, saya tetap akan mengambil perhatian. Begitu juga bagi PBT yang lain, saya tetap akan adakan satu pelan induk supaya peruntukan itu kena adil dan keutamaannya ialah apa yang lebih mendesak.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun] [Mengetuk pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sibu bangun. Sibu, jangan ketuk yang itu, jangan ketuk, nanti rosak senang sangat. *[Ketawa]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang ini, saya pun menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading ialah Sibu pun pada bulan Februari yang lalu, ada banjir kilat yang sangat serius dan lebih kurang 30 sekolah ditutup. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri termasuk Sibu untuk program mengatasi banjir kilat. Sekian, terima kasih. .

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Yang Berhormat bagi SibU. Tuan Yang di-Pertua, saya memang terima semua cadangan ini secara terbuka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya mula dengan kawasan perkampungan seperti kampung tradisi, kampung-kampung yang kita selalu panggil kampung baru, kampung-kampung tersusun. Ini yang merupakan tempat yang tidak begitu maju.

Jadi, banjir kilat kawasan ini adalah diutamakan dalam tahun ini juga dan kemudian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini, saya juga rasa banjir-banjir di pekan-pekan yang lain, semua akan diberi satu pelan menyeluruh supaya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kita boleh selesai pada keseluruhannya.

Tetapi, apa yang kementerian saya memohon, memang kita hendak satu bilion ringgit lebih, tetapi saya nampak hanya dapat separuh daripada apa yang kita pohon. Tetapi, mudah-mudahan nanti, *mid term review*, Parlimen sokonglah kalau saya minta lebih untuk membantu semua tempat seperti ini. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun.

Dato' Seri Ong Ka Ting: *Last*, ini *last* sekali, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Haa, *last*.

Tuan Lim Hock Seng: Itu sahaja, bukan *last*. Kalau lain tajuk, boleh tanya lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya PBT, apabila meluluskan satu-satu projek perumahan, mereka mewajibkan pemaju berkenaan untuk membina parit monsun yang besar. Jadi, masalah di dalam bandar, pemaju ini dia membuat satu perumahan dan dia membina monsun drain, agak besar dan dalam. Tetapi, sebelah sana ada juga pemaju yang membuat parit, tetapi di antara ini...*[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Salur dekat mana?

Tuan Lim Hock Seng: ...tersempit sebidang tanah di mana pemaju itu tidak mahu memajukan tanah itu. Jadi, di peringkat pemilik tanah yang tidak mahu memajukan tanah itu, air tidak boleh lalu. Jadi, macam mana Kerajaan Pusat akan memberi satu garis panduan kepada semua PBT supaya tanah-tanah yang tidak dimajukan itu akan dimaju, akan dibina oleh PBT dan kemudian pada satu masa pemilik tanah berkenaan hendak memajukan tempat itu, diwajibkan untuk membayar balik kos membina monsun *drain* itu. Sekian.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini semuanya telah diambil kira dalam Manual Saliran Mesra Alam oleh Kementerian Pertanian. Untuk

makluman Dewan yang mulia ini, esok pagi ada satu mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) di mana semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri akan hadir. Kementerian saya yang menjadi sekretariat kepada majlis ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mempengeruskannya dan Manual Saliran Mesra Alam ini akan dibentang supaya semua Menteri Besar dan Ketua Menteri akan memberi komitmen untuk memantau semua projek pemajuan pada masa akan datang kerana ada semua memenuhi syarat-syarat ini dan syarat-syarat ini memang memastikan projek baru pada masa akan datang tidak akan timbul lagi masalah banjir ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Walau bagaimanapun, saya juga telah pernah cakap bukan sahaja bergantung pada ini, kita juga sedang berusaha untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa supaya satu perancangan yang lebih seimbang dan lebih menyeluruh supaya setiap pemaju kena tahu jiran (neighborhood) dia apa yang berlaku supaya satu gambaran menyeluruh dan juga keseimbangan antara negeri dengan negeri semuanya akan diselaraskan.

Kalau pindaan akta itu dapat diluluskan oleh satu lagi pihak jawatankuasa majlis supaya boleh bawa ke Parlimen ini, baru kita boleh ada satu rancangan jangka panjang untuk semua pembangunan pada masa akan datang supaya lebih terjamin dari segi perlindungan alam sekitar, dari segi mengelakkan banjir, mengelakkan hakisan tanah dan mengelakkan banyak lagi perkara yang tidak diingini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedang bertungkus lumus berusaha untuk mengatasi semua masalah yang telah jadi isu terutamanya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasal kitar semula ini, kebetulan pagi tadi saya sudah jawab satu soalan, saya sudah beritahu prinsipnya dan sebagainya, saya tidak hendak ulang lagi.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kalau dia ada sentuh perkara yang tidak sempat saya jawab, saya beri jaminan tetap semua *Hansard* itu saya telah bawa dan semua pegawai kementerian saya sedang semak satu-satu, tidak akan ditinggalkan dan perhatian atau tindakan akan diambil.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Kementerian Pembangunan Usahawan.

3.33 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan dan ada kaitan dengan kementerian saya.

Pertamanya, Yang Berhormat bagi Tambun. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, sukacita saya menjelaskan bahawa kerajaan berpandangan bahawa dasar-dasar sedia ada yang menunjukkan hasil memberangsangkan akan terus dilaksanakan. Kementerian Pembangunan Usahawan sentiasa memastikan dasar tersebut sentiasa membantu usahawan bumiputera melalui pendekatan-pendekatan baru dan memantapkan lagi dasar-dasar mengikut keperluan pembangunan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tambun, kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan sememangnya telah menggunakan strategi serta pendekatan perkongsian pintar antara bumiputera dengan Cina dan India menerusi program galakan usahasama tulen. Program ini melibatkan penyertaan ketiga-tiga dewan perniagaan kaum utama dan konsortium bank-bank. Syarikat usahasama antara bumiputera, Cina dan India akan ditubuhkan untuk projek yang telah dikenal pasti daya majunya.

Dalam pada itu, kementerian telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan kaum lain dalam merangka program-program untuk meningkatkan lagi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan usahawan bumiputera. Bagi tujuan ini, kementerian telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan yang melibatkan kaum lain seperti Program Pembangunan Francais, Program Pembangunan Vendor dan pendaftaran kontraktor dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Program ini telah dapat mengembang dan memajukan usahawan bumiputera selaras dengan matlamat mempercepatkan matlamat MPPB.

Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkit beberapa perkara dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan tidak sekali-kali mengamalkan kronisme dalam pembangunan sektor korporat bumiputera. Sebagai sebuah agensi kerajaan, kementerian bertindak sebagai organisasi yang menjalankan tugas dengan profesional.

Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa membuat perancangan yang rapi untuk mengenal pasti individu yang berkebolehan dan berpotensi untuk berjaya sebagai usahawan. Dalam menentukan kejayaan membangunkan usahawan bumiputera, kementerian memberi tumpuan berdasarkan kepada kriteria seperti pengalaman, kewibawaan, kesungguhan dan sikap ingin memajukan diri. Tujuan pemilihan rapi adalah untuk menjamin kadar kejayaan yang tinggi dan seterusnya korporat bumiputera yang berjaya dibangunkan akan mewujudkan kesan limpahan dalam membantu usahawan-usahawan baru dan selanjutnya menambah dan mempercepatkan lagi perwujudan MPPB.

Juga memang tidak boleh dinafikan bahawa maklumat terperinci mengenai usahawan bumiputera agak sukar diperolehi. Menyedari hakikat ini, kementerian telah mewujudkan pangkalan data usahawan bumiputera yang bertujuan untuk membantu perancangan, pelaksanaan serta pemantauan program-program pembangunan usahawan dalam pelbagai sektor strategik.

Kegiatan perdagangan yang dilaksanakan oleh agensi seperti UDA dan MARA adalah untuk mewujudkan peluang-peluang perniagaan baru yang lebih luas bagi bumiputera, di samping mempercepatkan perwujudan MPPB bagi memantapkan keberkesanan program-program pembangunan usahawan bumiputera, beberapa jawatankuasa telah diwujudkan untuk menyelaras pelaksanaannya seperti Majlis Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Perhubungan Pembangunan Usahawan Persekutuan Negeri dan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Usahawan.

Mekanisme ini melibatkan pentadbiran peringkat persekutuan, negeri dan sektor swasta. Melalui ketiga-tiga jawatankuasa ini, semua program yang dirancang oleh agensi yang terlibat sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan swasta dapat diselaraskan di mana masalah dan isu yang dihadapi dikemukakan dalam mesyuarat bagi memastikan tiada pertindihan.

Ini berkenaan dengan ada tuduhan bahawa dana agensi ini disalurkan kepada orang politik yang digunakan bukan untuk berniaga tetapi untuk memberi sokongan, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa segala permohonan diteliti dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan tanpa bersikap pilih kasih dan juga dalam menghadapi era globalisasi, usahawan bumiputera hendaklah lebih bersedia sama ada dari segi mental dan juga kualiti produk. Ke arah ini beberapa strategi telah digubal termasuk konsolidasi perniagaan mereka. Bagi meningkatkan kualiti

keluaran mereka, aspek R&D diberi penekanan di mana hasil-hasil kajian akan dikomersialkan.

Yang Berhormat bagi Rompin juga telah membangkitkan perkara dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kerajaan memang menyedari bahawa kaum bumiputera kurang mempunyai modal untuk menceburi perniagaan dan pendekatan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru sememangnya untuk mendapat seramai mungkin bumiputera melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Walaupun bagaimanapun, sejak Dasar Pembangunan Nasional dilaksanakan, kerajaan telah mengambil pendekatan baru iaitu untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang berkualiti dengan matlamat mewujudkan satu MPPB yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing. Pendekatan ini akan terus dimantapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sebagaimana digariskan dalam Dasar Wawasan Negara. Ke arah ini, kerajaan akan menggalakkan syarikat-syarikat bumiputera mengisikan lompang antara pembiayaan IKS dan pembiayaan entiti korporat.

Peranan kementerian dalam menyediakan persekitaran kondusif akan membantu dalam pembangunan usahawan bumiputera yang akan berupaya melibatkan diri secara aktif dalam keekonomi, mengukuhkan daya maju dan daya tahan untuk mampu bersaing di era globalisasi dan bertaraf dunia. Antara pendekatan baru adalah menggalakkan usahawan bumiputera menceburi sektor-sektor strategik dan dinamik seperti ICT, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran.

Usaha ini akan dapat dicapai dalam tempoh yang lebih singkat dengan program-program baru untuk membolehkan kewujudan usahawan menengah bumiputera menerusi strategi pelaburan jalan pintas, wujudnya persaingan antara usahawan dan syarikat-syarikat pelaksana dalam perniagaan. Kementerian akan sentiasa membuat penilaian ke atas program-program kementerian menerusi kajian tertentu yang dilaksanakan dan penemuan daripada kajian-kajian akan digunakan untuk mengubahsuai program dan projek mengikut keperluan kumpulan sasar dan kemajuan semasa.

Selain itu, kementerian juga menggunakan konsep daripada beberapa institusi luar negara dan mengubahsuai pelaksanaan program dan projek untuk memastikan agar usahawan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan perkembangan ekonomi dunia yang terkini.

Untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Berkenaan dengan hendak lahirkan usahawan, saya masih teringat dalam tahun 1997, kalau tidak silap saya dalam bulan Mac ataupun April, kementerian ini ada menandatangani perjanjian dengan Malaysia Electric Corporation (MEC) di Gambang untuk melahirkan vendor dan usahawan bumiputera melalui kementerian ini dan corporation itu. Saya ingin tahu apakah kedudukan projek MEC itu sendiri dan perjanjian itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya Yang Berhormat. Di bawah skim vendor ini, kita mempunyai beberapa syarikat anchor dan di antaranya ialah MEC ini. Tetapi sepertimana Yang Berhormat sedia maklum iaitu kegawatan tahun 1997 telah menyebabkan beberapa program vendor ini tergendala kerana berlakunya kegawatan pada tahun yang disebut sebentar tadi. Jadi, sebab itu dalam skim vendor terjejas sedikit pelaksanaannya, namun untuk memberi jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkenaan dengan MEC ini, insya-Allah selepas ini saya akan minta kepada pegawai saya untuk menyediakan laporan kerana ini satu perkara yang khusus yang dibangkit oleh Yang Berhormat. Selepas ini saya akan bagi maklumat tentang MEC itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Dato' Menteri. Saya harap dapat penjelasan yang menyeluruh tentang MEC kerana Khazanah telah melabur dalam MEC dengan jumlah yang begitu besar dan pada permulaan MEC dilancarkan, Perdana Menteri melancarkannya pada 17 Mac 1997, syarikat menjangkakan mendapat keuntungan RM5 bilion dalam masa 3 tahun operasi tetapi setahun selepas operasi, syarikat ini tutup dan kalau Yang Berhormat boleh semak satu daripada content of M&A MEC ialah membeli kapal terbang dan alhamdulillah MEC telah benar-benar beli kapal terbang sedangkan ia sebuah syarikat pembuat elektronik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sebab itu saya rasa saya kena bagi – oleh kerana banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu secara khusus sebenarnya berkenaan sebuah syarikat. Jadi, saya tidak ada maklumat bersama dengan saya pada waktu ini dan insya-Allah saya akan bagi laporan menyeluruh seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, insya-Allah.

Berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Kemaman yang membangkit tentang kredibiliti Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) di mana dia menyatakan iaitu peranan untuk membantu IKS tidak dilaksanakan sepenuhnya, berubah daripada matlamat sebenar penubuhan dan lebih tertumpu kepada syarikat-syarikat besar.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini sekali lagi iaitu bahawa seperti mana saya jawab waktu saya menjawab di bawah Kementerian Kewangan. Tuduhan ini adalah tidak benar yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kemaman. Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad memberikan pembiayaan berdasarkan kepada daya maju sesebuah projek. Bank sememangnya menumpukan perhatian kepada pembangunan usahawan terlibat dalam industri kecil dan sederhana terutamanya usahawan bumiputera.

Pada tahun 1998, bank telah diberi tanggungjawab untuk memperluaskan perannya kepada pembiayaan projek-projek infrastruktur. Ini bertujuan untuk memulihkan kembali ekonomi negara yang terjejas akibat kegawatan yang melanda sejak 1997. Projek infrastruktur adalah besar dan oleh yang demikian, nilai pembiayaannya juga adalah besar. Jadi, oleh kerana projek ini adalah projek besar, maka pinjaman diberikan kepada projek-projek infrastruktur ini juga adalah besar. Jadi, inilah sebabnya mengapa kalau Yang Berhormat bagi Kemaman melihat iaitu bahawa ada pinjaman yang besar yang diberikan kepada syarikat besar kerana mereka mengendalikan projek-projek infrastruktur semenjak diberikan peranan ini pada tahun 1998.

Walaupun Bank Pembangunan dan Infrastruktur dipertanggungjawabkan untuk membiayai projek-projek infrastruktur namun penekanan kepada pembiayaan sektor IKS tetap diutamakan. Secara keseluruhannya cawangan-cawangan BPIMB di seluruh terus menumpukan pembiayaan kepada IKS dan hanya ibu pejabat sahaja yang menguruskan aspek pembiayaan kepada projek-projek infrastruktur. Malahan 90% daripada sumber tenaga manusia di BPIMB ini adalah ditugaskan

untuk mengendalikan pembiayaan kepada sektor IKS. Melalui aktiviti pembiayaan, bank telah mencatatkan kelulusan sejumlah RM2.8 bilion iaitu kepada kira-kira 2,353 pinjaman dalam tempoh RMK7. Daripada jumlah ini sebanyak 80% daripada bilangan pinjaman dan 47% daripada segi nilai pinjaman telah diluluskan kepada usahawan IKS.

BPIMB juga menyediakan ruang kilang untuk disewakan kepada usahawan bumiputera. Setakat Disember 2000 daripada ruang kilang yang berjumlah 264 buah, sebanyak 65% telah dipenuhi oleh 101 buah projek IKS bumiputera.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada membangkitkan berkenaan perkara dana di mana beliau mengingatkan supaya tabung-tabung dan dana yang disediakan oleh kerajaan kepada peniaga dan usahawan adalah untuk manfaat golongan tertentu sahaja.

Saya ingin menyatakan di sini, bagi membantu usahawan-usahawan mendapatkan pembiayaan perniagaan, kerajaan telah mewujudkan pelbagai dana dan skim khas sebagai bentuk geran, modal teroka, skim jaminan dan pinjaman mudah dengan kos yang rendah dan berpatutan bagi memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran, seperti bakal usahawan, peniaga kecil, usahawan perusahaan kecil dan sederhana, kontraktor, usahawan industri ICT, usahawan dalam bidang perkhidmatan, perdagangan dan pembuatan, usahawan dalam perniagaan francais, usahawan siswazah dan syarikat usahasama.

Ini merupakan golongan sasaran yang ditentukan oleh kerajaan dan kita akan memastikan bahawa semua tabung dan dana yang disediakan itu hendaklah memang patut sampai kepada golongan sasaran dan tidak kepada golongan yang lain.

Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sahaja terdapat 18 skim dan dana pembiayaan khas untuk membangun usahawan termasuklah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahaniaga (TEKUN), Skim Pembiayaan Perniagaan MARA, Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), Tabung Usahawan Siswazah (TUS), Skim Pembiayaan Pusat Negeri (SPPN), Skim Modal Asas (SMA), Skim Pembiayaan PNS, Skim Pinjaman Biasa, Khas, Tabung Modal Teroka Berteknologi Tinggi, Skim Galakan Usahasama, Skim Bantuan Pembangunan Francais dan Skim Pembiayaan Francais.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada membangkitkan berkenaan soalan saya, ada sedikit maklumat di sini yang saya

hendak saya sebut kepada beliau. Syarikat MEC telah mengalami masalah perniagaan sendiri. Syarikat vendor berkenaan telah diletakkan di bawah syarikat yang baru. Kementerian mengambil berat masalah yang dihadapi oleh syarikat *anchor* dan mereka telah dinasihatkan dan dibimbing di bawah syarikat *anchor electronic* yang lain iaitu yang anak-anak vendor tadi. Syarikat vendor *electronic* terdiri daripada syarikat *anchor* Jepun sentiasa bekerjasama membangunkan syarikat vendor keseluruhannya. Syarikat *anchor* Korea, Eropah dan USA juga sedang membantu membangunkan syarikat vendor yang bermasalah.

Ini cuma maklumat yang sedikit yang saya beri kepada Yang Berhormat tetapi sebenarnya saya telah berjanji sebentar tadi saya akan memberi maklumat yang lebih seperti mana yang dipohonkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengutarakan pelbagai soalan yang dapat saya merumuskan kepada empat aspek iaitu pembasmian kemiskinan, pembangunan prasarana asas dan utiliti, pembangunan sektor pekebun kecil serta pembangunan institusi.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah menarik perhatian Dewan supaya program PPRT diperhebatkan di kawasanya supaya kualiti hidup dapat dipertingkatkan. Program PPRT akan diperkemas lagi di dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PKR). Skim PKR akan menumpukan usaha pengurangan kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin di kawasan terpencil dan di kalangan Orang Asli dan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Program-program kecil di bawah Skim PKR di antara lain menitik beratkan aspek-aspek peningkatan kualiti hidup dan asas ekonomi golongan yang

bersinambungan bagi yang berpendapatan rendah termasuk di kawasan Kinabatangan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Kuala Nerus dan Sandakan juga membangkitkan isu supaya kerajaan membangunkan dengan lebih giat kemudahan-kemudahan infrastruktur sosial seperti elektrik, jalan raya, bekalan air di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan liputan dan kualiti infrastruktur asas dan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan jalan di kawasan luar bandar dengan tujuan bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti hidup tetapi yang lebih penting ialah untuk menampung keperluan pertumbuhan aktiviti-aktiviti moden dan pembangunan ekonomi. Tumpuan akan terus diberi kepada negeri-negeri di mana tahap liputan penyediaan pembekalan, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan utiliti masih rendah.

Bagi mempercepat dan memperlengkap pelaksanaan projek berkenaan kerajaan akan terus memperbaiki sistem penyampaian melalui pengubahsuaian kepada kaedah pelaksanaan dan penggunaan teknologi baru. Antaranya pelaksanaan secara bersepadu bagi program menaikkan taraf dan penyelenggaraan jalan kampung. Bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan lampu jalan kampung. Di samping itu bagi kawasan-kawasan terpencil dan tidak ekonomik diberikan bekalan secara konvensional sistem alternatif seperti solar dan set generator diesel bagi bekalan elektrik dan telaga tiub dan sistem graviti bagi bekalan air akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai maksud tersebut kerajaan telah mencadangkan peruntukan sejumlah RM3.836 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan program-program tersebut di seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong....

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat memang banyak program yang telah dilaksanakan oleh kementerian untuk bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar. Rancangan Malaysia Ketujuh umpamanya lebih daripada sepuluh program-program ini yang telah dilaksanakan.

Saya ingin tahu, adakah kementerian membuat kaji selidik tentang keberkesanan program-program yang telah dijalankan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh dan setiap masalah-masalah yang berbangkit dalam pelaksanaan program-program tersebut dapat diperbaiki apabila berhadapan dengan Rancangan Malaysia Kelapan yang akan datang ini. Apakah ada kajian dan apakah kajian itu memberi kesan yang begitu baik terhadap kumpulan sasar yang hendak dibasmi, dipertingkatkan ekonomi mereka.

Dato' G. Palanivel: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa membuat pemantauan terhadap semua projek yang dilaksanakan oleh kementerian di peringkat tapak dan juga peringkat kementerian dan kalau Yang Berhormat ada apa-apa maklum balas yang boleh digunakan oleh kementerian, sedia beri kepada kementerian dan kementerian boleh mengambil tindakan. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menarik perhatian Dewan supaya kajian mengenai kemiskinan dijalankan termasuk mentakrifkan semula konsep kemiskinan, menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan berlaku dan meminta supaya program-program kemiskinan lama dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang sedang dibahaskan, kementerian ini telah memohon peruntukan untuk menjalankan kajian termasuk kajian kemiskinan. Walau bagaimanapun buat masa ini terdapat beberapa kajian mengenai kemiskinan telah dijalankan. Contohnya kajian impak dan keberkesanan PPRT oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997.

Berhubung dengan cadangan supaya program kemiskinan dilaksanakan dengan lebih berkesan, kerajaan telah dan akan sentiasa memantau keberkesanan program-program yang dilaksanakan dan menilai keberkesanan mekanisme pelaksanaan supaya impak pelaksanaan program sentiasa menepati satu-satu objektif yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Nerus juga memaklumkan di dalam usaha membasmi kemiskinan, tumpuan perlu diberi terhadap pemulihan akhlak keluarga termiskin bagi mengelakkan masalah sosial.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada kerajaan, adakah pendapatan garis kemiskinan ini adalah

munasabah dengan keadaan ekonomi yang berlaku sekarang, ataupun kerajaan berharap ataupun bercadang mengkaji semula pendapatan garis kemiskinan ini. Ini sangat mustahak kerana jika pendapatan garis kemiskinan rendah dengan sendirinya bilangan orang miskin akan menjadi rendah. Tetapi kalau pendapatan garis kemiskinan itu adalah tinggi dengan sendirinya bilangan orang miskin akan besar. Saya difahamkan dalam mesyuarat MAPEN ada tiga modul telah dikemukakan. Satu pendapatan RM510 seperti yang kita pakai sekarang dan satu pendapatan lain ialah RM900 ialah pendapatan garis kemiskinan. Mana-mana pendapatan yang kurang daripada RM900 adalah miskin. Jika pendapatan RM900 digunakan sebagai ukuran pendapatan garis kemiskinan sebenarnya peratus kemiskinan dalam negara kita adalah tinggi dan dalam modul tersebut, saya difahamkan mereka telah mengaitkan dengan mutu pemakanan, mutu perumahan, mutu pendidikan anak-anak iaitu mana-mana pendapatan yang kurang daripada RM900 dengan bilangan enam orang anak dalam satu keluarga, keluarga mereka tidak mampu memberikan utiliti ataupun keperluan hidup yang munasabah.

Adakah kementerian ini sudah bercadang untuk menubuhkan satu panel untuk mengkaji pendapatan garis kemiskinan itu sendiri.

Dato' G. Palanivel: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa Yang Berhormat katakan tadi tetapi kita sudah mengambil perhatian apa yang disebut bukan sahaja daripada Yang Berhormat tetapi lain-lain Yang Berhormat bahawa garis PLI ataupun *poverty line index* ataupun paras garis kemiskinan yang pada dahulu kita tentukan kepada RM230 untuk termiskin dan RM460 untuk miskin tidak begitu sesuai mengikut keadaan semasa dan sebab itu kita banyak berbincang terhadap masalah ini dan kita mengubah sedikit dan kita tetapkan *poverty line index* kepada RM510 dan bawah tetapi walau bagaimanapun, kita tetapkan RM510 dan ke bawah. Kumpulan ini akan menjadi kumpulan utama kita tetapi lain-lain kumpulan dan masyarakat yang pendapatan mereka ialah RM1,200 dan ke bawah mereka pun boleh menikmati bantuan-bantuan dan program-program yang disediakan oleh kementerian. Sebab program ini ialah program baru, kementerian dalam proses mengeluarkan satu buku panduan dan dalam buku panduan ini kita akan cetak - RM0-RM255, apa yang mereka layak bantuan dan RM255-RM510 kumpulan miskin, apa yang mereka layak dan RM510-RM1,200 apa mereka boleh dapat dari bantuan-bantuan yang disediakan oleh kementerian. Dan sebab program ini program baru, kita mengambil sedikit masa untuk mencetak buku

ini dan buku panduan ini akan menjelaskan dengan lebih mendalam kepada Yang Berhormat apakah bantuan-bantuan yang boleh diterima oleh rakyat termiskin termasuk mereka yang terima pendapatan bulanan RM1,200 dan ke bawah. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat, mana hendak bagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, mana hendak bagi? Kubang Kerian?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Kubang Kerian. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Ya, berkenaan dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berkenaan dengan garis panduan orang miskin tadi, kementerian akan buat satu garis panduan kategori yang miskin tadi akan mendapat kemudahan yang berlainan. Mungkin Yang Berhormat tahu daripada analisa yang telah dibuat oleh Agensi Dadah Kebangsaan. Separuh daripada bilangan penagih ialah pelajar-pelajar yang tidak lulus SRP ke bawah, darjah enam, tingkatan satu, tingkatan dua, yang tertinggi ialah tingkatan tiga. Separuh daripada penagih ialah tingkatan tiga ke bawah iaitu tidak lulus periksa. Kementerian Pendidikan pun boleh jadi faham ataupun *notice* perkara ini.

Saya hendak tahu ialah jika sekiranya mereka ini tidak ke sekolah kerana faktor kemiskinan, adakah dalam garis panduan tadi, pelajar-pelajar daripada keluarga miskin ini yang kemudian terdedah kepada dadah, diberikan bantuan pendidikan dalam bentuk biasiswa untuk semua ahli keluarga yang miskin tadi dikecualikan dari yuran periksa dan yuran persekolahan. Adakah termasuk dalam yang hendak dipandukan tadi?

Dato' G. Palanivel: Saya tidak tahu bahawa kita boleh masuk itu atau tidak boleh masuk itu kemudahan yang kita beri kepada anak-anak sekolah tetapi apa yang berlaku sekarang ialah melalui agensi-agensi kerajaan dan melalui agensi-agensi kementerian, kita beri banyak jenis bantuan kepada murid-murid sekolah dan mereka yang miskin kalau nama mereka didaftar di pejabat kebajikan masyarakat ataupun di pejabat daerah, nama dia tidak tercicir daripada daftar, mereka layak

menerima bantuan dan kalau nama mereka telah pun tercicir, tidak ada di situ, Yang Berhormat boleh cuba masuk namanya dalam daftar orang-orang miskin di pejabat daerah dan daftar ini kita tidak tamat lagi, ini daftar terbuka, boleh daftar sepanjang tahun. Kalau itupun Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat boleh beri senarai murid-murid yang memerlukan bantuan daripada kementerian, kementerian akan kaji bantuan yang boleh diberi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan berdiri dan Parit Buntar ya.

Dato' G. Palanivel: Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Timbalan Menteri. Pertama sekali ingin merakamkan terima kasih kepada kementerian ini kerana akhir-akhir ini saya tengok begitu ada komitmen dan komited melihat ke arah mengangkat martabat rakyat Malaysia yang berada di luar bandar walaupun terpencil jauh tetapi nampak kerajaan dan kementerian ini ada kesungguhan untuk memberi nafas yang baru, aspirasi yang baru dan harapan yang baru kepada masyarakat di luar bandar. Sebagai seorang wakil rakyat mewakili kawasan luar bandar, saya ingin bertanya kepada kementerian ini, apakah kementerian ini telah berhasrat untuk mengadakan pentafsiran semula garis kemiskinan di seluruh negara iaitu membuat pembancian semula di semua peringkat. Mereka yang miskin di luar bandar berapa, mereka yang miskin dalam bandar, berapa kerana dalam bandar pun banyak yang miskin, banyak yang minta sedekah. Jadi ini memang dikategorikan orang lebih miskin. Tetapi pendapatan dia dalam bandar ini lain, orang minta sedekah di bandar ini, pendapatan dia ada sahaja sementara mereka di luar bandar, mereka tidak mahu mengemis, mereka malu untuk mengemis tetapi mereka mengerahkan tulang mereka. Jadi pada saya, saya percaya dengan rancangan yang telah diberikan oleh kementerian ini amat komprehensif.

Walau bagaimanapun, pada saya kementerian dan kerajaan harus memberi penekanan kepada semua agensi kerajaan bahawa peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kelapan ini hendaklah dijalankan mengikut jadual, mengikut waktu dan tarikh dia dibikin dan harus disiapkan *[Tepuk]* kerana tidak ada guna program yang cantik ditengok di atas meja di pejabat bilik gerakan. Sampai ke bawah, projek yang seharusnya dibuat bulan sembilan, delay pergi tahun depan *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Jadi pastikan agensi-agensi kerajaan ini, pegawai-pegawai kerajaan mengikut arahan kerajaan, jangan mereka mengarah kerajaan, mereka dibayar gaji oleh rakyat, mereka harus kerja kepada rakyat, jangan orang politik pula disuruh kerja kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Pegawai-pegawai kerajaan, agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan amanah ini harus memikulkan amanah yang sama, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan buat ucapan yang panjang, saya lupa apa dia minta. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun ...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya boleh ulang kalau lupa.

Dato' G. Palanivel: Terima kasih. Masa terhad.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, dia hendak kaji semula mengenai bantuan, itu sahaja maksud dia ke seluruh negara, yang lain itu dia bukan perkara penting.

Dato' G. Palanivel: Untuk makluman Yang Berhormat, ini daftar seperti yang saya sebut tadi, daftar orang-orang yang miskin, kita tidak tamat pendaftaran. Daftar itu pendaftaran terbuka dan seperti yang saya sebut, kalau Yang Berhormat boleh memberi bantuan kepada kementerian, hantar kepada kementerian atau ke pejabat daerah yang dekat, senarai nama-nama orang yang miskin yang tercicir daripada senarai dahulu, itulah satu bantuan besar, terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Parit Buntar?

Dato' G. Palanivel: Last, last.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha last, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sedikit masalah PPRT ini berhubung dengan isu '*marginalization*' dengan izin, keterpinggiran. Saya ambil contoh di kawasan saya di Tanjung Karang, terdapat satu penempatan PPRT, namanya Sungai Kajang. Sungai Kajang ini jauh dengan manusia maka dibinalah penempatan PPRT beberapa buah rumah yang terasing daripada budaya *main stream*, dengan izin. akhirnya berterusanlah budaya PPRT ini, rendah tahap berfikir, rendah tahap bertindak, kurang berprestasi, kurang menyertai projek pembangunan, fikiran yang tertutup, berjiwa kecil, berjiwa hamba, lemah pencapaian dan sebagainya. Maka mereka akan terus hidup dalam budaya itu padahal kita hendak majukan mereka. Padahal kita hendak buka mereka.

Saya ingin cadangkan Yang Berhormat, supaya golongan ini yang bilangannya pada bulan Januari hingga September 2000 ialah 155,949 orang, bilangannya ramai. Sebab itu kalau manusia ini terus terpinggir dan hidup dalam budaya marginalize ini, dengan izin, saya rasa agak sukar sedikit kita hendak majukan mereka, hendak buka pemikiran mereka dengan masukkan mereka sebagai manusia *main stream* yang akan sama-sama memajukan diri mereka dalam konteks kita membangunkan Rancangan Malaysia Kelapan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah panjang Yang Berhormat, nanti dia lupa asalnya.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu siapa yang memperkenalkan budaya *marginalization* ini kepada kawasan ini dan saya mengambil perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat dan saya akan minta pegawai saya buat lawatan ke situ dan beri kita laporan atas keadaan sebenar di situ dan kalau ada apa-apa tindakan yang perlu diambil untuk membela mereka dan memberi peluang kepada mereka masuk dalam arus perdana dan sokong Kerajaan Barisan Nasional, kita akan cuba, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Pendang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' G. Palanivel: Cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi.

Dato' G. Palanivel: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, bagi. Ya, sila.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan tentang bantuan perumahan rakyat termiskin. Kerajaan telah menentukan kriteria keluarga atau orang tertentu yang berhak mendapat bantuan rumah tetapi apa yang berlaku, hari ini saya tahu sejauh mana peranan JKK dalam menentukan seseorang yang memang ada kelayakan untuk mendapat bantuan itu tetapi tidak mendapat kelayakan dan yang lebih malang berlaku dalam kawasan saya sebelum saya memenangi kawasan Pendang ini, seorang ahli PAS yang miskin di sebuah kampung, saya tidak pasti sama ada ini ada dalam pengetahuan dalam Yang Berhormat Menteri, kampung pendalaman di Pendang yang direkomenkan oleh penghulu mukim itu untuk mendapatkan bantuan rumah penduduk termiskin ini dan beberapa bahan binaan rumah itu dihantar seperti pelapik tiang dan bahah-bahan yang lain tetapi kemudiannya setelah dibantah oleh JKK UMNO di situ kerana dia seorang aktivis PAS, maka bantuan itu diberhentikan dan bahan-bahan yang lain yang sepatutnya dihantar untuk membolehkan sebuah rumah untuk keluarga termiskin ini dibina tidak dapat dibina dan sehingga hari ini, dia memberitahu saya bahawa dia tidak mendapat apa-apa bantuan lagi dan tidak dapat menerima apa-apa bekalan tambahan untuk membolehkan dia mendirikan rumah.

Kampung ini dikenali dengan Kampung Beris di daerah Pendang atau kawasan Parlimen dalam DUN Sungai Tiang dan apakah Menteri akan dapat memberi satu jaminan bahawa keadaan yang berlaku itu akan diperbaiki dan orang yang sepatutnya mendapat bantuan rumah ini akan diberi semula bantuan itu jika dia terus melanjutkan permohonan dia. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi dasar, tidak ada di peringkat atasan, tidak ada diskriminasi dan keberkesanan program pembasmian kemiskinan dan program perumahan untuk orang-orang miskin sesungguhnya sampai kepada sebahagian besar daripada kumpulan sasar dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, peruntukan yang kita beri kepada negeri Kelantan yang ditadbir oleh pembangkang tahun ini ialah RM112,328,000 dan ramai diberi rumah PPRT dan lain-lain. Mungkin apa yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa seorang penyokong Yang Berhormat tidak diberi rumah PPRT, mungkin boleh jadi benar tetapi masalah ini boleh diselesai, hantar nama orang yang Yang Berhormat sebut sebagai orang termiskin, kita akan kaji. Kalau benar-benar dia

adalah seorang miskin dan beliau berhak untuk menerima rumah PPRT, kita akan menyediakan peruntukan untuk membina rumah PPRT kepada beliau. Tetapi rumah PPRT dan lain-lain program di semua kawasan di negara ini terhad kepada peruntukan dan saya harap beliau tidak jadi mangsa diskriminasi sebab dari dasar untuk program-program pembasmian kemiskinan, kita tidak mendiskriminasikan sesiapa pun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis Menteri ya?

Dato' G. Palanivel: Ya, habis. Saya teruskan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, habis jawab atau habis semua?

Dato' G. Palanivel: Habis, habis jawab. Belum habis jawab, jawapan panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]* Saya ingat tadi Yang Berhormat sudah duduk, ya teruskan.

Dato' G. Palanivel: Kalau dia orang tidak minta tambahan, saya boleh habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, habis soalan tambahan, teruskan.

Dato' G. Palanivel: Kalau dia hendak balik pukul 5.30, saya boleh bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tolong teruskan.

Dato' G. Palanivel: Kerajaan Malaysia sedar bahawa masalah kemiskinan dan ketermiskinan adalah multi-facilitate iaitu seseorang yang miskin itu bukan sahaja miskin dari segi kewangan tetapi juga dari segi minda dan sikap. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Program Pembangunan Minda dan pemulihan sikap keluarga termiskin akan diterus dan diperhebatkan.

Di bawah program ini kursus-kursus perubahan sikap diadakan untuk semua ahli keluarga termiskin iaitu ketua isi rumah, suri rumah dan ahli-ahli isi rumah. Tujuan kursus-kursus ini diadakan ialah untuk memberi kesedaran, bimbingan, dorongan, tambahan ilmu pengetahuan di samping memberi motivasi dan semangat kepada keluarga-keluarga termiskin supaya mereka dapat bersama-sama mengambil bahagian yang aktif dalam pelaksanaan projek dan melengkapkan diri dengan kemahiran dan ilmu yang dituntut oleh arus pembangunan negara. Nilai-nilai

keagamaan seperti tanggungjawab terhadap Tuhan, keluarga dan masyarakat serta mengamalkan nilai-nilai positif adalah diterapkan ke dalam kursus-kursus tersebut.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga memaklumkan kadar kemiskinan iaitu 7.5% hanya berdasarkan kepada RM510 sedangkan orang yang layak mendapat bantuan adalah berpendapatan RM1,200 ke bawah. Sepatutnya paras garis kemiskinan perlu diperbaiki lebih daripada RM510.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat memberi penekanan kepada usaha-usaha menyusun semula masyarakat dan mengurangkan kemiskinan supaya pembangunan yang hendak dicapai pada masa akan datang lebih seimbang serta dapat mengurangkan jurang pendapatan antara yang berada dengan yang kurang berada.

Secara am skim ini mensasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dalam lingkungan RM1,200 ke bawah. Namun begitu, golongan yang berada di bawah paras garis kemiskinan (PGK) adalah merupakan kumpulan tumpuan utama di dalam pemberian bantuan di bawah skim ini dan dengan adanya PGK ini memudahkan kerajaan membuat perancangan dan pengagihan bantuan. Garis pendapatan kelayakan untuk mendapatkan bantuan tidak sama dengan PGK.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga memaklumkan terdapat banyak skim yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dan yang terbaru adalah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Beliau memaklumkan kebimbangan walaupun terdapat skim yang banyak, rakyat tidak mendapat faedah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama skim ini adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat terutama yang berpendapatan rendah dilihat dari segi peningkatan kualiti hidup serta pendapatan isi rumah. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat bantuan yang sewajarnya melalui pelaksanaan pelbagai skim dan bantuan.

Sehubungan dengan itu, usaha pembasmian kemiskinan secara bersepadu perlu dilaksanakan, bukan sahaja oleh kerajaan malahan oleh semua pihak, sama ada pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, golongan politik dan juga individu. Sekiranya semua pihak memahami tanggungjawab dan prihatin kepada permasalahan ini sudah pasti tidak ada rakyat yang tercicir dan dinafikan haknya.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena meminta skim tersebut dikendalikan dengan cara yang lebih profesional tanpa campur tangan politik. Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha membasmi kemiskinan, kerajaan memerlukan sokongan dari

pelbagai pihak sama ada dari badan bukan kerajaan, pihak swasta, golongan politik dan juga individu bagi memastikan kejayaan dalam usaha murni ini. Adalah menjadi dasar kerajaan melaksanakan skim ini dan juga apa sahaja program kerajaan yang lain dengan cara yang lebih telus, profesional dan beretika.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, tak payah ketuk Yang Berhormat, saya nampak.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman. Kata tak hendak bagi tadi, Yang Berhormat, bagi. Ha, Kemaman, sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang Berhormat kata tadi ialah penglibatan semua pihak termasuk ahli-ahli politik dalam pembasmian kemiskinan ini tetapi di kawasan-kawasan di mana wakil-wakil rakyatnya adalah daripada pihak pembangkang mengapa penglibatan Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mereka tidak dimasukkan di dalam program-program untuk pembasmian kemiskinan ini.

Sebagai contoh, kalaulah sekiranya bantuan-bantuan hendak diberikan kepada mereka yang miskin, kalau itu daripada kawasan pembangkang mesti melalui Ketua Bahagian UMNO ataupun JKK. Tidak melalui wakil rakyat yang daripada parti pembangkang. Contohnya, di Kemaman, pembahagian senarai orang miskin mesti disahkan oleh JKK. Saya minta penjelasan.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, JKK ialah satu jentera kerajaan dan kita pakai JKK untuk menyelaraskan program-program kerajaan tetapi kalau Yang Berhormat minat, Yang Berhormat boleh sampaikan senarai PPRT, senarai orang termiskin ke pejabat daerah dan kementerian terus akan kaji nama-nama yang diberi oleh Yang Berhormat tetapi bantuan yang diberi melalui PPRT tidak diberi melalui Yang Berhormat-Yang Berhormat. Mungkin pun Yang Berhormat itu ialah terdiri daripada Barisan Nasional, kita tidak panggil dia beri bantuan PPRT kepada rakyat. Bantuan PPRT disampaikan melalui pejabat daerah. Kita tidak menyampaikan bantuan PPRT melalui mana-mana pihak sungguhpun pihak itu boleh jadi wakil rakyat Barisan Nasional. So, sebab itu pembangkang pun kita tidak pakai dia untuk sampaikan bantuan kepada orang-orang miskin.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini Padang Terap berdiri.

Dato' G. Palanivel: Cukup, cukup. Saya teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Last, last. Mintalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya rayu, satu sahaja.

Dato' G. Palanivel: Tawar-menawar susahlah sini.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tidak, tidak. Please.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi. *[Keta wa]*

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Menurut apa yang telah dijelaskan oleh Menteri Besar Negeri Kedah, Padang Terap kawasan yang saya wakili adalah salah satu daripada 29 kawasan yang termiskin di Malaysia. Ini kenyataan Menteri Besar Kedah.

Baru minggu lepas saya melawat beberapa tempat di kawasan saya dan saya dapati ada keluarga yang makan nasi hanyalah dengan seekor ikan tamban kering berkongsi lebih kurang enam orang dalam satu keluarga ke rana sekarang ini musim hujan, getah tidak boleh dipotong, jadi itulah makanan mereka.

Ada satu rumah lagi saya pergi, pendapatannya ialah bergantung kepada rebung buluh – lebih kurang dalam RM3 satu hari untuk dimakan seramai lima orang dalam satu keluarga tetapi permohonan-permohonan tentang PPRT ini telah banyak kali mereka lakukan dan memberitahu kepada saya dengan syarat mereka mengisi borang UMNO. Jadi, inilah yang menjadi punca dan saya kata kenapa tak masuk UMNO, dia kata, tidak, saya ada prinsip, saya ada prinsip, jadi walaupun saya tidak dapat apa-apa, saya mesti mempertahankan prinsip saya.

Jadi, saya mintalah kalau sekiranya pihak Timbalan Menteri memberi jaminan apakah kalau sekiranya saya membawa senarai itu kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh memberi jaminan mereka akan boleh diberikan rumah PPRT – dengan gambar, dengan apa, saya sedia berikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' G. Palanivel: Saya sedih dengan keadaan di kawasan-kawasan pembangkang. Kawasan-kawasan Barisan Nasional tidak ada keadaan macam ini. *[Tepuk]* Saya sungguh-sungguh sedih. Beri senarai kepada saya dan kita akan bantu orang-orang miskin itu. Terima kasih.

Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus, terus.

Dato' G. Palanivel: Yang Berhormat bagi Lipis pula mencadangkan kerajaan tidak boleh mengandaikan sasaran 0.5% merangkumi Orang Asli yang lebih 50% berada di bawah paras garis kemiskinan. Kerajaan menyedari terdapat lebih daripada 50% masyarakat Orang Asli tergolong di bawah paras kemiskinan. Namun matlamat mengurangkan kemiskinan kepada 0.5% menjelang tahun 2005 adalah matlamat nasional yang perlu diusahakan termasuk untuk masyarakat Orang Asli.

Kemiskinan di kalangan Orang Asli perlu dilihat daripada semua sudut pembangunan iaitu fizikal, ekonomi dan sosial. Untuk itu kerajaan telah menetapkan supaya pelan komprehensif pembangunan masyarakat Orang Asli disediakan yang akan disusuli pelaksanaan seiring dengan program-program Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Lipis juga membangkitkan mengenai kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit yang menyebabkan petani-petani tidak dapat menampung kos kehidupan. Kerajaan memandang serius akan masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Antara usaha-usaha yang sedang diambil ialah:

- (i) pemberian premium tambahan 10 sen sekilogram kepada pekebun kecil yang menjual susu getah cair;
- (ii) memperuntukkan RM100 juta untuk pemberian bantuan sara hidup kepada pekebun kecil daif;
- (iii) pemberian insentif tanam semula dengan kadar bantuan RM1,000 sehektar untuk tanam semula kelapa sawit kepada kelapa sawit dan RM1,100 sehektar untuk tanam semula kelapa sawit kepada getah;
- (iv) memperuntukkan RM100 juta untuk melaksanakan aktiviti ekonomi tambahan dengan menggalakkan tanaman diusahakan secara integrasi;

- (v) memperuntukkan RM100 juta untuk pelaksanaan tanaman dan aktiviti pelbagaian luar bandar;
- (vi) Penangguhan bayaran balik pinjaman pekebun kecil yang terlibat dalam aktiviti anjuran kerajaan untuk tempoh 6 bulan atau sehingga harga minyak sawit dan getah meningkat ke paras lebih baik.

Yang Berhormat bagi Lipis juga mencadangkan pelaburan atau pembahagian ekuiti kepada pihak pekebun kecil perlu diberi tumpuan oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan korporat bila merancang projek-projek perladangan yang besar. Kerajaan sedang giat melaksanakan pembangunan tanah pekebun kecil secara kelompok atau ladang melalui penggabungan pengurusan tanah pekebun kecil.

Melalui kaedah ini tanah-tanah pekebun kecil dicantumkan pengurusannya dan diuruskan oleh ejen pengurusan sama ada agensi atau koperasi. Pekebun kecil akan mendapat pulangan dalam bentuk upah sebagai pekerja dan dividen ke atas keuntungan daripada pemilikan ladang mereka.

Yang Berhormat bagi Lipis juga mencadangkan pertubuhan-pertubuhan yang dianggotai oleh pekebun-pekebun kecil seperti Persatuan Peladang Kawasan dan Koperasi Pekebun Kecil mendapat faedah dari pelaburan yang dibuat oleh agensi kerajaan. Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada pertubuhan yang dianggotai oleh pekebun kecil seperti Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan Koperasi Pekebun Kecil untuk sama-sama terlibat dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan. Ini adalah selari dengan strategi untuk mempercepatkan pembangunan masyarakat bumiputera kelas menengah.

Yang Berhormat bagi Lipis juga memaklumkan kemungkinan terdapat pertindihan fungsi oleh kementerian-kementerian bagi melaksanakan projek-projek di kawasan luar bandar dan seterusnya mencadangkan agar menyusun semula fungsi kementerian dilaksanakan supaya tidak berlaku pertindihan fungsi.

Kerajaan telah menubuhkan pelbagai kementerian dan agensi adakalanya untuk menjaga kumpulan sasaran yang sama. Untuk mengelak kemungkinan berlaku pertindihan fungsi oleh kementerian-kementerian dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar, kerajaan melalui arahan Nombor Satu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan beberapa majlis dan jawatankuasa, baik di peringkat pusat, negeri mahupun daerah untuk membuat

penyelarasan dan pemantauan dari segi perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Ini termasuklah Majlis Pembangunan Negara, Jawatankuasa Pembangunan Negara, Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Di samping itu, kerajaan juga menubuhkan pasukan petugas peringkat Menteri Kabinet bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar dan jawatankuasa Kabinet mengenai peningkatan pendapatan pekebun kecil komoditi utama dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan program-program yang ditujukan kepada golongan sasaran di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan yang menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Kementerian Pertanian.

16.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi yang telah memberikan perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan isu berkaitan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dalam tahun 1995 adalah sebanyak 13.5% dan bukan 16%. Pada tahun 2000 pula sumbangan sektor pertanian kepada KDNK ialah sebanyak 8.8%.

Penurunan sumbangan relatif sektor pertanian kepada KDNK harus dilihat dalam konteks ekonomi yang berkembang dan yang melalui proses transformasi dan diversifikasi. Trend penurunan sumbangan relatif sektor pertanian kepada KDNK merupakan satu trend yang dapat disaksikan oleh semua negara yang sedang dan telah membangun. Malaysia juga tidak terkecuali daripada trend dunia tersebut. Apabila negara mengalami pertumbuhan yang pesat dan asas ekonomi negara melalui transformasi dengan kemunculan sektor-sektor baru yang giat berkembang

dan menyumbang kepada KDNK, seperti sektor pembuatan dan perkhidmatan, maka sudah tentulah kedudukan relatif sektor pertanian dalam KDNK akan mengurang.

Apa yang penting untuk dilihat ialah sumbangan mutlak kepada KDNK dan bukannya sumbangan relatif. Sumbangan nilai ditambah sektor pertanian kepada KDNK pada umumnya telah memperlihatkan peningkatan. Dalam tahun 1985 sumbangan nilai ditambah sektor pertanian kepada KDNK ialah sebanyak RM11.851 bilion. Angka ini telah meningkat kepada RM14.828 juta dalam tahun 1990, RM16.231 juta dalam tahun 1995, RM18.166 juta dalam tahun 2000 dan tahun 2005 dianggarkan mencapai RM20.949 bilion.

Pengurangan peruntukan RMK-8 kepada sektor pertanian berbanding dengan RMK-7 mungkin sedikit-sebanyak akan memberi kesan kepada program pengeluaran makanan dalam negeri. Namun, ia tidak semestinya berlaku sedemikian.

Dalam NAP-3 dan RMK-8 kerajaan telah merancang akan melaksanakan pelbagai program untuk menggalakkan pengeluaran makanan dalam negara. Antara strategi utama kerajaan ialah untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta serta modal swasta dalam pengeluaran makanan tempatan. Ini bermakna kejayaan program ini tidak bergantung sepenuhnya kepada kewangan kerajaan. Perlu diambil ingatan juga bahawa di samping mengimport makanan, Malaysia juga adalah sebuah negara pengeksport makanan. Dalam tahun 1995, Malaysia telah mengeksport makanan bernilai RM4.466 juta, tahun 2000 - RM6,5999 juta dan dalam tahun 2005 - RM9,268 juta. Dengan lain perkataan sekarang ini net import ialah lebih kurang RM5 bilion.

Adalah menjadi matlamat dan strategi utama kerajaan untuk mempelbagaikan dan mengkormersialkan pertanian dan menggalakkan aktiviti-aktiviti baru serta penglibatan sektor korporat. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, sektor pertanian telah pun diisytiharkan sebagai *engine of growth* yang ketiga bagi negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Baling pembahagian bantuan baja padi oleh Kementerian Pertanian Malaysia dilaksanakan dengan adil dan saksama di mana setiap petani yang mengusahakan tanaman padi di atas tanah sendiri atau tanah sewa dengan keluasan maksimum enam ekar serta berdaftar dengan Pertubuhan Peladang adalah layak mendapat bantuan tersebut.

Sehubungan dengan itu, tidak berlaku diskriminasi terhadap pembahagian subsidi baja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Baling juga telah membangkitkan isu orang tengah dalam aktiviti pemasaran produk pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian memang menggalakkan para petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka secara langsung kepada para pengguna bagi mengelakkan eksploitasi orang tengah. Untuk mencapai tujuan ini, langkah-langkah seperti berikut telah diambil:-

- (i) melalui Jabatan Pertanian mengadakan jualan terus hasil pendapatan di tempat-tempat tertentu kepada para pengguna;
- (ii) melalui FAMA kita membina pasar tani borong dan pusat jualan borong;
- (iii) mengadakan lebih banyak lagi pasar tani. Pada masa ini sebanyak 210 buah pasar tani di seluruh negara telah diadakan.
- (iv) melalui LKIM, menerusi program Dana Nelayan, nelayan pantai boleh mendapatkan pinjaman mudah untuk tujuan pembelian bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada dan tidak perlu lagi bergantung kepada orang tengah untuk membiayai keperluan tersebut. Di bawah program ini juga, persatuan-persatuan nelayan akan memainkan peranan untuk memasarkan ikan nelayan peserta secara terus dari pusat pendaratan hingga ke tempat pemasaran.

Ahli Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan nelayan dan lesen untuk memukat. Saya telah membangkitkan perkara ini tetapi saya tidak pasti apakah kerajaan telah memberi penjelasan ataupun tidak. Sekali lagi saya ingin membangkitkan iaitu mengenai dengan se kumpulan nelayan di Pantai Sepetang, Taiping yang telah

berpuluh-puluh tahun menjalankan usaha untuk menangkap udang di laut di kawasan pantai Perak.

Selama berpuluh-puluh tahun mereka menjalankan usaha mencari rezeki melalui laut ini tetapi mereka sentiasa menjadi bahan buruan polis marin untuk menangkap mereka dan merampas bot-bot mereka dan mengenakan denda yang tinggi kerana mereka menjalankan usaha itu tanpa diberi lesen untuk menangkap udang. Saya percaya mereka juga telah mengemukakan memorandum kepada kerajaan, menuntut supaya mereka diberikan lesen untuk mengutip ataupun memukat udang secara sah daripada segi undang-undang.

Apa halangan sebenarnya kerajaan tidak memberikan lesen untuk mereka menangkap udang di kawasan pantai atau di dalam laut berdekatan dengan pantai, sedangkan sebahagian besar kebanyakan mereka sudah puluhan tahun menjalankan usaha itu dan kebanyakan mereka pula terdiri daripada orang-orang Melayu, sebahagian mereka juga terdapat daripada kaum Cina dan India, dan mereka menggantungkan hidup mereka kepada punca rezeki dari laut. Mereka tidak ada pilihan lain dan tidak ada kebolehan untuk mencari nafkah hidup dengan cara yang lain.

Apa halangan sebenarnya mereka tidak diberikan lesen supaya mereka boleh menjalankan usaha itu tanpa diganggu oleh pihak polis. Saya ingin mendapat penjelasan. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang, ini tidak ada masalah saya ingat Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat kemukakan kepada saya, supaya dapat diambil tindakan seterusnya. Pada saya perkara kecil ini patutlah kita beri bantuan yang sewajarnya. Malahan di kawasan Kuala Kedah pun ada, Sanglang pun ada, Langkawi pun ada yang tidak ada lesen ini pun. Jadi, kalaulah Yang Berhormat sudah katakan begitu, saya pun tidak tahulah sama ada betul atau tidak tetapi mungkin perkara ini kita boleh bincang supaya mereka ini dapat dibela dengan sewajarnya. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Baling juga telah menyentuh isu taiko di pasar borong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taiko di kebanyakan di pasar borong di seluruh negara ketika ini adalah dikuasai oleh pengusaha tani persendirian atau syarikat swasta. Memahami senario inilah maka FAMA dalam Rancangan Malaysia

Kelapan merancang untuk membina dan mengendalikan operasi Terminal Makanan Negara (TEMAN).

Secara ringkasnya konsep TEMAN berteraskan pusat pengedaran moden yang bersepadu. Ia akan merangkumi penyediaan tempat dan kemudahan untuk kegiatan pemborongan dan urus niaga sayuran, buah-buahan, ikan, daging dan hasil ternakan, bahan makanan siap proses, bunga-bunga, barangan IKS dan kraf tangan. Metodologi pemborongan dalam TEMAN akan melibatkan *consignor*, pelelongan, penetapan harga, pengukuhan pasar borong baru dan mewujudkan peraturan pasaran mengenai pemborongan. Jawatankuasa TEMAN akan bertanggungjawab mengenai penguatkuasaan peraturan berkaitan lesen-lesen dan syarat seperti kebersihan, lalu lintas, pengendalian hasil tani, pelabelan, pengedaran dan tahap keselamatan makanan.

Dalam RMK-8, enam buah TEMAN akan ditubuhkan. Buat pemulauan, insya-Allah, dua buah akan didirikan, satu di Ipoh dan satu lagi di Johor Bahru. Ini juga bergantung pada peruntukan sebenar yang akan diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih dan mengambil maklum atas cadangan Yang Berhormat bagi Rompin dan akan memastikan kawasan-kawasan pertanian dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas serta infrastruktur yang diperlukan untuk memajukan industri pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah menyentuh isu berkaitan dengan Dasar WTO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) dasar WTO dan AFTA melibatkan pengimportan beras sahaja dan tidak melibatkan pengimportan padi;
- (ii) dasar WTO berkehendakkan kita membuka ruang pasaran kepada beras luar negara kepada 20% dalam tahun 2003. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun dipatuhi kerana kita telah mengimport 30% keperluan beras negara dalam tahun 2000. Di samping itu, di bawah prinsip *de minimis* sesebuah negara diberi kebenaran untuk memberi bantuan domestik kepada sektor pertanian yang tidak melebihi 10% daripada nilai pengeluaran sektor pertanian. Program-program untuk membantu petani kecil meningkatkan produktiviti seperti

perkhidmatan pengembangan, penyelidikan dan pembangunan adalah dibenarkan di bawah WTO;

- (iii) dasar AFTA berkehendakkan kita membuka ruang pasaran beras sepenuhnya kepada beras dari luar negara mulai tahun 2008. Untuk mempersiapkan petani-petani dan pengilang-pengilang menghadapi persoalan ini, perkara-perkara berikut telah, sedang dan akan dilaksanakan dan diperkukuh lagi iaitu:
- (a) Mempertingkatkan daya saing industri padi negara:
- meningkatkan produktiviti hasil padi kepada 10m tan/ha; dan
 - peningkatan pengurusan melalui gabungan tanah sawah untuk dijadikan mini estet.
- (b) Pengilang-pengilang kecil digalakkan bergabung dan menjadi lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sib, selain daripada projek tebatan banjir Sib....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tadi mendengar apa perancangan yang telah pun dibuat oleh kerajaan hendak menentukan supaya industri tanaman padi kita mampu bersaing dengan industri tanaman padi di negara-negara lain. Kalau kita melihat kepada pembangunan di kawasan saya, saya merujuk kepada kawasan MADA, kita dapati bahawa dua masalah yang saya rasa menjadi masalah utama yang dihadapi oleh petani-petani yang membuatkan hari ini kekecewaan mereka telah dapat kita lihat dan dimanifestasikan melalui pilihan raya. Yang ini kita harus mengambil perhatian yang berat, bukan kerana PAS kuat saya rasa tetapi kerana mereka merasa kecewa. Dua masalah yang saya lihat, pertama dalam masalah pengairan dan yang kedua ialah masalah ketidakupayaan kita mewujudkan mini estet ataupun estet padi yang telah pun disebut mungkin 10 tahun yang lalu tetapi hari ini belum dapat lagi berlaku.

Untuk masalah pengairan, di kawasan MADA kita ada 173 blok dan ia ditubuhkan pada tahun 1999. Mengikut kajian saya sejak ditubuhkan sampai ke hari

ini tidak banyak peningkatan infrastruktur yang telah pun dilakukan oleh kerajaan. Kalau ada pun cuma 39 blok daripada 173 blok melalui Rancangan Muda Dua. Kalau kita lihat daripada segi efisiensi dan densiti tali air dan parit di kawasan MADA terlalu rendah - 12m per/ha berbanding dengan 30m per/ha bagi Selangor dan Sekinchan dan kalau hendak banding dengan Jepun - 80m ke 90m per/ha. Ini adalah menjadi kekangan ataupun masalah utama yang selama ini walaupun ada peruntukan-peruntukan dipohon untuk kita meningkatkan infrastruktur di kawasan MADA tetapi saya rasa sejak 30 tahun yang lalu layanannya begitu minimum.

Kalau misalnya Rancangan Malaysia Kelapan saya dapat makluman bahawa cuma 5.9% sahaja daripada permohonan yang dipohon oleh pihak agensi mendapat perhatian. Ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan keperluan dan saya menyebutkan tadi kalau kita lihat kemampuan dan juga *density* tali air dan parit 12 meter berbanding 30 meter di Selangor dan 80 hingga 90 meter di Jepun. Kita tidak boleh mempersoalkan bagaimana pengeluaran kita rendah, kita tidak akan dapat mengeluarkan pengeluaran yang tinggi dalam keadaan pembangunan kita buat 30 tahun yang lalu tetapi tidak ada pembangunan yang dibuat untuk memberikan kemudahan kepada petani-petani malah menjadi galakan kepada pegawai-pegawai untuk mereka memberikan sumbangan untuk meningkatkan pengeluaran bagi kawasan MADA.

Yang keduanya Yang Berhormat Dato', sekarang ini kita bercakap soal estet padi, saya difahamkan walaupun ada target saya memang menghargai Yang Berhormat Menteri Pertanian kita yang baru ini mempunyai pengalaman dalam bidang sektor korporat, mempunyai kesungguhan dan juga penglibatan yang begitu luas. Begitu juga direction kepada pegawai-pegawai memang telah pun diberi direction yang begitu kuat, ditentukan supaya kalau dapat target kita 400 hektar tiap-tiap daerah dalam kawasan MADA dapat diadakan estet padi. Tetapi sehingga hari ini satu daerah cuma mereka dapat menggalakkan ataupun dapat *pursuit*, dengan izin, memberikan keyakinan kepada peladang-peladang cuma 40 hektar sahaja

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...daripada 400 hektar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...saya berharap bukan membuat ucapan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...[Ketawa] ha, saya pendekkan, saya pendekkan Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya sebenarnya hendak bercakap hari itu Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu sampai tiga hari tetapi tidak ada peluang, berapa kali bangun tidak ada peluang [Ketawa] jadi Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya sedikit dalam soal ini.

Apa yang saya sebutkan tadi petani-petani sendiri – saya dengar ini petani-petani bercakap, sekarang petani-petani kita sudah maju, dia kata tidak ada satu package yang menarik yang dikemukakan oleh agensi yang membuatkan kami hendak bersetuju dengan estet padi ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato', dalam soal ini nampaknya untuk mewujudkan estet padi ini ataupun projek berkelompok ataupun mini estet sebagaimana yang diharapkan oleh kerajaan saya nampak mereka menghadapi kekangan yang begitu besar. Saya mengambil berat perkara ini kerana sebagaimana saya sebut Ketua Pembangkang dalam kawasan itu, Perdana Menteri [Ketawa] dalam kawasan MADA, Menteri Kewangan pun dalam kawasan yang sama, saya tumpang sekaki dalam kawasan yang sama dan kita melihat pembangunan di kawasan tersebut begitu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:ya, memerlukan pembelaan. Untuk estet padi Yang Berhormat Dato', cuma 2.6% diberikan kelulusan berbanding dengan apa yang dipohon oleh agensi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau pun sahabat saya di MADA dahulu, saya pun pada mulanya MADA juga. Saya tahulah apa yang berlaku di situ dan saya pun kadang-kadang itu mengatakan agak sukar sedikitlah hendak diceritakan di sini memandangkan walaupun kita ada kawasan MADA tetapi tahapnya ialah 11 meter per hektar pada hal kita hendak tingkatkan sampai 30 meter per hektar.

Sekincan misalnya, kawasan yang selalu kita kategorikan sebagai kawasan yang terbaik sekali mempunyai lebih kurang 45 meter per hektar, itulah yang kita hadapi sekarang ini. Bukanlah orang di kawasan MADA tidak mahu kerja ataupun tidak mahu produktif tetapi itulah keadaannya, kita faham.

Jepun sekalipun mereka mempunyai 85 per hektar itu hakikatnya dan itulah kita cuba meminta peruntukan lebih untuk membeli keseluruhan kawasan MADA dan juga kawasan lain yang perlukan infrastruktur ini dengan sebaik mungkin.

Jadi, walau bagaimanapun kita terpaksa bergantung kepada peruntukan kerajaan dan estet ini kita harap dengan *variety* baru yang diumumkan baru-baru ini 2MR, 2119 dapat memberi peningkatan yang lebih lagi dan saya harap kesemuanya tidak kira sama ada kita pembangkang ataupun kerajaan bersama-sama membantu dalam perkara ini sebab perkara ini mengharapkan sokongan daripada kita semua. Jadi, saya sambung.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sibü, selain daripada Projek Tebatan Banjir di Sibü

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib:tidak sampai lagi, tidak habis lagi, tidak sampai Lipis lagi.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masa dahulu orang kata 'kalau ada padi semua jadi' tetapi masa ini saya ingat kalau harapkan padi sahaja barangkali banyak perkara yang tidak boleh jadi *[Ketawa]* dalam dunia kita yang serba moden dan sebagainya.

Jadi, kawasan saya tidak banyak padi walau bagaimanapun saya minat jugalah, *[Disampuk]* balak pun ada tetapi tidak merasalah. Jadi, saya berminat berkenaan dengan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau kawasan-kawasan yang padi ini bermasalah.

Pada pendapat saya kalau sekiranya petani-petani, pengusaha-pengusaha padi bergantung semata-mata kepada padi tentulah tidak dapat menghasilkan pendapatan yang tinggi berbanding dengan petani-petani yang bergantung kepada komoditi yang lebih tinggi harganya, dan pendapatan-pendapatan sampingan yang lain.

Jadi, di kawasan-kawasan padi ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan adakah kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain, yang boleh menampung pendapatan petani-petani di kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Memang betul kalau harapkan keluasan padi yang dua hektar ataupun satu ekar

atau dua ekar, tidak cukup malahan hitung panjang (*average*) sawah di kawasan itu adalah empat ekar. Jadi, itulah tidak cukup.

Jadi, apa yang diperlukan ialah *off-on income*, dengan izin, hendaklah ditingkatkan. Dalam hal ini kita ada beberapa program yang tertentu yang kita lakukan di kawasan MADA, insya-Allah, kita akan perluaskan aktiviti ini misalnya dari segi mengadakan *feedlot* lembu, kerbau dan seterusnya penternakan itik, kambing biri-biri dan seterusnya yang lain-lain lagi. Kita juga mengadakan sampingan iaitu *off-on income* seperti mengadakan penternakan ikan di kawasan perusahaan dan lain-lain lagi. Yang mustahaknya ialah keluasan, kalau dua ekar, tiga ekar tidak ke mana. Kalau naik tingkat double dari segi produktiviti satu ekar tidak cukup.
[Disampuk]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sibul, selain daripada Projek Tebatan Banjir Sibul, projek-projek tebatan banjir yang lain juga telah dipohon untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Memandangkan sedemikian dan dengan mengambil kira batasan peruntukan yang telah disediakan, projek-projek tersebut akan dilaksanakan mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat.

Dalam hubungan ini, Projek Tebatan Banjir Sibul perlulah juga mengikut gilirannya untuk pelaksanaan. Di samping itu, di bawah kajian semula RMK-8 nanti permohonan untuk pelaksanaan projek ini akan dipertimbangkan semula.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [Bangun]

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Subang, banjir kilat kerap berlaku di Taman Batu Tiga, Pekan Batu Tiga, Taman Tun Dr. Ismail Jaya, Kg. Saujana dan di Kampung Kebun Bunga, Gombak walaupun tiada hujan adalah oleh kerana kawasan yang rendah di tempat-tempat tersebut yang mana hujan di hilir dan di hulu

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [Menyampuk] Banjir, banjir.

Dato' Abu Bakar bin Taib: ...di kawasan hulu yang menyebabkan air berkumpul di kawasan ini dan menyebabkan bertakung dan berlakunya banjir. Bagi mengatasi masalah ini kerja-kerja membuang kelodak di Sungai Damansara sedang dilaksanakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Abu Bakar bin Taib: ...Sebagai penerangan lanjut

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Sibu bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sibu banjir kilat pada bulan Februari yang sangat serius. Nampaknya RMK-8 tidak ada peruntukan untuk Sibu khasnya dan seluruh negeri Sarawak amnya. Saya ingin ulangi di sini, saya merayu kepada Kementerian Pertanian, beri perhatian kerana dalam masa banjir kilat itu lebih 30 buah sekolah ditutup. Itu saya fikir ini sangat serius dan saya haraplah beri peruntukan sedikit untuk Sibu khasnya dan Sarawak kerana tambah pula Sungai Rajang ialah suatu sungai yang terpanjang dan terbesar di negara kita. Itu pun mempunyai *silting* yang sangat serius iaitu kapal besar tidak dapat berlabuh di pelabuhan Sibu. Saya fikir Kementerian Pertanian perlu memberi perhatian, saya merayu dengan ikhlas. Sekian.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sibu. Saya pun tidak berani hendak kata apa tetapi saya akan jumpa dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri pun orang Sarawak dan kawasannya pun mungkin terlibat dan saya akan cuba kemukakan kepadanya dan cuba masukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, saya ingat. Terima kasih.

Jadi, sebagai penerangan lanjut, banjir di kawasan Batu Tiga disebabkan oleh limpahan air dari Sungai Damansara yang melalui kawasan ini. Bagi menangani masalah ini, pembinaan benteng tanah atau konkrit sepanjang 1.5 kilometer di kiri dan kanan tebing Sungai Batu Tiga akan dilaksanakan mengikut kaedah design and built. Pada masa ini, pihak kontraktor sedang menyediakan reka bentuk terperinci yang akan mengambil masa lebih kurang 18 bulan untuk disiapkan dijangka bermula pada awal tahun 2002.

Banji di kawasan Taman Tun Dr. Ismail Jaya pula adalah disebabkan oleh backflow dan limpahan air dari Sungai Damansara ini yang mengalir masuk ke dalam parit-parit utama di Taman Tun Dr. Ismail Jaya. Bagi mengatasi masalah ini, pemaju telah memasang pintu-pintu kawalan air bagi mengawal pengaliran ke parit-parit utama tersebut. Di samping itu, bagi mengawal limpahan dari sungai, dinding Sungai Damansara bersebelahan dengan TTDI telah ditinggikan. Namun demikian, bagi mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh air hujan yang bertakung, pihak JPS telah meluluskan reka bentuk kolam takungan yang akan dibina oleh pihak pemaju nanti.

Sementara itu, masalah banjir di kawasan Kampung Kebun Bunga adalah disebabkan oleh limpahan air dari Sungai Damansara juga dan bagi mengatasinya pintu-pintu kawalan yang rosak akan digantikan. Sehubungan dengan ini, air larian daripada kawasan Lebu Raya Elite yang berada di kawasan yang tinggi daripada kampung tersebut juga menyebabkan banjir berlaku. Bagi mengatasi masalah ini pula, kerja-kerja pembinaan telah bermula untuk menyalurkan air daripada kawasan lebu raya tanpa melalui kampung berkenaan yang dijangka siap pada akhir bulan Disember 2001.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, selain daripada menaik taraf Sungai Kayu Ara sepanjang 2 kilometer, kerja-kerja bagi mencegah hakisan tebing di Jalan SS 22/1A juga akan dilaksanakan di samping menggantikan jambatan di Kampung Cempaka. Kerja-kerja yang akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan dijangka bermula pada akhir tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh isu berkaitan pencemaran sungai. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui sumber rasmi Jabatan Alam Sekitar, bahawa kategori sungai-sungai tercemar menurun daripada 16 atau 13% di dalam tahun 1998 ke 13 atau 11% di dalam tahun 1999.

Usaha untuk membersihkan sungai ini tidak akan membawa penyelesaian yang berpanjangan jika punca pencemaran tidak turut dikenal pasti dan ditangani. Punca-punca pencemaran sungai adalah dari keseluruhan kawasan lembangan sungai yang meliputi seluruh kawasan tanah dan air yang mana sungai itu terhasil. Dalam proses ia mengalir ke sungai, air hujan akan mengutip segala pencemaran yang ditemui. Ini termasuklah kelodak dan sisa kimia. Dalam keadaan begitu had laju yang tinggi, sisa pepejal juga akan dibawa oleh arus air yang mengalir di permukaan.

Cara yang lebih berkesan dan mapan untuk mengatasi masalah pencemaran ialah dengan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu (*Integrated River Basin Management*) yang memerlukan kerjasama semua pihak dan agensi yang terbabit. Sehubungan dengan ini, JPS sedang membangunkan pangkalan data di bawah Projek Daftar Sungai-Sungai Negara untuk membantu mengenal pasti masalah dan punca serta cadangan penyelesaiannya di dalam sesuatu lembangan sungai.

Dalam masa yang sama JPS telah menghasilkan beberapa garis panduan berkaitan sungai, rizab sungai dan saluran, khususnya Manual Saliran Mesra Alam yang telah ditubuhkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tengah hari tadi, yang telah diluluskan oleh kerajaan pada Jun 2000. Penggunaan konsep yang diketengahkan oleh MSMA dijangka dapat mewujudkan bandar dalam taman.

Di samping itu, berikutan kelulusan kerajaan pada April 1999, JPS di negeri-negeri sedang membantu kerajaan negeri untuk mewujudkan jawatankuasa bersama bagi menguruskan lembangan sungai secara bersepadu. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan telah pun menubuhkan Lembaga Urusan Air Selangor untuk menguruskan pembangunan di dalam lembangan sungai secara bersepadu.

JPS juga telah mempelopori kempen Cintailah Sungai Kita semenjak 1993 dengan tujuan menimbulkan kesedaran di samping menitikberatkan kenyataan semua pihak dalam memelihara dan memulihara sungai-sungai dan persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus telah membangkitkan isu pembinaan empangan telah mempengaruhi arus sungai sehingga sungai menjadi lesu dan kotor dan adakalanya menyebabkan sungai mati.

Tuan Yang di-Pertua, semua projek pembangunan memerlukan kajian kesan alam sekitar (EIA) dijalankan. Bagi pembinaan semua empangan, faktor-faktor di atas akan diambil kira bagi memastikan kuantiti air yang mengalir di hilir empangan mencukupi untuk keperluan semua sektor termasuklah keperluan flora dan fauna.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rasah, memandangkan peruntukan adalah terhad, pelaksanaan projek-projek tebatan banjir bagi bandar-bandar dan sungai-sungai di Negeri Sembilan perlulah berdasarkan keutamaan dari segi perspektif nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Baram memaklumkan sektor pertanian harus mengeksploitasi komoditi ternakan, tanaman, perikanan yang berpotensi dan mengamalkan aktiviti pertanian secara berkelompok. Pengagihan peruntukan yang cukup untuk pemasaran makanan dan pemprosesan hiliran. Mempertingkatkan sektor makanan dan pemprosesan hiliran melalui R&D. Beliau juga menyarankan agar kajian *feasibility* untuk *master plan* kawasan Baran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian berpendapat bahawa semua sumber-sumber alam termasuklah pertanian, perikanan, perhutanan, galian dan sebagainya bukanlah perlu dieksploitasi tetapi perlulah dimanfaatkan sebaiknya, *optimum and sustainable utilisation*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperoleh nilai tambah untuk hasil-hasil pertanian, Kementerian Pertanian telah menjalankan Program Pembangunan Industri Hiliran semasa RMK-7. Dalam RMK-8, pelaksanaan program ini akan dipertingkatkan lagi. Projek-projek yang dijalankan meliputi:-

- (i) Pemprosesan makanan;
- (ii) Pembangunan kraftani; dan
- (iii) Pembangunan produk dan kawalan mutu.

Kementerian Pertanian sedang melaksanakan pendekatan MOA Inc. (Ministry of Agriculture Incorporated) di mana semua jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian akan bergabung tenaga untuk menjayakan semua projek. Contohnya projek pengeluaran pertanian yang dilaksanakan oleh setiap jabatan/agensi akan dirancang dengan teliti daripada segi teknologi, kemudahan infrastruktur asas, pemasaran dan kemudahan kredit/pinjaman. Semasa pelaksanaan projek, semua jabatan/agensi juga terlibat dalam memberi khidmat nasihat dan bimbingan yang diperlukan oleh pengusaha/petani.

Peruntukan yang mencukupi adalah salah satu *enabling factor* dalam usaha memastikan industri pertanian ke arah berdaya saing. Terutama bagi mencorakkan kegiatan tani daripada segi pertanian tradisional kepada pertanian moden.

Begitu juga dengan kaedah meningkatkan nilai pada hasil tani dengan pemprosesan, aktiviti hiliran, promosi dan penjenamaan serta jaminan kualiti. Ini semua perlu diperhebatkan dan ia boleh dilakukan dengan peruntukan yang mencukupi di samping kemahiran tenaga manusia yang mengendalikannya.

Kajian *feasibility* amatlah perlu dan disokong. Di bawah RMK-8, dicadangkan agar peruntukan yang mencukupi disediakan untuk kajian seperti ini, bukan sahaja bagi kawasan Baram, malah kawasan-kawasan lain juga di seluruh negara. *Location specific market study* juga adalah perlu bagi memastikan pembangunan produk hasil tani kerana cita rasa dan keperluan tempatan biasanya adalah berbeza-beza mengikut kawasan dan zon. Cadangan Yang Berhormat bagi Baram tersebut adalah begitu baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh telah mencadangkan agar aktiviti R&D dipertingkatkan di dalam RMK8. Bersabit dengan kesan R&D yang masih rendah di dalam semua sektor, bagi mengatasinya, promosi dan pengkomersialan teknologi akan dipertingkatkan di bawah RMK-8 dengan

pemantapan program dan keupayaannya. MARDI memperuntukkan sebanyak RM19.03 juta untuk tujuan tersebut.

Di dalam penyelidikan bio teknologi, disebabkan kekuatan dan keupayaan wujud di beberapa institusi, MARDI sememangnya merangkaikan usaha penyelidikannya dengan institusi-institusi penyelidikan dan pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Sebagai contoh, MARDI melaksanakan ataupun berusaha sama dengan:-

- (i) Rockefeller Foundation (USA);
- (ii) International Laboratory for Tropical Agricultural Biotechnology (ILTAB), La Jolia, California, USA;
- (iii) University of Queensland, Brisbane, Australia; CSIRO, Australia; Queensland Dept. of Primary Industry (Moorochy Lab) Moorrochy, Queensland, Australia;
- (iv) Agricultural Biotechnology Centre, Godolio, Hungary; dan
- (v) International Service for the Acquisition of Agri-biotech Applications (ISAAA).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau telah membangkitkan isu berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang yang perlu diperketatkan bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan pukat tunda di kawasan pantai yang menggugat pendapatan nelayan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menyedari akan kegiatan pencerobohan vessel-vessel nelayan pukat tunda dan juga nelayan pukat kenka di kawasan perairan Pulau Pinang. Bagi mengatasi masalah tersebut, agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti Jabatan Perikanan dan juga Polis Marin sentiasa meningkatkan rondaan bagi mengurangkan masalah pencerobohan tersebut.

Sepanjang tahun 2000 sahaja, sebanyak 34 buah vessel pukat tunda dan 23 buah vessel pukat kenka telah ditahan di perairan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rasah telah membangkitkan isu tanah terbiar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian akan membangunkan semula tanah-tanah milik petani yang terbiar yang telah dikenal pasti dan yang jumlahnya lebih kurang 37,780 hektar.

Sekiranya peruntukan diluluskan, Kementerian Pertanian mempunyai rancangan untuk memulihkan sebanyak 15,000 hektar tanah-tanah terbiar ini dalam

Rancangan Malaysia Kelapan. Program ini akan melibatkan 5,195 hektar tanah terbiar yang telah dikenal pasti di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat tidak perlu bimbang pengeluaran pertanian akan dikuasai oleh pelabur-pelabur besar. Kementerian Pertanian pada masa kini hanya berusaha untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta tetapi penglibatan petani kecil akan terus digalakkan.

Walaupun kebun yang dimiliki oleh petani adalah kecil, Kementerian Pertanian telah menggalakkan pekebun kecil menjalankan projek kelompok bagi memudahkan mekanisasi dan meningkatkan produktiviti ladang melalui *economies of scale*. Sehingga tahun 1999, sebanyak 4,546 projek kelompok telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datok telah membangkitkan isu mengenai tabung yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini untuk membantu pekebun-pekebun kecil. Untuk makluman Dewan ini, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan oleh kerajaan untuk pekebun-pekebun kecil

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sekejap, saya habiskan paragraf ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak RM100 juta telah diluluskan oleh kerajaan untuk pekebun-pekebun kecil adalah khas untuk pekebun kecil getah dan kelapa sawit sahaja. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi penyertaan pihak *corporate sector* di dalam pertanian. Kita dapati dasar di dalam pertanian DPN3 hari ini menggalakkan pihak swasta untuk terlibat sama dalam sektor pertanian untuk meningkatkan pengeluaran pertanian di negara kita.

Saya mengalu-alukan dasar ini tetapi dalam masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian kerajaan bahawa kita ada pertubuhan-pertubuhan peladang. Saya ingin menyatakan bahawa saya pernah duduk dalam ahli majlis penasihat peladang sebagai ahli majlis penasihat peladang dan ingin menyatakan rasa kecewa saya kepada penampilan Persatuan Peladang. Walaupun Persatuan Peladang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan kita mempunyai pertubuhan-pertubuhan

peladang di beberapa kawasan, saya nampak kadang-kadang pertubuhan peladang ini tidak dapat maju kerana dipolitikkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang melihat kepada soal kepentingan menguasai pertubuhan peladang, ini harus diberi perhatian oleh kerajaan . Itu yang pertama.

Yang keduanya, bagaimana kita dapat melihat pertubuhan peladang ini di mana petani-petani mereka menanam ataupun membayar saham, melabur di dalam pertubuhan peladang, mereka ingin melibatkan diri di dalam perusahaan yang lebih besar.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan untuk membuat satu dasar di mana pertubuhan peladang ini dapat dilibatkan di dalam kita meningkatkan sektor pertanian supaya secara tidak langsung, petani-petani yang tidak berkemampuan ini dapat juga terlibat di dalam projek yang besar-besar melalui pertubuhan-pertubuhan peladang yang ada. Sesuatu harus dilakukan untuk memperkukuh dan juga untuk memberikan nafas baru kepada pertubuhan peladang supaya ia tidak dalam keadaan yang ada hari ini.

Kalau boleh, kita hendak melihat persatuan peladang di negara kita sebagaimana pertubuhan peladang di Jepun, sebagaimana pertubuhan peladang di Taiwan. Sudah tentu ada perkara-perkara yang harus kita lihat, terutamanya daripada segi sokongan dasar kerajaan. Kita tidak boleh melepaskan pertubuhan peladang *struggle* dengan izin, di dalam *open market* yang dikuasai oleh pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak yang ada berkepentingan atas syarikat mereka ataupun atas individu tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, saya pohonlah kepada kerajaan untuk melihat juga pertubuhan peladang supaya dapat dilibatkan di dalam dan dianggap sebagai badan korporat yang boleh mewakili peladang-peladang di negara kita. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Arau atas pandangan Yang Berhormat itu. Memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk membangunkanmalahan kita sebaik mungkin memberi segala bantuanlah, kita beri pegawai dan mesin, sokongan dan seterusnya lain-lain lagi. Malahan, misalnya kerajaan negeri telah memberi tanah untuk mereka untuk dilabur dan ada yang diberi tanah untuk mengusaha, mengadakan projek tertentu

misalnya menternak kerang dan di Sungai Tinggi misalnya di Taiping diberi kepada mereka untuk mengusahakan kerang dan juga dan juga tanah di Kedah misalnya, diberi 1,000 ekar lebih tanah untuk dijalankan projek kelapa sawit dan getah. Inilah yang kita hendak harapkan.

Dari segi sokongan kerajaan, insya-Allah, kita akan berikan tetapi yang mustahaknya, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian janganlah mempolitikkan .isu sebab fikirlah satu-satu tempat yang kita peladang dapat berkumpul, berbincang cara mana kita boleh memajukan mereka sendiri. Kalau kita perhatikan PNK baik, PPK baik, tentulah kita akan rosak, habislah negara kita. Jadi, itulah, rosaklah PPK dan juga PNK kawasan dan seterusnya peladang akan sampai hingga ke tahap itulah, takat itu sahajalah, kita akan berubah. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan mencari rancangan lain untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa.

Untuk makluman di dalam Dewan yang mulia ini, usaha membantu pekebun-pekebun kecil kelapa akan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pelbagai bantuan dari segi input dan kemudahan akan diberikan kepada pekebun kecil kelapa bagi memastikan agar kelapa dibekalkan kepada yang lebih munasabah, kerajaan telah memberhentikan dari mengimport kelapa bagi memastikan keadaan terlalu banyak kelapa dalam pasaran tidak akan berlaku. Usaha untuk membantu para pekebun kelapa tidak akan dihadkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sahaja. Usaha untuk membantu pekebun ini akan diteruskan, manakala kelapa adalah satu tanaman yang boleh mengeluarkan pelbagai hasil.

Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan yang mana saya tidak sempat memberi jawapan, saya harap.....

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat sudah habis? Saya ada berucap pada muka surat 56, 57, 58, satu pun tidak dijawab? Apa sudah jadi?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya timbulkan tiga perkara berkenaan dengan isu penternakan khinzir, *Pig Farming Area* di Jma h, bila akan dibuka? Sembilan orang yang belum dapat wang pampasan berkenaan dengan pemusnahan babi, sudah tiga tahun dan saya minta juga senarai penerima wang ihsan ekor an pemusnahan babi, atau tertinggal atau akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat? Hari ini, saya tidak

mahu keluar, saya hendak dengar lagi orang yang hendak jawab. Jadi, apa yang sudah berlaku ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Jadi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini iaitu sembilan orang yang tidak dapat wang ihsan, nine, sembilan orang?

Tuan Kerk Kim Hock: Sembilan orang.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sembilan, nine? Ok. Jadi, saya difahamkan bahawa sembilan orang inilah terkeluar daripada semakan, terdapat percanggahan dari segi fakta. Mungkin Yang Berhormat, kalau boleh beri kepada saya selepas ini, kalau bolehlah, saya akan selesaikan secepat mungkin. Yang keduanya, PFA di kawasan Jimah dan Bukit Pelandok, jadi kita perlu kajikan secepat mungkin dan perkara ini akan dikaji oleh Kementerian Pertanian dan pengumuman terperinci akan dilakukan sebaik mungkin, akan diumumkan sebaik mungkin cara-cara dari segi kebersihan, pengajaran kepada penduduk kampung dan pembuangan najis dan seterusnya lain-lain lagi.

Ketiganya, wang ihsan. Saya tidak dapat beri sekarang, mungkin saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Jadi, dengan kata itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi sokongan dan teguran kepada Kementerian Pertanian dan insya -Allah, perkara yang tidak disentuh, saya akan beri perhatian yang khas dan marilah kita membantu petani dan pengusaha kita membangunkan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sila.

5.20 ptg.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan dan memberikan cadangan-cadangan yang bernas khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan menjelaskan isu-isu berkaitan dengan kualiti pendidikan. Yang Berhormat bagi Batu telah menyarankan agar diwujudkan satu *standard benchmarking* bagi mengukur kualiti pelajar selaras

dengan peruntukan yang disediakan. Dalam hal ini, Malaysia telah menyertai program di peringkat antarabangsa iaitu projek *World Education Indicators* (WEI), usahasama Unesco -OECD yang bermula pada tahun 1997. Indikator pendidikan ini merupakan instrumen bagi membantu penggubal dasar dan pembuat keputusan untuk menilai prestasi pelajar memantau sistem pendidikan dan mengurus sumber serta perkhidmatan pendidikan.

Penglibatan ini dapat membantu kita membina indikator pendidikan kita untuk menilai secara berterusan keadaan pendidikan di negara kita berbanding dengan pendidikan di peringkat antarabangsa secara sah, *efisien* dan menepati masa. Melalui *World Education Indicators* ini, kita juga dapat mempelajari daripada negara maju dan negara-negara lain, aspek-aspek pendidikan yang perlu diperbaiki dan diberi tumpuan. Ini dapat membantu kita memantapkan lagi usaha berterusan kita memperkasakan pendidikan kita. *Benchmarking*, dengan izin, pendidikan melalui penggunaan *World Education Indicators* ini, dapat juga membantu meningkatkan hasil pendidikan serta pulangan kepada pelaburan dalam pendidikan.

Selain itu, Malaysia juga menyertai dengan izin, *The Third International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang ketiga merangkumi tahun 1998 hingga tahun 2000 yang dianjurkan oleh *International Association for the Evaluation of Education Achievement* bertujuan menilai pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains di kalangan 38 negara termasuk kebanyakan negara maju. Daripada kajian tersebut, didapati pencapaian pelajar Malaysia dalam Matematik adalah di tempat yang ke-16 mengatasi Amerika Syarikat, tempat ke-19 dan England tempat ke-20. Manakala bagi mata pelajaran Sains, pencapaian Malaysia adalah menghampiri pencapaian negara maju seperti Amerika Syarikat.

Pencapaian bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah melebihi daripada purata minimum antarabangsa. Penglibatan dalam program-program antarabangsa seperti ini..... [Disampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri Pendidikan.

Seorang Ahli: Tahniahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tahniahlah Menteri Pendidikan, pencapaian Matematik Malaysia tangga yang ke-16, Melayu tangga yang ke berapa? *[Ketawa]* Pelajar Melayu, maksud saya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ujian itu tidak membeza-bezakan pencapaian di antara kaum di negara kita. Jadi, saya tidak dapat memberikan. *[Disampuk]* Walaupun begitu, saya ingin teruskan apa yang saya sebut tadi. Pencapaian bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah melebihi daripada purata minimum antarabangsa.....*[Disampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Parit Sulong bangun.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Penglibatan dalam program-program antarabangsa seperti ini meyakinkan kita bahawa sekurang-kurangnya dalam Matematik dan Sains, kualiti pendidikan kita adalah tinggi dan setanding dengan negara maju. Hal yang serupa juga terbukti apabila pelajar-pelajar kita sentiasa berada di kalangan pelajar yang memperolehi pencapaian akademik yang tinggi di un iversiti-universiti luar negeri. Walaupun begitu,*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad:....Kementerian Pendidikan sentiasa terus berusaha menentukan kualiti pendidikan kita sentiasa meningkat dan berada di kalangan yang terbaik di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong bangun.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tan Sri Menteri. Saya banggalah dengan kedudukan pencapaian Matematik di Malaysia di peringkat antarabangsa. Sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya hendak emphasiskan sekali lagi, bagaimanakah pencapaian pelajar-pelajar Melayu di bidang Matematik dalam negara ini sendiri, jangan banding dengan negara lain. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada data di sini tetapi saya boleh memberikan jawapan secara umum bahawa jikalau dibandingkan pencapaian pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar bukan Melayu atau pelajar bumiputera dan pelajar bukan bumiputera yang datang daripada

sekolah-sekolah bandar, maka pencapaian mereka itu adalah setanding. Tetapi jikalau dibandingkan pelajar-pelajar luar bandar, walau apa kaum sekalipun dengan pelajar-pelajar dalam bandar, maka pencapaian itu mempunyai perbezaan yang amat ketara.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Yang Berhormat Tambun telah mencadangkan agar satu audit dibuat mengenai tahap kemahiran rakyat di negara ini, baik pada peringkat universiti mahupun yang sudah lepas daripada universiti. Saya berpendapat cadangan ini adalah baik tetapi amat sukar dilakukan, tambahan pula ada pelbagai jenis kemahiran meliputi pelbagai bidang di berbagai sektor pekerjaan.

Walaupun begitu, universiti-universiti kita, begitu juga universiti-universiti di negara-negara maju menggunakan kaedah-kaedah seperti dengan izin, internal quality assessment dan external quality assessment yang melibatkan pakar-pakar daripada dalam dan luar negeri untuk menilai kualiti pendidikan dan tahap profesionalisme...

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad:serta kemahiran-kemahiran siswa siswi kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Tampin bangun. Tampin.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Bagi saya habiskan ayat ini. Bagi menentukan kualiti terjamin dan berlandaskan ilmu dan kemahiran yang terkini. Silakan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi jawapan. Saya tertariklah dengan jawapan kita mendapat nombor 16 Matematik dan Yang Berhormat juga sebutkan di mana perbezaan pelajaran di antara pelajar-pelajar luar bandar dan bandar yang mana hari ini kita maklum dan faham memang menjadi hasrat naluri setiap ibu bapa sama ada orang Melayu, orang Cina dan orang India, sama ada luar bandar ataupun dalam bandar untuk melihat anak-anak mereka cemerlang dalam bidang pelajaran. Kadang-kadang mereka ini

tidaklah sehebat mana tetapi dari segi anak-anak, mereka mahu melihat anak mereka lebih berjaya daripada diri mereka sendiri.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata kadang-kadang pencapaian pelajar-pelajar luar bandar itu agak berkurangan dengan pelajar-pelajar bandar. Mungkin kerana sebab-sebab dari segi prasarana-prasarana atau kemudahan-kemudahan Yang Berhormat mengakui antaranya dari segi guru-guru yang mana baru-baru ini, saya sempat ke Terengganu. Saya yakin Yang Berhormat Menteri juga ke Terengganu. Kekurangan guru-guru bahasa Inggeris yang terlalu banyak, kalau tidak silap saya guru-guru terlatih bahasa Inggeris kekurangan di Terengganu lebih kurang 400 orang. Dalam jangka masa bilakah kita dapat memenuhi cita-cita ini supaya tidak berlaku perkara-perkara macam ini.

Satu lagi tadi tentang pelajar-pelajar Melayu. Kita juga maklum kebanyakan pelajar-pelajar Melayu ini datangnya dari luar bandar. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih. *[Tepuk]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya mengakui bahawa kita berhadapan dengan masalah yang agak berat dan perkara ini sudah berlarutan agak lama dan itulah sebabnya mengapa di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah mengatur langkah-langkah yang terperinci untuk menentukan kita dapat membina prasarana yang lebih baik untuk semua sekolah dan kita tunggulah dalam masa lima tahun lagi, Rancangan Malaysia Kelapan ini, saya harap perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan dapat sekurang-kurangnya diredakan walaupun tidak boleh diselesaikan sama sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai strategi apakah yang telah kita gunakan untuk membantu pelajar-pelajar Melayu di luar bandar. Pelajar-pelajar Melayu di luar bandar selalunya kita bantu dengan cara yang teratur...

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Boleh saya habiskan jawapan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, habiskan dahulu.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad:dengan cara yang teratur yang telah kita laksanakan sejak sekian lama iaitu pelajar-pelajar yang baik, yang mempunyai potensi, kita keluarkan daripada sekolah-sekolah luar bandar ini untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh. Itulah di antara strategi yang kita gunakan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita bercadang untuk membina lebih banyak lagi sekolah berasrama penuh untuk menampung keperluan ini. Itulah di antara strategi yang kita gunakan. Sila, Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Menteri. Ini sebetulnya kita memang berharap tinggi kerana masalah jurang perbezaan di antara pelajar bandar dan luar bandar ini memang begitu ketara sekali dan berlarutan bertahun-tahun. Dengan Yang Berhormat menjadi Menteri, seorang Profesor, seorang yang berjiwa pendidikan, kami penyokong-penyokong kerajaan berkeyakinan masalah ini dapat ditangani dalam jangka masa lima tahun ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin tahu setelah kementerian dan kerajaan mengenal pasti masalah-masalah, gejala-gejala yang melanda pelajar-pelajar luar bandar ini, apakah pada hari ini kementerian dan juga kerajaan telah mempunyai program dan juga rancangan komprehensif dan konkrit untuk memastikan pelajar luar bandar ini, jurang perbezaannya tidak lagi jauh. *[Tepuk]*

Kita telah beberapa kali bersuara di Dewan ini bahawa Kementerian Pendidikan harus duduk se meja dengan kementerian-kementerian yang lain kerana bagaimana kita membuka mata dan minda pelajar-pelajar luar bandar sedangkan elektrik tidak ada, jalan raya tidak ada, bagaimana pelajar luar bandar tahu ICT, dunia tidak maya dan sebagainya kalau ini tidak diselesaikan tetapi saya percaya dalam masa lima tahun ini, Kementerian Pendidikan akan dapat menyelesaikan dan sekali gus secara total tidak ada lagi jurang yang terlalu jauh di antara pelajar bandar dan luar bandar. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan saya jawab kemudian ya kerana

ada beberapa perkara yang menyentuh tentang perkara itu dan saya akan cuba menjawab sepintas lalu tentang apa yang telah dibangkitkan nanti apakala saya sampai tentang perkara itu.

Yang Berhormat bagi Tambun – saya teruskan penjelasan saya. Bagi sebilangan bidang seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, farmasi, seni bina, akauntansi, undang-undang dan sebagainya, badan-badan ikhtisas yang berkenaan juga terlibat menilai tahap profesionalisme dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas ijazah diiktiraf. Universiti-universiti kita juga sentiasa berhubung dengan industri-industri melalui fakultinya, unit perhubungan industri atau lembaga pengajiannya bagi menentukan ilmu serta kemahiran yang diterapkan kepada pelajar sentiasa relevan dan memenuhi kehendak pasaran.

Yang Berhormat bagi Tambun juga mencadangkan agar diambil pensyarah dari negara luar misalnya, India dan Rusia yang pakar dalam sesuatu bidang untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kebolehan tinggi. Perkara ini memang dilakukan oleh universiti-universiti kita terutama sekali institusi pendidikan tinggi awam. Kebanyakan IPTA mempunyai dasar mengadakan setiap masa 5% hingga 10% pensyarah asing terutama dalam bidang kejuruteraan, perubatan, ICT dan bidang-bidang sains dan teknologi yang lain. Buat masa ini, ada seramai 556 pensyarah asing, antaranya dari India dan Rusia daripada seramai 11,371 pensyarah di IPTA kita.

Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Subang dan Yang Berhormat bagi Kluang telah menyarankan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kualiti IPTA. Usaha-usaha tersebut akan diteruskan. Antaranya ialah menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi di luar negara dalam bidang pendidikan dan mengadakan program pertukaran pelajar dan tenaga pengajar dalam usaha untuk memberi pendedahan pelajar dan staf IPTA kepada suasana persekitaran antarabangsa.

Dalam masa yang sama kementerian bercadang menstrukturkan semua universiti-universiti terutama yang telah lama beroperasi sebagai universiti-universiti yang lebih menumpukan kepada bidang pendidikan dan pembangunan dan juga kepada program pasca ijazah. Yang Berhormat bagi Subang juga mencadangkan agar diadakan promosi dan insentif untuk menggalakkan universiti luar negara menubuhkan cawangan di Malaysia sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Sehingga..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka berdiri.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Berkenaan dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti IPTA, apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri terhadap isu terkini iaitu lebih daripada 500 orang kelulusan SPM high achievers tidak diberi memasuki universiti dan dalam *Starhari* ini '*Not enough qualified Bumi to fill quota*'. Jadi, kita mempunyai 38,000 tempat tetapi kerajaan boleh mengambil 80% sahaja pelajar untuk memenuhi kekosongan ini. Jadi, bukankah ini satu masalah yang begitu teruk sekali memandangkan kerajaan sedang berusaha untuk menukarkan ekonomi kepada k-ekonomi.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, persoalan Ahli Yang Berhormat itu ada berkaitan dengan soal nisbah di antara Sains dan Sastera di sekolah-sekolah kita. Di IPTA dan juga IPTS tumpuan kita adalah di dalam bidang sains dan kalau di IPTA sekarang ini sudah 52% adalah dalam bidang sains, di IPTS lebih daripada itu saya tidak mempunyai datanya. Manakala di sekolah-sekolah sekarang ini nisbahnya adalah 30% sains dan 70% sastera. Kerana itu ada *mismatch* di antara pelajar yang masuk ke IPTA dengan the supply, tempat yang boleh diadakan oleh IPTA dengan the supply daripada segi pelajar-pelajar sains. Inilah yang menjadi masalah dan ini amat ketara di kalangan pelajar-pelajar bumiputera.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Biar saya habiskan dahulu Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan yang kedua mengenai pelajar-pelajar yang cemerlang yang mengadu dalam surat khabar bahawa mereka tidak diberikan tempat di universiti-universiti. Saya rasa perkara ini telah pun diperjelaskan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi dan ada terdapat dalam surat khabar dan saya boleh memperjelasannya tetapi ini memerlukan masa yang panjang jikalau dengan izin Tuan Yangdi-Pertua, saya boleh teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ringkaskan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Baiklah. Saya bermula dengan mengatakan bahawa kemasukan ke universiti adalah berdasarkan dua perkara yang penting iaitu merit dan kuota di antara kaum. Apabila ada ramai pelajar yang mempunyai keputusan yang amat baik maka persaingan menjadi amat hebat di

antara pelajar-pelajar dalam sesuatu kaum kerana persaingan itu berada dalam sesuatu kaum. Apatah lagi jikalau jumlah tempat yang ditawarkan tidak banyak. Kes yang menimbulkan kontroversi dalam surat khabar itu adalah berkaitan dengan permohonan kemasukan ke Program Ijazah Integrasi yang dijalankan oleh sebilangan kecil universiti iaitu UTM, UPM dan Universiti Malaya, itupun di Universiti Malaya hanya satu kursus sahaja.

Pelajar yang memohon adalah pelajar lepasan SPM. Program Ijazah Integrasi ini bukanlah program yang biasa ditawarkan oleh IPTA kerana dalam program biasa universiti hanya menerima lepasan STPM atau matrikulasi. Oleh kerana Program Ijazah Integrasi bukan program biasa jumlah kursus adalah terhad. Bilangan yang diambil bagi setiap kursus adalah juga terhad dan jumlah pengambilan keseluruhan adalah kecil iaitu lebih kurang 4,433 orang sahaja untuk 66 kursus Ijazah Integrasi. Ini bermaksud bahawa setiap kursus mempunyai purata tempat hanya 67 orang. Merit pelajar pula dikira mengikut prestasi akademik, diberikan maksimum 90 markah bagi lima pelajaran Sains dan Matematik, kalau A1 dapat 18 markah, $18 \times 5 = 90$. Kalau A2 16 markah, kalau C3 14 markah begitulah kiraannya dan prestasi ko-kurikulum yang diberi maksimum 10 markah, ini berbeza-beza jikalau dia adalah mewakili state diberikan 5 markah, mewakili sekolah 2 markah, begitu caranya dan pelajar-pelajar di susun mengikut merit bergantung kepada jumlah markah yang mereka perolehi.

Kebanyakan pelajar yang baik-baik memilih kursus yang juga baik-baik seperti Kejuruteraan Komputer, Elektrik dan sebagainya. Mereka tidak mahu memilih kursus-kursus seperti Kejuruteraan Awam Dengan Pendidikan untuk menjadi guru jurutera. Mereka tidak mahu memilih kursus Landscape kerana itu mereka anggap tidak mendatangkan pulangan yang lumayan. Jadi, kebanyakan pelajar-pelajar yang pandai-pandai, yang baik-baik tadi menumpukan perhatian mereka kepada kursus-kursus yang baik-baik. Jadi, dengan persaingan yang hebat di kalangan pelajar yang baik-baik tadi dan tambahan pula jumlah tempat yang kecil itu ditawarkan, tidak hairanlah ada pelajar yang baik-baik tercicir. Itu sahaja sebabnya. Saya ingin tunjukkan kes pelajar yang kompelin di surat khabar Au Yong Wee Chen seorang pelajar yang mula-mula mengadu dalam surat khabar. Beliau mempunyai lima science subject semua A1, 90 markah diperolehi daripada akademik, ko-kurikulum telah dinilai apa yang dibubuhinya dalam borang itu beliau telah diberikan 5 markah daripada 10. Jadi, jumlahnya adalah 95 markah. Beliau memilih kursus-

kursus seperti Megatronik, Elektronik dan sebagainya yang *cut off point* nya adalah 96 ke atas. Oleh itu pelajar ini sungguhpun ada semua A1 tidak mendapat tempat kerana dia memilih menumpukan kepada kursus-kursus yang persaingannya amat hebat.

Jikalau Au Yong Wee Chen tadi memilih kursus katalah kursus Kejuruteraan Awam Dengan Pendidikan untuk menjadi guru, cut off pointnya adalah 63, tetapi tidak ada siapa yang hendak memilih itu. Jadi pelajar yang mempunyai keputusan yang lebih rendah seolah-olah diterima dan mengetepikan pelajar yang mempunyai keputusan yang lebih baik. Jadi sistem ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita pun naik bingung ada kursus baik, ada kursus tidak baik. Kalau kursus tidak baik tutup. Yang pelik ini A1 ini pun tidak boleh dapat dalam kursus baik hendak mencari siapa lagi masuk dalam kursus baik dan kalau ini berlaku dan saya ingat sistem ini ataupun tidak tahulah macam mana. Inilah yang dikatakan oleh orang-orang kampung, orang kampung semuanya bila tukar Menteri Pendidikan dia jadi takut fasal banyak sangat, apabila tukar Menteri tukar dia punya dasar, tukar pendekatan, tukar dia punya cara. Orang-orang kampung takut dia, banyak-banyak Menteri Kabinet tukar yang lain tidak apa, tukar Menteri Pendidikan dia merasa bimbang kerana setiap Menteri Pendidikan dia hendak membuat pendekatan cara dia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalanlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, okay.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ini komen sampingan, saya sebenarnya belum habis lagi ya tetapi oleh kerana komen sampingan itu begitu pedas saya dengar, saya terpaksa jawablah. Sebenarnya menteri yang bertukar, dasar ini tidak bertukar, ini telah ada bertahun-tahun. Saya ingat elok lebih perhatikan perkara ini daripada menuduh tanpa periksa [*Tepuk*] [*Dewan gamat seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Menteri teruskan, teruskan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya ingin teruskan perkara ini. *[Disampuk]* Saya harap bagi pelajar-pelajar yang di mana mereka tidak dapat masuk dengan menawarkan sijil SPM.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, baik saya habiskan dahulu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak habiskan dahulu Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Habiskan dahulu perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Bagi pelajar-pelajar yang di mana mereka tidak dapat kursus yang diminta dengan menawarkan kursus SPM, ada cara lain, mereka boleh mengikuti kursus STPM dan memang ada mereka menyatakan tidak begitu baik dan sebahagiannya, begitu susah hendak score dan pelbagai perkara tetapi mengikut statistik yang ada, jikalau dilihat korelasi di antara keputusan STPM dengan keputusan SPM, korelasi itu memang ada. Mereka yang baik selalunya mendapat keputusan yang baik dalam STPM, selalunya. Ada kes-kes yang tidak. Jadi saya tidak menafikan itu. Jadi jikalau mereka ini mahu mengikut kursus STPM maka untuk IPTA yang menawarkan kursus-kursus memerlukan STPM, ada selalunya 40,000 tempat, hampirlah, lebih kurang setahun. Berbanding dengan hanya 4,000 tempat untuk lepasan SPM.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat, empat orang, lima orang.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya ingat saya terima satulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bentong Ya, sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya sokong pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa memang sistem ini saya rasa kalau 10 A1 pun tidak boleh masuk kursus yang baik atau kursus yang dipilih, saya rasa sistem itu kena dikaji semula. Contohnya kalau dua murid sama-sama mempunyai 10 A1 kemudian kita membandingkan dengan markah kokurikulum, maka pelajar yang mempunyai markah kokurikulum yang baik, dibenarkan masuk. Itu kita setuju tetapi kalau katakan satu orang 9 A1 dan satu orang lagi 10 A1 dan dicampur dengan markah kokurikulum itu, maka yang 9 A1 itu yang diterima dan 10 A1 ini digugurkan, saya rasa sistem itu kena dikaji semula.

Saya juga berpendapat bahawa memandangkan begitu ramai pelajar kita mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan begitu ramai minat untuk mengikuti kursus Integrasi Ijazah ini, kenapa kerajaan kita tidak mahu menambahkan lagi tempat belajar di IPTA ini [*Tepuk*] Kenapa kita hendak hadkan kepada 4,000? Kenapa kita tidak tambah kepada 10,000, 40,000 kalau boleh. [*Tepuk*] ...Untuk memastikan lebih ramai lagi pelajar-pelajar dapat memasukinya kerana kita memang sayangkan sumber tenaga manusia. Kalau kita tidak mengambil mereka, mereka ke luar negeri atau ke tempat lain, maka kita akan kehilangan lagi sumber tenaga yang berharga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji semula polisi-polisi yang ada dalam kementerian [*Tepuk*] [*Disampuk*]

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ini dikaji semula, ini bermaksud bahawa menteri baru mengubah dasar, itu yang ditegur tadi. Tetapi perkara itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [*Menyampuk*]

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tetapi jika perkara itu perkara yang baik, kita akan kaji [*Tepuk*] Cuma saya ingin juga mengingatkan bahawa apabila universiti-universiti seperti UTM mengadakan program Ijazah Integrasi ini dahulu, ia ada tujuan tertentu pada masa dahulu. Perkara ini sudah berjalan sejak 15 tahun, bukan sekarang dan ada tujuan-tujuan tertentu kerana pada masa itu terlampau kurang sangat pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar bumiputera untuk menjadi

jurutera. Itu sebenarnya usul-asalnya. Bukanlah satu perkara yang biasa. Jikalau kita lihat daripada *standard international*, hari ini kita bercakap dengan hendak berlawan dengan orang dari antarabangsa, kita mesti mengikuti ukuran antarabangsa. Ukuran antarabangsa mengatakan untuk kemasukan ke universiti mesti ada sekurang-kurangnya 12 tahun persekolahan. Jadi jikalau kita masuk semua dalam sistem di mana kita memasukkan 11 tahun persekolahan, masuk universiti, kita sudah berlainan dengan amalan antarabangsa. Ini saya cuma hendak sebut. Bukan bermaksud perkara ini tidak perlu kita kaji, kita boleh kaji cuma sebagai komen sampingan, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ya, boleh saya teruskan? Kemudianlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak teruskan.

Beberapa ahli: Bagi Shah Alamlah, Shah Alam satu.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ok, ok, you.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, Allah

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana saya juga adalah pelajar lepasan STPM. Saya juga faham apa yang dialami oleh pelajar-pelajar pada masa kini. Yang Berhormat Menteri, saya percaya apa yang telah dilaporkan dalam surat khabar oleh pelajar, Eu Yong Wei Ching, ini sebenarnya berulang setiap tahun apabila pengambilan pelajar ke IPTA. Jadi, saya minta sama ada Yang Berhormat Menteri, sediakah kita buat satu kajian dan biar tunjukkan ketelusan pengambilan pelajar-pelajar. *[Disampuk]* Kita adakan ketelusan ketika mengambil masa pelajar-pelajar ke IPTA dengan menyediakan satu senarai, setiap kursus, apakah *cut of point* nya, berapakah unit untuk setiap kaum. Saya pasti ada satu unit...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Itu Bentong sudah cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jangan bisanglah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Ini saya pohon saya unit, berapa untuk setiap kursus, untuk setiap kaum, untuk setiap pelajar agar mereka tahu apa kursus yang patut mereka pilih. Tambahan pula, saya rasa adalah kurang adil berkata bahawa mereka seharusnya pergi pilih kursus seperti Kejuruteraan Am. Kalau macam saya yang suka berbahas, panggil pergi belajar Pertanian, saya rasa itu tidak adil. Mengapa kita tidak hendak *produce* dengan izin, *the best engineers*. Saya rasa yang mereka minat akan membantu negara kita. Yang minat dalam kursus itu, *they will become a top professional, top engineers*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Takkan kita panggil mereka pergi belajar kursus yang lain. Agar untuk mengelakkan perkara ini berulang lagi, pertama saya hendak tahu apakah yang terjadi kepada tempat-tempat yang tidak diisi, kepada kuota bumiputera yang tidak diisi. Saya percaya ada sejumlah tempat yang tidak diisi. Saya hendak tahu apa terjadi kepada tempat itu sama ada tempat itu apakah kementerian akan bukakan kepada semua pelajar yang mempunyai keputusan yang baik, tidak kira kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya ingat ini saya akan berikan *last* mengenai perkara ini. Saya harap tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk bertanya tentang perkara ini untuk saya dapat meneruskan ucapan saya kerana agak panjang.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin mengatakan bahawa *cut of point* itu bukan satu perkara yang statik, ia berubah daripada tahun ke tahun mengikut kohort pelajar yang memilih. Jadi jikalau misalannya bagi satu kohort ada 60 tempat, kita ambil *the top 60*, dengan izin. *The top 60, the lowest may be 90* markah. Itulah *cut of point*nya. Jadi ia berbeza-beza daripada tahun ke tahun. Kita tidak boleh mengatakan kepada pelajar untuk hendak masuk awal, sebelum dia memohon, untuk hendak masuk mesti ada *95 point*, kita tidak boleh buat macam itu kerana dia bertanding antara satu sama lain tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu cara mendalam dan apa keputusannya, saya jemputlah datang ke pejabat saya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Menteri cakap dia hendak habiskan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Sudahlah, ada perkara lainkah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini penting, saya hendak patah balik kepada *root problem*. Pelajar Sains kurang tadi yang Yang Berhormat Tan Sri sebut kurang pelajar Sains bumiputera. Saya rasa ini masalah yang serius. Saya tidak hendak soal banyak-banyak, panjang-panjang. Cuma saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kementerian untuk menghilangkan apa yang terbuku di hati, apa sebenarnya perancangan kementerian untuk hendak memastikan supaya pada tahun-tahun yang akan datang, perkara ini dapat kita mengatasi dengan berjaya. Walaupun sebelum ini memang perkara ini berlaku dan kementerian mengatakan bahawa ada program, ada usaha, ada tindakan tetapi hari ini kita dengar tahun ini, masih lagi pelajar bumiputera kita kurang dalam sains dan teknologi. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Perancangan secara umum memang terdapat dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga *Third Out Line Perspective Plan*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita mengatakan bahawa menjelang tahun 2010, kita sepatutnya mencapai nisbah 60 Sains, 40 Sastera dan tujuan kita adalah tiap-tiap tahun meningkatkan jumlah pelajar Sains sebanyak 3% tiap-tiap tahun. Itulah yang sedang dirancang oleh Kementerian Pendidikan sekarang ini dan untuk mengadakan 3% tiap-tiap tahun itu, tentulah kita terpaksa membina infrastruktur yang lebih terutama dalam bidang Sains dan sebagainya dan perkara ini memang ada dalam perancangan Kementerian Pendidikan.

Insya -Allah, dengan bantuan Ahli Yang Berhormat semua kita akan mencapai matlamat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Saya hendak teruskan dengan ucapan buat masa ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak terus dahulu Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Subang....

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri tadi tak jawab mengenai tempat yang belum diisi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, tak apa.

Puan Fong Po Kuan: Saya sedang tunggu jawapan.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Tempat yang belum diisi saya terlupa, bukan sengaja saya tidak mahu menjawab, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya tempat yang diisi bagi kes 4,433 tempat tadi semuanya diisi oleh pelajar bumiputera mengikut kuota. Jadi, tidak ada tempat yang tidak diisi. Yang disebut Professor Hassan itu adalah secara umum bagi kemasukan, saya ingat pada peringkat STPM yang 40,000 tiap-tiap tahun itu, bukan kes 4,000.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya teruskan.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Subang juga mencadangkan agar diadakan promosi dan insentif untuk menggalakkan universiti luar negara untuk menubuhkan cawangan di Malaysia sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Sehingga kini sebanyak 4 buah kampus cawangan universiti-universiti luar negara beroperasi di negara ini. Kampus cawangan tersebut ialah Universiti Monash, Kampus Cawangan Sunway, Universiti Technology Curtin Kampus Cawangan Sarawak, Universiti Nottingham di Malaysia dan FTMS-De merit Monfort University. Ada beberapa permohonan penubuhan universiti swasta dan kampus cawangan universiti luar negeri yang sedang dalam pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula beralih kepada isu-isu berkaitan dengan pendidikan selepas menengah. Yang Berhormat bagi Kluang telah menimbulkan berlakunya penurunan jumlah pelajar di peringkat lepas menengah khususnya Tingkatan Enam. Persoalan ini timbul berdasarkan perangkaan yang diberi iaitu enrolmen pelajar di Tingkatan Enam dan kursus-kursus di peringkat pradiploma dan prauniversiti di institusi awam menurun daripada 80,080 orang dalam tahun 1995 kepada 76,755 orang dalam tahun 2000. Penurunan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kebelakangan ini ramai pelajar lepasan SPM tidak memasuki Tingkatan Enam, sebaliknya terus memasuki IPTA atau IPTS dengan mengikuti program-program diploma dan integrasi yang membolehkan mereka terus menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama.

Dalam kata lain, sekarang ini terdapat banyak pilihan untuk pelajar memasuki universiti selepas SPM selain daripada melalui Tingkatan Enam. Oleh itu, tidak hairanlah enrolmen untuk Tingkatan Enam menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Berhubung dengan isu kelayakan untuk memasuki Tingkatan Enam yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang, syarat kemasukan ke Tingkatan Enam pada tahun ini adalah sama seperti tahun-tahun yang lepas iaitu tidak lebih daripada lapan agregat bagi tiga mata pelajaran untuk aliran Kemanusiaan dan tidak lebih daripada 18 agregat untuk tiga mata pelajaran bagi aliran Sains.

Mengikut amalan pada masa lalu, memandangkan ada sebilangan tempat tertentu sahaja di Tingkatan Enam, tawaran diberikan dahulu kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang terbaik. Apabila ada yang menolak, kekosongan akan timbul. Tawaran kedua dan seterusnya akan dibuat sehingga semua tempat dipenuhi. Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2001 sebanyak 67,318 tempat telah ditawarkan dan seramai 37,562 pelajar telah melapor diri. Kekosongan yang wujud akan ditawarkan kepada pelajar-pelajar lain secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Yang Berhormat terima kasih, soalan tambahan. Minta penjelasan. Memandangkan kita sekarang masih lagi kekurangan pelajar-pelajar Sains dan kementerian menetapkan satu markah yang begitu tinggi iaitu tiga subjek untuk lapan mata. Adakah kerajaan akan mengkaji semula bahawa untuk membolehkan pelajar-pelajar Sains daripada SPM ini masuk ke STPM dengan 18 mata seperti tahun-tahun yang lalu dengan 18 mata boleh juga memasuki STPM.

Saya rasa kalau boleh kita tetapkan ini untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mempelajari aliran Sains. Kalau tidak, daripada Tingkatan Tiga terus masuk Sastera, tak masuk Sains. Saya rasa oleh kerana daripada STPM hendak masuk universiti markahnya juga gunakan agregat enam mata bagi tiap-tiap subjek itu juga membolehkan mereka memasuki universiti. Saya rasa ini kena kaji semula, kalau tidak kita akan menolak pelajar-pelajar untuk memasuki aliran Sains.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Memang sudah jawab, 18 untuk Sains.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua menjawab untuk pihak saya, sebenarnya 18 agregat, bukannya 8. Memang kita menawar batch demi batch. Kita tawar yang paling baik dahulu. Lepas itu kalau ada menolak, kita tawar lagi sampailah - jadi, kita susun mengikut merit. Tetapi secara prinsipnya memang 18 agregat boleh masuk dalam bidang Sains. Jadi, tidak perlu risau, tidak ada perubahan dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula beralih kepada isu-isu berkaitan dengan ICT dan jurang digital. Isu-isu berkaitan dengan ICT telah disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Kemaman, Kluang, Kota Melaka, Sri Aman, Tuaran, Kuala Nerus dan Sandakan. Perkara yang dibangkitkan ialah mengenai penekanan terhadap pendidikan ICT di sekolah dan juga kebimbangan terhadap jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar. Walaupun penjelasan mendalam telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan semasa menggulung perbahasan Titah Ucapan Diraja dalam Dewan yang mulia ini pada 2 April 2001, ada baiknya saya ulangi sekali lagi.

Pada tahun lalu kementerian telah mula melaksanakan projek penyediaan infrastruktur fizikal dan pengkomputeran di semua sekolah rendah dan menengah yang mempunyai pelajar melebihi 150 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya pendidikan ini adalah merupakan tanggungjawab semua pihak, tak kira pihak kerajaan atau pihak pembangkang, terutama sekali apabila kita melihat tentang jurang perbezaan di antara pelajar-pelajar di bandar dan pelajar-pelajar di luar bandar semua akan menyentuh hati kita. Jadi, oleh sebab itu, kami juga bagi pihak pembangkang dalam masalah pendidikan ini memang bersama-sama dengan kerajaan, tidak ada usaha-usaha untuk hendak menggagalkan semua rancangan pendidikan yang kita rasa boleh membina negara kita ini.

Oleh sebab itu, saya sebagai Wakil Rakyat bagi pihak kawasan yang termiskin di antara yang termiskin di Malaysia, saya dapati keadaan di sekolah-sekolah di kawasan saya itu dari segi penyusunan librarynya walaupun banyak kali saya sebut di sini adalah cukup mendukacitakan. Dan lebih menyedihkan sekali iaitu baru-baru ini apabila saya melawat sekolah-sekolah di kawasan saya, saya dapati di

sebuah sekolah librarynya cukup teruk. Jadi, oleh sebab itu, saya membeli buku *encyclopedia*, saya rasa inilah yang boleh membantu pelajar-pelajar. Tetapi malangnya apabila saya menyerahkan buku ini kepada pihak sekolah, pejabat PPD telah menelefon mengugut pengetua sekolah itu kenapa menerima pembangkang masuk ke sekolah itu, pada hal niat saya datang ke situ ialah untuk membantu pelajar. Jadi, itu yang pertama.

Yang kedua, sebelum daripada kes Gua Musang, pelajar-pelajar yang tidak boleh membayar yuran oleh kerana kemiskinan, di Padang Terap berlaku lebih awal. Saya pergi ke sekolah untuk menanya pihak pengetua berapa orang yang tidak boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang ini Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Memang panjang, perkara ini penting mesti panjang, mesti dibantu. Guru besar ataupun pengetua itu takut-takut hendak menerima kehadiran saya ke situ. Jadi, saya haraplah kepada pihak kementerian dan pihak-pihak lain, masalah education, masalah pendidikan ini janganlah kita politikkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Banyak perkara lain yang kami cuba hendak membantu tetapi oleh kerana ada ugutan daripada pihak-pihak atasan ini, mereka tak berani hendak terima kami. Saya mintalah satu jaminan daripada Menteri Pendidikan bahawasanya untuk pendidikan janganlah kita politikkan.

Apabila saya melihat keputusan terlalu teruk, tak sampai 50% jadi kita hendak buka tuisyen percuma. Saya telah membeli peralatan untuk gunakan satu bangunan di Naka, bangunan-bangunan pertanian peladang, tetapi ada kuasa-kuasa politik yang lain yang menghalang usaha ini pada hal peruntukan itu percuma. Saya keluarkan daripada poket saya RM2,000 sebulan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa itu Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: ...membantu guru-guru memberi pendidikan kepada....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak boleh ungkit yang diberi itu Yang Berhormat, tak dapat pahala.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tak apalah, pahala pahalalah tetapi janganlah kacau. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pendidikan memang mengamalkan dasar tidak melibatkan perkhidmatan pendidikan dalam arena politik. Walau bagaimanapun, kita mesti faham bahawa sekolah-sekolah ini...

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dahulu.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: ...sekolah-sekolah selalunya menjadi tumpuan pelbagai jenis orang bukan sahaja tumpuan ahli politik, tetapi juga tumpuan orang-orang perniagaan, orang-orang bermacam-macam jenis. Jadi, kita telah mengeluarkan pekeliling supaya tiap-tiap permohonan untuk masuk dalam sekolah itu mesti terlebih dahulu memperolehi kebenaran daripada pihak jabatan pendidikan negeri. Itu yang kita mestikan. Bukan niatnya untuk menidakkan sesiapa masuk, tetapi mestilah kita skrin sesiapa itu dan niatnya apa dan sebagainya, itu sahaja.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya minta penjelasan sedikit. Sebelum daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nantilah, Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:dalam usaha pemilihan bahagian-bahagian, ketua bahagian UMNO, adakah pihak wakil UMNO pergi ke sekolah mereka tak kacau pun, tak minta kebenaran kepada PPD kemudian dia boleh masuk secara bebas. Kenapa saya tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Saya tak boleh menjawab perkara yang spesifik itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, ini cerita politik atau dia hendak tanya ICT.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu, yang mana hendak bagi Yang Berhormat, dua orang berdiri. Shah Alam.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed: Saya beri sebelah sana pula.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih. Yang itu tak usah layanlah untuk makluman Yang Berhormat, itu cerita politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita teruslah Yang Berhormat, banyak cerita.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak balik tentang maklum balas Yang Berhormat sampaikan mengenai ICT terutama usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan bagi menentukan bahawa setiap pelajar terdedah dengan ilmu celik komputer. Saya hendak tanya, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang kerajaan telah pun meluluskan sejumlah peruntukan, hampir RM3 bilion untuk menentukan bahawa setiap sekolah di Malaysia lebih kurang sebanyak 8,650 buah sekolah termasuk di bandar dan di luar bandar supaya dapat menyediakan makmal multimedia. Maknanya, setiap sebuah sekolah mesti wujud 40 buah PC untuk dijadikan sebagai makmal multimedia. Saya hendak tanya Yang Berhormat, berapa peratuskah program ini telah pun terlaksana.

Yang kedua, mengenai sekolah bestari (*the smart school*) yang telah pun dijalankan hampir lima tahun, dengan izin, how smart is this smart school, dan dari segi bagaimanakah usaha yang telah pun dijalankan untuk melaksanakan setiap anak-anak ini mendapat pendidikan.

Akhirnya yang ketiga, dalam tuntutan RMK-8 bahawa unjuran yang dikeluarkan oleh kerajaan bahawa negara memerlukan lebih kurang 360,000 tenaga pekerja yang berkemahiran tinggi dalam ICMT. Maknanya, mereka merupakan *computer literate* seperti juruanalisa sistem, jurutera komputer dan perkara yang berhubungkait dengannya. Dan salah satu factory yang akan mengeluarkan ini tentulah akan lahir daripada sistem pendidikan negara kita.

Saya ingin bertanya apakah satu pendekatan hala cara baru yang akan dibuat oleh kementerian yang baru-baru ini saya terbaca bahawa di kementerian ada membuat satu pilot programme yang dinamakan ebook ini untuk mengurangkan tentang.....e-book atau bolehlah kita katakan e-school ini. Sejauh manakah usaha yang telah pun dijalankan oleh kerajaan supaya e-book ini dapat terlaksana dan saya harap supaya e-book ini akan dapat dibekalkan kepada setiap pelajar yang berada di Malaysia ini yang angkanya hampir ke-3 juta atau 4 juta dan saya rasa bahawa kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:sekejap, sekejap Yang Berhormat. Ini soal yang panjang lagi hendak diperpanjangkan. Saya rasa kalau e-book ini dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan, saya yakin bahawa jurang literasi digital yang dihadapi di negara ini di antara orang di bandar dengan diluar bandar akan dapat diatasi. Soalannya, sejauh manakah program ini dapat dilaksanakan. Sekian.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, saya akan baca dulu apa yang ada dalam sini kerana ia mengandungi beberapa perkara untuk menjawab persoalan yang dikemukakan dan saya akan jawab selepas itu yang mana tidak ada kena-mengena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Pada tahun lalu.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dia berdiri lagi Yang Berhormat, ini Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpaksa balik kepada apa yang disebut oleh Padang Terap tadi. Mungkin bagi teman-teman ini tidak real tetapi bagi kami yang di sini, hal mempolitikkan institusi seperti sekolah ini sangat real. Saya hendak minta sedikit. Tadi saya sudah dengar statement daripada mulut Menteri yang mengatakan Kementerian Pendidikan memang tidak mengizinkan sekolah dijadikan gelanggang politik.

Saya akur dan mengucapkan tahniah atas statement itu yang memang saya tunggu-tunggu statement ini. Tetapi bagaimana pula dalam minggu lepas Setiausaha Parlimen di Kementerian Pendidikan bila ditimbulkan oleh Kuala Terengganu mengenai sekolah dipolitikkan, apa dia kata? "Beri saya senarai nama-nama guru besar dan pengetua supaya saya menghantar surat mengucapkan tahniah kepada mereka yang berjaya menggunakan sekolah sebagai gelanggang politik". [Tepuk] Bukankah dua berbeza ?

Saya harap sangatlah Yang Berhormat, benda ini tidak habis-habis dan tidak akan habis-habis dan saya hendak petang ini satu statement yang benar-benar jelas tentang duduk perkara mengenai hal mempolitikkan institusi-institusi pendidikan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat untuk menjawab soalan ini elok juga kita melihat kepada diri sendiri. Kementerian juga telah menghantar pegawai-pegawai kita untuk memeriksa institusi-institusi pendidikan yang bukan kepunyaan Kementerian Pendidikan dan mereka pula tidak dibenarkan masuk. Jadi, ini juga mendatangkan satu perkara walaupun ada kuasa mereka untuk masuk tetapi jikalau orang tidak jemput, kita pun jadi, ini satu perkara yang perlu saya sebut bahawa....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini jawapan yang evasive, saya menghormati, saya sangat menghormati Yang Berhormat. Selama ini saya sangat menghormati Yang Berhormat....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya.....saya.....

Seorang Ahli: Duduklah, duduklah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...tetapi jawapan ini.....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ahli Yang Berhormat, saya belum habis lagi.....

Seorang Ahli: Apa ini?

Seorang Ahli: Pakai Peraturan Mesyuarat lah...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: Macam ini ke pakar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar, duduklah.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Jadi, saya cuma membuat satu appeal, dengan izin, bahawa kita dalam menangani perkara pendidikan ini harus daripada dua pihak kita berperasaan begitu, bukan satu pihak sahaja.

Jawapan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Nanti sekejap ya. Jawapan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang juga merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan itu adalah satu perkara yang boleh

kita lihat dari segi kebenarannya. Saya lihat perkara ini daripada segi ini bahawa tidak ada sebab mengapa dewan sekolah tidak boleh digunakan oleh orang luar selagi orang luar itu tidak mempolitikkan sekolah itu. Itu dia bezanya. *[Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: UMNO adakah bukan parti politik? Kalau NGO tak apalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tetapi.....Ahli Yang Berhormat.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini mana peraturan ini, peraturan?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ahli Yang Berhormat

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kuala Kedah...

Tuan Mohamad bin Sabu: Tahu, tahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Larut berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Terpujanglah kepada guru besar yang berkenaan yang diberikan kuasa mengikut Pekeliling Kementerian Pendidikan untuk menilai siapa yang boleh diterima, siapa yang tidak boleh diterima. Jadi, kita tidak boleh menilai semua orang, tidak boleh diberikan satu.....semua hendak datang ke kementerian untuk mendapatkan keputusan. Jadi, kita decentralize authority itu dan guru besarlah yang bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri beritahu berapa ramai penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi yang bersimpati atau menyokong pembangkang terutamanya PAS, biar dia orang tahu sedikit, Yang Berhormat. Minta penjelasan sedikit.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya tidak dapat menjawab soalan yang saya tidak ada faktanya ya. Jadi, saya mungkin tidak dapat menjawab tetapi jikalau ditanya saya apa yang saya fikirkan, ha itu saya boleh jawablah, mungkin betul atau tidak betul.

Dalam universiti memang ada kecenderungan untuk pelajar-pelajar bersimpati dengan pihak lawan, itu memang betul dan.....dan....dan itu sahajalah [*Ketawa*] setakat yang saya hendak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus, teruskan ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Pada tahun lalu, kementerian telah mula melaksanakan projek penyediaan infrastruktur fizikal dan pengkomputeran di semua sekolah rendah dan menengah yang mempunyai pelajar melebihi 150 orang. Makmal komputer dengan komputer terkini dan kemudahan LAN serta Internet telah mula dibina dan sekolah dibekalkan antara 10 hingga 40 komputer mengikut jumlah pelajar.

Sasaran Kementerian Pendidikan ialah membekalkan komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah pada nisbah satu komputer kepada setiap 10 pelajar dan setiap sekolah mempunyai makmal komputer yang lengkap menjelang tahun 2005. Oleh kerana rancangan ini meliputi semua sekolah, isu berkaitan dengan jurang digital seharusnya tidak timbul lagi apabila rancangan ini selesai dilaksanakan menjelang 2005.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik kepada hujah Yang Berhormat tadi terutamanya mengenai WET dan TIMSS and all that, saya menggalakkan kita meneruskan.

Di sini mengenai komputer, saya berharap usaha boleh ditingkatkan, cuma ada beberapa ratus sekolah yang tidak mempunyai electricity, bekalan elektrik tidak ada, apakah rancangan untuk membekalkan electricity kepada semua ini terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. [*Disampuk*] Ha, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat terangkan. Sebenarnya saya banyak soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah tu.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak soalan, cuma di sini saja.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ahli Yang Berhormat, saya telah jawab sebahagian daripadanya dan dalam ucapan saya yang saya belum baca akan juga terkandung maklumat mengenai perkara itu, tunggu dululah ya.

Dari segi perluasan pengajaran ICT, kementerian berhasrat memperkenalkan Program Celik Komputer di semua kelas prasekolah mulai tahun 2002. Seterusnya Program Celik Komputer akan diperkenalkan kepada 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2003 dan 100% pelajar rendah dan menengah menjelang tahun 2006.

Di samping itu, kanak-kanak pendidikan khas juga tidak akan dikesampingkan dengan memperkenalkan mulai tahun 2002 Program Celik Komputer di semua sekolah yang menyediakan pendidikan khas. Dengan ini semua sekolah di seluruh negara akan mendapat manfaat termasuklah sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Berkaitan dengan soalan khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi....

Tuan Ronald Kiandee: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Ada dua orang ini.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Biar saya jawab ini dulu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia jawab dulu ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Saya jawab dulu. Berkaitan dengan e-book, perkara ini sedang dalam peringkat percubaan untuk 50 sekolah dan kita mesti mengetahui sejauh mana e-book ini kita boleh mencapai matlamat kita

melalui e-book ini, ada dua matlamat. Satunya, melalui e-book ini kita akan menyemarakkan penggunaan Internet. Yang keduanya, melalui e-book ini juga kita akan secara tidak langsung mengurangkan bebanan pelajar memikul buku-buku yang tebal. Jadi, ada dua matlamat.

Tetapi kita kena nilai selepas projek percubaan untuk 50 sekolah ini barulah kita akan memperluaskan projek itu. Yang lain-lain saya rasa.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini lanjutan sedikit....

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Berkaitan dengan smart schools....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab lagi tu.

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Ya, sila. Sila, sila.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. 30 tahun dahulu bila kita mula meng'empasize' Sains dan juga Matematik, saya rasa Kementerian Pendidikan juga mengatakan bahawa penuntut-penuntut di luar bandar dan juga di bandar akan mendapat pendidikan yang sama tetapi akhirnya hari ini kita mengetahui bahawa penduduk-penduduk luar bandar ketinggalan dari segi pencapaian di dalam Sains dan Matematik.

Sekarang ini kita berkata tentang ICT dan kementerian mengatakan bahawa sebilangan komputer akan diberi kepada sekolah-sekolah di seluruh negara termasuk di bandar dan di luar bandar tetapi hakikatnya sekarang ini guru-guru English yang terbaik, yang mengajar komputer ini diletakkan di sekolah-sekolah bandar. Sekolah-sekolah Bestari semuanya diletakkan di kawasan bandar. Walaupun ada 10% atau 20% penuntut-penuntut luar bandar boleh memasuki sekolah-sekolah bandar ini tetapi hakikatnya masih kekal bahawa murid-murid di luar bandar ketinggalan kerana polisi kementerian yang menghantar guru-guru yang terbaik cuma di kawasan sekolah-sekolah di bandar.

Saya risau kalau pendekatan ini tidak diubah, kita akan berkata lagi nanti di tahun 2020 ada lagi jurang ICT ini berlaku di sekolah bandar dan luar bandar. Saya ingin tahu adakah kementerian sedar perkara ini dan adakah kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa tidak ada jurang ICT ini seperti yang berlaku jurang dalam Matematik dan Sains berlaku antara sekolah bandar dan luar bandar 20 tahun akan datang. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, 20 tahun akan datang itu saya sukar hendak ramal apa yang berlaku dalam 20 tahun tetapi mengikut rancangan kita, jikalau rancangan kita ini semua berlaku dan berjalan dengan lancar, saya yakin kita akan dapat meningkatkan kemahiran semua pelajar kita dalam ICT dan jurang itu sekurang-kurangnya akan diperkecilkan.

Kita mesti lihat bahawa di negara-negara mana pun termasuk di negara-negara maju memang ada perbezaan di antara bandar dan luar bandar, mereka pun tidak dapat menghapuskan sama sekali jurang perbezaan, pencapaian anak-anak di sekolah di luar bandar berbanding dengan bandar. Yang boleh kita lakukan ialah merapatkan jurang itu. Itulah pandangan saya ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri, Yang Berhormat. Parit Sulong dan Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya hendak memberitahu bahawa daripada fakta dalam buku Rancangan Malaysia Kelapan, bahawa kedudukan penggunaan Internet, dari segi kedudukan negeri, Kelantan merupakan yang terendah, kemudian Sabah dan Terengganu, kalau kita tengok daripada statistik yang diberikan.

Jadi, saya hendak tanya mengenai peruntukan kerajaan untuk meningkatkan ataupun mempercepatkan peningkatan penggunaan komputer ini di sekolah-sekolah di Pantai Timur dan juga di Malaysia Timur supaya seimbang dengan negeri-negeri Barat.

Saya difahamkan juga bahawa di Terengganu hanya 100 sekolah sahaja ataupun makmal komputer di Terengganu hanya 100 buah sahaja yang akan dibina dan ini dibuat atas peruntukan wang ihsan. Saya hendak tanya juga di negeri-negeri yang tidak ada wang ihsan ini atas peruntukan apa yang diberikan di negeri-negeri lain. Jadi, maknanya di Terengganu ini peruntukan daripada Kementerian Pendidikan tidak ada, yang digunakan ialah daripada wang ihsan. Macam mana pembinaan di negeri Pahang yang mempunyai 200 buah yang menggunakan duit atas peruntukan apa? Saya minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Seperti yang saya telah sebut tadi Ahli Yang Berhormat, bahawa kita merancang untuk mengadakan prasarana ICT

untuk semua sekolah. Semua sekolah itu termasuk Kelantan, Sabah dan Terengganu. Jadi, cuma kita terpaksa menunggu phase by phase – fasa demi fasa. Saya telah mengatakan menjelang 2005 kita harap semua sekolah akan dibekalkan.

Soalan yang kedua, berkaitan dengan 100 buah sekolah diberikan makmal komputer itu, saya ingat salah maklumat Ahli Yang Berhormat terima itu mengatakan bahawa ini datang daripada wang ihsan. Ini adalah datang daripada wang Kerajaan Persekutuan iaitu projek yang telah diluluskan oleh EPU seperti juga dengan negeri-negeri lain. Memang ada komputer-komputer yang dibekalkan melalui wang ihsan, itu projek lain bukan projek makmal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri Menteri, kami amat berpuas hati kerana mendapat jawapan yang jelas daripada pihak Menteri. Tetapi saya ingin berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Tan Sri mengenai kawasan luar bandar di negara asing.

Jangan membandingkan negara asing dengan negara kita. Apabila kita mengatakan luar bandar di negara kita adalah bangsa kita, penduduknya. Jadi, adakah kita mahu melihat bahawa rakyat luar bandar dalam negara kita setakat dirapatkan jurang. Kita mahu pendidikan dijadikan *vehicle* untuk menyamaratakan peluang orang luar bandar, iaitu orang Melayu, di zaman digital supaya tidak timbul satu generasi masa akan datang, generasi luar bandar yang terpinggir, yang lebih miskin, lebih papa, tidak mempunyai kuasa apa pun. Jadi, harapan kami kepada Kementerian Pendidikan amat tinggi.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tan Sri Menteri mengatakan bahawa semua sekolah luar bandar akan diberi bekalan komputer sedangkan kami tahu hakikatnya bahawa hari ini banyak sekolah luar bandar belum ada bekalan elektrik, belum ada talian telefon. *[Disampuk]* Adakah satu pendekatan yang *integrated*, yang bersepadu dilaksanakan mungkin atas *leadership* Kementerian Pendidikan supaya perkara ini sama-sama diselesaikan, supaya soal perbezaan antara luar bandar dan dalam bandar, dalam negara kita yang multi kaum, yang orang Melayu menjadi *focal* kepada pembangunan masa akan datang, tidak tertinggal. Itu yang amat kami bimbangkan dan sebab itu kami dari Barisan Nasional amat prihatin mengenai hal ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tan Sri Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Cadangan Yang Berhormat itu memang menjadi punca rancangan yang kita aturkan di bawah *Third Out Line Perspective Plan* itu, memang begitu. Mungkin tidak disebut secara khusus tetapi itulah maksudnya. Memang hasrat kita secara idealnya, secara unggulnya memang untuk mencapai, tiada perbezaan langsung, itu memang betul.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Daripada segi peluasan pengajaran ICT kementerian berhasrat memperkenalkan Program Celik Komputer di semua kelas prasekolah mulai tahun 2002. Seterusnya Program Celik Komputer akan diperkenalkan kepada 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2003 dan 100% pelajar rendah dan menengah menjelang tahun 2006.

Saya beralih kepada perkara yang lain iaitu pendidikan vernakular dan bahasa ibunda.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Shah Alam ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sebelum beralih ke tempat lain.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri mengenai *e-book* ini dan saya difahamkan dengan maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri bahawa sekarang ini *pilot project* 50 buah sekolah telah pun dalam proses *try run* untuk dilaksanakan. Adakah rancangan daripada pihak kementerian supaya 50 buah sekolah ini sebagai satu *test pilot clustered* untuk menentukan bahawa konsep *e-school* ini akan berjaya.

Yang kedua, *content provider* yang akan menjadi dan merumuskan kurikulum kepada *e-book* ini kerana saya dimaklumkan bahawa *e-book* ini ia ada teknologi baru dan saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan ini merupakan yang pertama di dunia akan melaksanakan program ini dan *e-book* ini dia *punya 'blue tools technology'*. '*Blue tools technology*' ini bermakna bahawa setiap *e-book* ia boleh berkomunikasi di antara *e-book*. Adakah kalau perkara ini dapat dilaksanakan

sepenuhnya kepada seluruh sekolah di Malaysia ini... [Disampuk] ...Apakah tidak mungkin supaya jurang literasi digital ini dapat dipercepat dalam proses untuk mencelikkomputerkan seluruh pelajar sama ada di bandar ataupun di luar bandar?
[Disampuk]

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun melaksanakan program ini dan kita doakan supaya program ini dapat terlaksana dengan sepenuhnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi kita sedang mencuba *e-book* ini, menilai keupayaannya juga dengan objektif-objektif yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kita telah meminta tiga jabatan di Kementerian Pendidikan iaitu Pusat Perkembangan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Teknologi dan Bahagian Buku Teks untuk ketiga-tiga bergabung dengan sekolah *pilot* tadi supaya mereka menilai sebaik-baiknya apa sebenarnya akan terhasil daripada projek *e-book* ini. Dalam perkara-perkara yang baru kita harus berhati-hati.

Ahli Yang Berhormat mengatakan *we are the first in the world*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *We are the first in the world* jadi kita harus berhati-hati, jangan kita menjadi *guinea-pig*. Itu satu perkara yang kita harus lihat dan apakala jelas memang baik perkara itu, kita akan memohon kepada kerajaan untuk mengembangkannya.

Saya berubah kepada pendidikan vernakular dan bahasa ibunda. Perkara ini paling banyak ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Walaupun telah jelas, saya telah menjelaskan beberapa kali, walaupun telah dijelaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat bagi Kota Melaka meminta agar dibuat pindaan terhadap Seksyen 17(1) Akta Pendidikan 1996 yang berbunyi, "*Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada sub-seksyen ini*". Seksyen tersebut sepatutnya dibaca bersama Seksyen 17(2), Seksyen 28 dan Seksyen 151 yang jelas memberi maksud bahawa bahasa Cina dan Tamil tetap digunakan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Dengan itu Yang Berhormat bagi Kota Melaka, tidak perlu bimbang tentang kedudukan bahasa ibunda di sekolah-sekolah ini. Oleh yang demikian, kementerian ini berpendapat tidak perlu lagi dibuat pindaan atau peruntukan lain untuk menjamin kedudukan bahasa-bahasa tersebut kerana peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Pendidikan 1996 memadai.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad:mencadangkan agar mata pelajaran

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Lanjutan daripada itu. Saya tahu memang itu pentafsiran daripada pihak kerajaan tetapi daripada pandangan komuniti Cina itu bukanlah pandangan mereka.

Jadi, kalau tujuan pihak kerajaan dengan komuniti Cina itu sama iaitu semua orang hendak mengekalkan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam *vernacular school*, senang sahaja, pinda. Mengapa hendak gaduh tiap-tiap hari oleh kerana perkara ini. *[Disampuk]*

Jadi, saya nampak senang sahaja kalau kerajaan betul-betul hendak mengekalkan sekolah vernakular ini, pindalah, senang sahaja. Mengapa tidak mahu pinda. Itu sahaja saya hendak tahu. *[Disampuk]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tebh menyatakan perkara ini jelas dan interpretasi itu boleh berbeza-beza di antara orang dengan orang lain kalau mereka memilih untuk berbuat demikian. Ada orang tidak faham, betul-betul tidak faham, ada orang sengaja tidak mahu faham *[Disampuk]* *[Tepuk]*

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara mencadangkan agar mata pelajaran bahasa ibunda dijadikan mata pelajaran wajib dalam peperiksaan. Kementerian ini tetap berpegang kepada hakikat bahawa bahasa utama negara ini ialah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ialah bahasa kedua, yang mana kedua-duanya wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan.

Sebagaimana yang pernah ditegaskan di Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah menyekat rakyat mempelajari bahasa-bahasa lain malah ia amat digalakkan. Dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil merupakan mata pelajaran *elective* dan pelajar yang berminat boleh mengambilnya. Perkara ini sepatutnya tidak menjadi isu lagi. Juga dasar liberal kerajaan terhadap kedudukan sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah adalah jelas. Semasa menggulung perbahasan Titah Diraja tempoh hari, telah pun dijelaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara membenarkan institusi awam menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Saya juga berasa amat kecewa dengan sikap Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang berterusan menentang Konsep Sekolah Wawasan yang mempunyai falsafah murni untuk mewujudkan perpaduan kaum. Adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa identiti sekolah jenis kebangsaan (Cina) akan tergugat dengan adanya sekolah wawasan kerana penggunaan bahasa ibunda masih dikekalkan dan sekolah tersebut mempunyai pentadbiran sendiri.

Dalam hubungan ini juga saya berasa bimbang jika setiap kaum terus memperjuangkan institusi-institusi persekolahan masing-masing tanpa menghiraukan usaha mewujudkan perpaduan kaum melalui institusi persekolahan. Walaupun ada pelbagai faktor yang mempengaruhi perwujudan perpaduan kaum, institusi persekolahan diakui ramai sebagai di antara faktor yang terpenting sekiranya institusi persekolahan gagal menanamkan bibit-bibit perpaduan di kalangan pelajar. Saya berpendapat perpaduan sukar sekali wujud berterusan di negara kita...

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua orang bangun. Mana satu?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga pernah memegang jawatan Yang Berhormat, iaitu Tan Sri Musa Hitam, dia memberi satu *lecture* di Pulau Pinang dan beliau mengatakan bahawa beliau berpendapat bahawa sekarang polisi, dasar

pendidikan kerajaan ini selama berpuluh-puluh tahun ini tidak mencapai tujuannya. Ini juga telah diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tempoh hari.

Perdana Menteri mengatakan bahawa dasar pendidikan telah gagal kerana ibu bapa bukan Melayu kurang minat hendak menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dan itu yang dikata oleh Tan Sri Musa Hitam ini adalah satu pengakuan yang terbuka pada pertama kali. Beliau berkata, walaupun dasar pendidikan selama ini telah mencapai satu matlamat iaitu lebih ramai penduduk Malaysia ataupun rakyat Malaysia sudah boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan dapat berkomunikasi menggunakan Bahasa Malaysia tetapi dia juga mendatangkan beberapa kesan yang negatif.

Yang pertamanya, yang dikata iaitu *segregation* di antara kaum telah nampaknya bertambah. Sekarang ibu bapa Cina memilih menghantar anaknya ke sekolah rendah jenis kebangsaan dan Melayu ke sekolah rendah kebangsaan dan orang India pula hendak menghantarkan anak mereka ke sekolah Tamil dan dia mengatakan bahawa ini menunjukkan ini adalah satu perkara yang membimbangkan.

Beliau juga mengatakan bahawa dasar pendidikan ini memang berunsur perkauman, *racialist bias* [Disampuk] Dan kita perlu mengakui bahawa memandangkan ada 500 orang pelajar yang cemerlang yang tidak dapat memasuki universiti walaupun telah diterangkan tetapi satu hakikat yang tidak boleh dinafikan, mereka ini semua bukan Melayu [Disampuk]

Jika kita betul-betul hendak mencapai satu perpaduan, kita mesti mendapat persetujuan daripada semua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah penjelasan yang ingin Yang Berhormat mohon?

Puan Chong Eng: MCA pun tidak bersetuju bahawa menggunakan bahasa [Disorak] yang sama boleh memupuk perpaduan. Gerakan pun tidak bersetuju. Dan bahasa bukan satu-satunya yang boleh menyatupadukan rakyat Malaysia ini.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini bertanyakah, berucap?

Puan Chong Eng: Yang lebih penting ialah polisi dasar yang adil supaya
.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cuba ringkaskanlah.

Puan Chong Eng: ...semua rakyat di Malaysia ini dipandang dan juga dilayan secara adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap.

Puan Chong Eng: Jadi, adakah kementerian dan kerajaan Barisan Nasional ini sudi mengubah dasar supaya semua mereka yang cerdas, mereka yang cemerlang dapat peluang yang sama dalam pendidikan. Dan, saya hendak tujukan bahawa dasar RMK-8 ini mengatakan, semua rakyat akan diberi kesempatan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tetapi dasar pendidikan sekarang, tidak begitu. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jikalau perkara yang dibangkitkan bermula daripada pendapat Yang Berbahagia Tan Sri Musa Hitam, saya ingat saya terpaksa mendalami apa sebenar yang dia kata dan tidak perlulah saya menjawab perkara itu dalam Dewan ini. Tetapi soal dasar yang adil ini, Yang Berhormat, dalam negara majmuk kita ini, sesuatu kaum itu melihat sesuatu perkara itu daripada segi yang berlainan. Satu kaum mengatakan bahawa perkara yang diminta itu adil padanya, kaum yang lain pula mengatakan bahawa perkara itu tidak adil baginya.

Jadi, perkara ini adalah perkara yang sudah lama kita bincangkan, itulah sebabnya kita ada sosial kontrak pada dahulu, perbincangan di antara orang veteran dalam politik kita yang telah menentukan hala tujuan dan arus perkembangan negara kita. Pada masa ini, sebenarnya kita cuba mengkocak apa yang telah dibincangkan dan dipersetujui pada masa dahulu. Jikalau kita mahu membuat pembaharuan, kita sama-sama mesti membuatnya dalam suasana yang benar-benar memahami kehendak semua masyarakat.

Apa yang tidak adil ialah, apakala sesuatu kaum itu menuntut hanya untuk kaumnya dan tidak langsung menghiraukan apakah perasaan kaum yang lain. Jadi, inilah yang menjadi masalah dan saya rasa Ahli Yang Berhormat pun sedar mengenai perkara ini dan eloklah kita sama-sama bincangkan perkara ini dalam forum yang berlainan. Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Berkenaan Sekolah Wawasan, saya juga menyesal dengan sikap kerajaan yang sentiasa memandang masalah dari sudut kerajaan sahaja. Kalau Yang Berhormat tidak setuju dengan saya, saya boleh cabar buat satu *referendum* di antara komuniti Cina, sama ada mereka menyokong atau tidak konsep wawasan. *[Disorak]* Oleh kerana, memang adalah tanggungjawab kerajaan untuk berusaha untuk menghapuskan kebimbangan, ketakutan mereka tetapi sehingga hari ini kerajaan telah gagal membuat demikian.

Oleh itu, saya telah ulangi pendirian DAP *[Disorak]* bahawa selagi kerajaan tidak boleh menghapuskan ketakutan mereka, kebimbangan mereka DAP tidak akan menyokong Sekolah Wawasan. Dan saya rasa ini adalah sebagai pelaksana polisi, adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberikan jaminan kepada komuniti Cina. Itu sebabnya saya kata, senang sahaja, buat pindaan kepada Akta Pendidikan, ini semua kerajaan enggan buat, cakap sahaja hendak mempertahankan, saya rasa politik tidak begitu susah tetapi sikap angkuh yang menyebabkan *[Disorak]* masalah berkekalan di Malaysia ini. Itu sebab sudah kalah Lunas, kalau ada pilihan raya kecil di Berserah, habislah lagi, tenggelam UMNO. *[Disampuk]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Ahli Yang Berhormat, nampaknya sikap angkuh itu datang daripada Ahli Yang Berhormat. *[Tepuk] [Ketawa]* Okay. Saya tidak perlu jawablah Yang Berhormat, ya. *[Disorak]*

Tuan Kerk Kim Hock: Itu bererti saya menang, ya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Okay, okay. Saya akan teruskan, ya. Banyak ini. Ini sampai bila kita hendak habis, saya pun tidak tahu. Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat agar kerajaan menubuhkan 50 buah SJK(C) setiap tahun, keutamaan kerajaan dalam penubuhan sekolah-sekolah baru ialah sekolah yang memenuhi keperluan masyarakat berbilang kaum dan mempunyai hala tuju ke arah perpaduan kaum seperti sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun, pembinaan SRJK(C) boleh dipertimbangkan mengikut merit kes-kes tertentu.

Mengenai permohonan agar kerajaan meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina, kerajaan hanya meluluskan sekolah-sekolah swasta rendah dan menengah yang menggunakan kurikulum kebangsaan. Pendirian kerajaan mengenai pengiktirafan terhadap Sijil Sekolah Persendirian Cina (UEC) adalah jelas, kerajaan tidak bersedia menerima UEC kerana UEC tidak berlandaskan kurikulum kebangsaan dan juga tidak dianugerahkan oleh badan peperiksaan yang

diiktiraf oleh kerajaan seperti Majlis Peperiksaan Malaysia atau Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pernah mengatakan alasan ini tidak boleh diterima di dalam Dewan ini dan saya hendak mendapat pendapat Yang Berhormat. Kalau katakan, kerana sekolah-sekolah ini tidak mengikut sukatan kebangsaan maka sijil mereka tidak boleh diterima. Bagaimana dengan pelajar-pelajar di luar negara yang datang daripada Bangladesh, daripada Afrika, daripada Iran, daripada Iraq, seluruh dunia, adakah kerajaan ingin mengikut sukatan Malaysia? Itu yang saya katakan tidak boleh diterima.

Yang kedua, di mana-mana universiti pun, mereka ada *entrance exam* yang boleh menguji adakah tahap akademi mereka boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, perkara ini juga perlu dikemukakan oleh Yang Berhormat semasa mengambil bahagian. Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: Dan, saya berpendapat mengapa tidak kita mengadakan *entrance exam* untuk pelajar-pelajar yang memegang sijil ini. Saya rasa pelajar-pelajar yang memegang sijil ini, mereka boleh diterima di universiti-universiti di seluruh dunia, universiti yang terbaik di dunia, kenapa universiti kita sendiri, di bumi sendiri tidak mahu terima mereka? Saya rasa, kalau kita ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Have a wish, kita have a wish hendak – kita hendak menolong atau menerima mereka, kita akan mencari jalan. Tetapi di sini saya nampak tidak ada tolak ansur, tidak ada pertimbangan tetapi hanya tidak mahu terima mereka kerana kepada saya, saya rasa kerana kebanyakan mereka ialah bukan Melayu. Itu begitu *simple* sahaja. Tetapi saya hendak memberitahu Yang Berhormat bahawa ada pelajar di dalam sekolah ini sekarang adalah orang Melayu, bukankah rugi kalau mereka yang pandai-pandai ini hanya diterima oleh negara yang lain bukan negara sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya suka mengingatkan lagi, Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan untuk berucap.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab ringkas sahaja perkara ini. Sekolah persendirian Cina itu bukan sekolah luar negara, sijil yang ditawarkan itu bukan sijil daripada luar negara. Sekolah persendirian Cina adalah institusi dalam negara, sepatutnya institusi dalam negara patutlah mengikut apa yang dikehendaki oleh undang-undang iaitu ia mengikut kurikulum kebangsaan.

Tetapi dalam sosial kontrak kita dahulu, tahun 1957 ataupun dalam lingkungan begitulah telah dibenarkan terus menerus 60 sekolah menengah persendirian itu terus ada sampai sekarang. Jadi, kita pun tidak kacau dan sekolah ini tidak harus berbalik-balik kepada perjanjian yang telah dibuat pada masa dahulu supaya mereka akan terus kekal dengan kurikulum mereka tetapi mereka tidak harus diterima pengiktirafannya, mereka terus berada dalam keadaan mereka, tidak akan berkembang dan terus.

Jikalau mereka hendak berkembang pilih sahajalah kurikulum kebangsaan, mengapa tidak? Itu jawapan saya secara ringkas. Bukan kerana sekolah itu kepunyaan sekolah orang Cina dan anak-anak orang Cina, ini satu tuduhan yang tidak patut keluar daripada Ahli Yang Berhormat. *[Disorak]* Kerana itu bukan niatnya, kita mesti lihat kepada sejarah, jangan lihat itu dalam konteks hari ini tetapi kita lihat dari segi sejarah.

Perancangan Dan Pembangunan Pendidikan – Saya ingin beralih pula kepada isu-isu berkaitan dengan perancangan dan pembangunan pendidikan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan memohon agar dipertimbangkan semula pembukaan Maktab Perguruan Sandakan. Memandangkan maktab tersebut mempunyai kawasan yang kecil, pembinaan maktab perguruan baru adalah perlu untuk menampung lebih ramai pelajar, menyediakan kemudahan yang lebih baik dan untuk perancangan pembangunan jangka panjang. Kementerian bercadang membina sebuah maktab perguruan di Tawau untuk menggantikan Maktab Perguruan Sandakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sri Aman agar diadakan penetapan standard minimum kebangsaan untuk

Tuan Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]* Sana diam dululah. Memandangkan maktab perguruan ini *[Disampuk]* banyak nyamuklah, Menteri. Speaker, cepat suruh diam ini.

Memandangkan maktab perguruan ini berada di Sandakan sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu dan masyarakat di Sandakan, Kinabatangan, Libaran, Beluran terlalu ramai. Jadi, sebidang tanah telah saya kenal pasti di kawasan saya di Kinabatangan, berhampiran dengan Sandakan, lebih kurang satu jam perjalanan daripada maktab yang sedia ada kepada tapak yang baru ini.

Jadi, kita tidak bersetuju ia dipindahkan ke Tawau, kita mahu ia berada di daerah Sandakan, di Kinabatangan. Tanah sudah ada, *free of charge* kepada kementerian ini, jadi kita tidak mahu ia dipindah ke kawasan-kawasan lain. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Saya akan melihat cadangan itu. *[Disampuk]* Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sri Aman agar diadakan penetapan standard minimum kebangsaan untuk infrastruktur bagi sekolah-sekolah, kementerian ini sudah pun mempunyai standard sedemikian, yang digunakan untuk sekolah-sekolah baru dan bagi megubahsuai sekolah-sekolah lama.

Berhubung pembinaan asrama di tujuh buah sekolah di kawasan Kinabatangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sukacita dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian bercadang membina 4 buah asrama iaitu satu lagi bagi sekolah rendah dan 3 bagi sekolah menengah. Bagi seluruh negeri Sabah, kementerian bercadang membina 35 asrama baru, 10 projek gantian dan 2 projek tambahan.

Mengenai peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Kluang, ia adalah bergantung kepada status sekolah seperti yang didefinisikan dalam Akta Pendidikan 1996. Adalah tidak benar dakwaan bahawa terdapat perbezaan dalam pemberian peruntukan antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan Cina atau sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Sekiranya sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil tersebut termasuk dalam kategori sekolah kerajaan bantuan penuh, sudah tentulah ia mendapat pembiayaan sepenuhnya dari kerajaan. Namun demikian, kerajaan tidak boleh memberi bantuan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah yang bangunan dan tapaknya bukan milik kerajaan dan ini termasuklah juga sebilangan sekolah kebangsaan.

Permintaan Yang Berhormat bagi Kota Melaka agar kerajaan memperuntukkan RM1 bilion untuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah

menengah persendirian Cina adalah tidak munasabah kerana ia perlu diagihkan kepada semua jenis sekolah, lagipun kerajaan tidak membiayai sebarang institusi pendidikan swasta seperti sekolah menengah persendirian Cina.

Yang Berhormat bagi Tuaran menyarankan agar Kementerian Pendidikan menyediakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya faham jawapan Yang Berhormat Menteri iaitu kalau kita mengikut polisi yang sedia ada, memang tidak boleh, itu sebabnya saya minta supaya satu polisi baru dibuat, dilaksanakan. Kalau kata RM1 bilion yang akan diperuntukkan untuk sekolah Cina itu tidak munasabah, oleh kerana kita juga hendak berikan kepada sekolah kebangsaan, saya kata beri kepada sekolah kebangsaan RM2 milion, no problem to us, masalahnya kerajaan saya rasalah tidak ingin melihat ke hadapan, sentiasa mengatakan lihat sejarah. Sejarah ini lama, dalam abad yang baru, semua menghadapi masalah negara kita dengan hendaklah melihat ke hadapan. Itu sebabnya kita minta supaya kerajaan boleh melihat ke hadapan dan mengadakan satu polisi yang baru, barulah kita boleh memupuk negara yang betul-betul bersatu.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, polisi yang baru yang dimaksudkan, polisi itu bukanlah baru, bukan masa saya menjadi menteri, tetapi sejurus sebelum saya menjadi menteri, kita telah mengadakan polisi bahawa kerajaan akan membina sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil apabila perlu dan di mana perlu dan di mana ada majoriti kaum Cina, kita akan pertimbangkan sebaik-baik mungkin untuk membina sekolah Cina. Itulah yang telah menjadi dasar baru dan tidak ada lebih daripada itu buat masa ini.

Yang Berhormat Tuaran menyarankan agar Kementerian Pendidikan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ialah seorang akademik dan saya pun harap bahawa Yang Berhormat dapat melihat masalah pendidikan dari perspektif akademik dan bukan politik. Dan itulah kita harap-harapkan terhadap Yang Berhormat. Yang dikatakan akan menimbangankan membina sekolah rendah jenis kebangsaan mengikut

keperluan di mana terdapat ramai penduduk kaum Cina, di dalam struktur pelan untuk Petaling Jaya terdapat akan membina 35 buah sekolah rendah di kawasan ini, tidak ada sebuah pun sekolah rendah jenis kebangsaan dan di mana-mana pun dan saya telah tanya, di dalam preemptive Malaysia untuk economy slow down, ada 200 buah sekolah akan dibina dan berapa buahkah SRJK(C) – tidak ada.

Dan juga SRJK(C) Damansara di dalam keadaan seperti ini kerajaan masih hendak menutupkan, tidak mahu guna sekolah ini sebagai sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Pada hakikatnya memang di kawasan sana kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan saya rasa sekiranya kerajaan dapat mengubah dasar ini, kerajaan akan dapat sokongan komuniti Cina dan itu merupakan pengundi yang begitu penting kepada Barisan Nasional pada pilihan raya yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dan saya harap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat Menteri faham.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini SRJK ini Kuala Kedah sokongkah?

Puan Chong Eng: Kalau kita tidak mahu menimbangkan dari perspektif politik, saya harap seorang akademik yang memegang jawatan itu dapat memberi cadangan kepada kerajaan supaya ia mengadakan penyelesaian akademik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila diberi peluang minta penjelasan, jangan berucap, cukuplah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perlukah saya jawab soalan itu? Okey. Sebagai ahli akademik, saya dilatih untuk menegakkan kebenaran. Itu adalah latihan yang saya pegang sehingga ke hari ini. [Tepuk] Dan bila kita lihat daripada segi kebenaran dan juga sekarang ini saya berpeluang menjadi seorang ahli politik, seorang menteri, saya terpaksa melihat daripada segi keseluruhannya, banyak tuntutan yang dibuat oleh semua kaum. Kalau kita lihat sepintas lalu, sekali pandang, kita dapati daripada hierarki susunan infrastruktur sekolah-sekolah kita, kita lihat bahawa sekolah Cina itu daripada segi infrastrukturnya adalah lebih baik daripada sekolah kebangsaan pun dan memang itu adalah sumbangan rakyat, betul dan itulah yang patut kita galakkan kerana di mana-

mana pun kalau kita melihat di negara-negara maju, sekolah-sekolah di negara-negara maju begitu menjadi hebat dan menjadi perkasa bukan kerana sumbangan daripada kerajaan tetapi sumbangan daripada masyarakat setempat. Itulah yang memperkasakan.

Kalau kita lihat sekolah kebangsaan kita yang baik tetapi tidak menerima geran, serupa orang lain juga tetapi yang baik, yang meningkat adalah juga sumbangan daripada komuniti setempat dan ibu bapa. Kita menggalakkannya, itulah yang saya sentiasa sebut kita harus memasyarakatkan sekolah dan mendapatkan bantuan daripada masyarakat, jangan kita hulu tangan hanya kepada kerajaan yang mempunyai keupayaan yang terhad, bukan kita boleh dapat semua daripada kerajaan, bukan maksudnya kita ada wang begitu banyak, boleh kita laburkan sewenang-wenangnya dalam semua kes, kita ada hadnya dan itulah yang saya maksudkan.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Saya tidak beri laluan, saya terpaksa habis ya. Akan beri kemudian. Mengenai

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri jalan kepada Sri Gading sedikit.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Nanti dahulu ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, saya hendak menambah ini, Tan Sri, sedikit.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Okeylah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawapan Tan Sri berkenaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ini begitu jelas, di mana kerajaan melayan begitu adil, saya berharap Tan Sri jangan termasuk dalam jerat DAP yang sedang bermain politik, tidak perlu menjawab lagi soalan ini, beralih kepada subjek yang lain.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya minta yang akhir sekali.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Kalau perkara ini?

Tuan Kerk Kim Hock: Perkara di mana Yang Berhormat Menteri janji bahawa akan membina sekolah rendah jenis kebangsaan mengikut keperluan. Saya cuma hendak katakan tadi Yang Berhormat Menteri kata, sebagai ahli akademik menegakkan kebenaran. Saya sebagai seorang ahli politik menegakkan keadilan.

Jadi, saya minta berapa buahkah SRJK(C) yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kalau betul-betul mengikut keperluan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Jawapannya adalah mengikut keperluan dari masa ke semasa. Jadi, kita terpaksa

Tuan Kerk Kim Hock: Berapa, tujuh sahaja, berapakah penambahan

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Begitu juga kita tidak menyebut jumlah sekolah kebangsaan yang ...

Tuan Kerk Kim Hock: Itu sebabnya saya kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:tidak ikut garis panduan keadilan, itu sebab satu hakikat yang kita tidak boleh terima. Kita gunakan nisbah dalam pembinaan sekolah lain. Sepatutnya kena bina 576, kita minta 250 sahaja, itu sebab saya kata apa yang dikatakan kerajaan itu tidak mengikut apa yang sebenarnya hendak dilaksanakan, dia kata hendak bina sekolah yang cukup, sebenarnya tujuh sahaja, tujuh buah dalam Rancangan Malaysia Kelapan, apa nisbah yang digunakan, mana orang boleh percaya kepada janji Yang Berhormat Menteri bahawa akan membina mengikut keperluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: There is.... trust the government anymore.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Ahli Yang Berhormat, tidak ada terdapat dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelapan hendak membina tujuh buah sekolah jenis kebangsaan Cina, mana ada, tunjukkan?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Ini yang dimaksudkan bukan Rancangan Malaysia Kelapan yang diprogramkan, ini adalah ekor dari janji yang telah dibuat sebelum pilihan raya. Itu yang dimaksudkan. Ini saya off hand, saya terpaksa tanya, tetapi saya ingat dalam lingkungan itulah, tujuh sekolah baru, sembilan pindah dan sebagainya, itu sebelum pilihan raya. Tetapi jikalau untuk masa hadapan kita akan pertimbangkan.

Yang Berhormat Tuaran menyatakan agar Kementerian Pendidikan

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Yang Berhormat tadi kata hendak beri jalan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Saya tidak beri laluan buat masa ini ya.

Yang Berhormat Tuaran menyarankan agar Kementerian Pendidikan menyediakan pangkalan data terhadap sekolah yang tiada bekalan elektrik dan telefon. Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah mempunyai data tersebut. Sehingga 31 Januari 2001 sebanyak 289 sekolah menerima bekalan elektrik 24 jam daripada swasta, 36 sekolah menerima bekalan elektrik 12 jam, 36 sekolah menerima bekalan elektrik daripada tenaga suria, 496 sekolah menggunakan jana kuasa generator, 1,028 sekolah mendapat bekalan elektrik dari pihak Lembaga Elektrik Negeri bagi Sabah dan Sarawak dan 6,545 sekolah mendapat bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad.

Sebanyak 446 buah sekolah di seluruh negara tidak mendapat sebarang bekalan elektrik buat masa ini. Setakat ini sebanyak 506 buah sekolah tidak mendapat perkhidmatan telefon. Untuk makluman juga, satu pasukan petugas peringkat menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk meningkatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan pendidikan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Baru-baru ini, jawatankuasa itu telah meluluskan supaya semua sekolah dibekalkan generator set dengan kapasiti 5 kilovolt setiap satu bagi 446 sekolah yang belum ada elektrik. Dan kita tunggulah sama-sama kemajuannya yang akan dilaksanakan.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan memang menghargai sumbangan dari masyarakat untuk menyumbang wang kepada perkembangan sekolah, sebagai sekolah komuniti, jadi penduduk-penduduk di kampung Damansara selama berpuluh-puluh tahun ini sudah banyak menyumbang kepada perkembangan SRJK(C) dari wang rakyat. Kalau Yang Berhormat kata menghargai sumbangan komuniti, mengapa sekolah ini tidak dibuka semula, sebab ia memang boleh memainkan fungsi sebagai sebuah sekolah komuniti bagi penduduk-penduduk di sana yang sememangnya menghadapi masalah tidak ada sekolah SRJK(C).

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir eloklah Ahli Yang Berhormat membaca petikan dalam *Hansard* semasa saya memberi jawapan kepada soal lisan berkaitan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Damansara. Saya tidak ada lagi perkara yang boleh ditokok tambah, dalam jawapan itu terdapat sebab-sebabnya.

Profesion Perguruan - Yang Berhormat Batang Lupar telah membangkitkan terdapat guru yang bekerja sambil lewa dan hanya memberi tumpuan kepada kelas tuisyen dan mendiskriminasikan antara murid tuisyen dengan bukan tuisyennya. Jika benar dakwaan ini adalah serius mengikut Peraturan 5 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan boleh memohon untuk melibatkan diri dengan kerja sambil tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia Bil: 1/1999.

Sekiranya didapati pegawai menjadi guru tuisyen tanpa kebenaran, tindakan tatatertib boleh diambil terhadapnya, tindakan juga boleh diambil terhadap guru yang mengabaikan tugas seperti pulang lebih awal dari masa bertugas kerana urusan peribadi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Yang Berhormat Sri Aman juga meminta supaya pertukaran guru dibuat setelah tiga tahun seseorang guru bertugas di sesuatu tempat khususnya yang ditempatkan di kawasan pedalaman. Pada masa ini dasar Kementerian Pendidikan ialah seseorang guru boleh memohon pertukaran setelah bertugas selama empat tahun di sesebuah negeri. Kementerian Pendidikan berpandangan jangka waktu ini sesuai bagi seseorang guru menimba pengalaman di luar dari tempat asal mereka. Dalam kes-kes tertentu seperti masalah kesihatan, pertimbangan diberi walaupun kurang daripada tempoh tersebut.

Mengenai elaun khas untuk guru yang mengajar di kawasan pedalaman, Kementerian Pendidikan telah memberikan bayaran insentif pedalaman. Guru yang berkecukupan menerima bayaran 10% daripada gaji bulanan dan antara kriteria yang dipertimbangkan ialah lokasi sekolah yang kekurangan kemudahan asas dan kemudahan awam.

Kriteria untuk menentukan sesuatu kawasan itu dianggap pedalaman, adalah mengikut keperihalanan negeri masing-masing. Antaranya ialah kemudahan asas yang tidak sempurna seperti bekalan elektrik. Kriteria kemudahan awam yang tidak

sempurna pula ialah tiada kemudahan awam, telefon awam dan kemudahan perubatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sri Aman juga, perlantikan guru yang mengikuti PJJ ke jawatan DG3 adalah bergantung kepada kekosongan dan kelayakan. Buat masa Kementerian Pendidikan sedang menjalankan temuduga untuk perlantikan guru-guru lepasan PJJ dan dijangka berakhir pada bulan Jun 2001. Adalah diharapkan langkah ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru lepasan PJJ.

Mengenai saranan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara agar kerajaan mengiktiraf ijazah dari negara China dan Taiwan untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Cina, ingin dimaklumkan buat masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang berbuat demikian. Sebaliknya Kementerian Pendidikan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Cina dengan mengambil pelbagai langkah seperti melonggarkan syarat-syarat kepada calon-calon untuk mengikut kursus pengajian Cina di maktab perguruan.

Antaranya, ialah melonggarkan kepujian SPM daripada lima kepada empat kepujian dengan syarat mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan mata pelajaran minor. Mulai tahun 2000 kementerian telah memutuskan untuk meneruskan semula pengambilan guru-guru kontrak khusus bagi bidang-bidang pengajian Cina dan pengajian Tamil.

Usaha tersebut akan dapat menampung keperluan guru-guru bahasa Cina khususnya. Berhubung dengan elaun guru yang mengajar bahasa ibunda, usaha telah dibuat untuk menaikkan kadar elaun daripada RM20 sejam kepada RM50 sejam untuk guru bukan siswazah dan RM60 sejam untuk guru siswazah. Cadangan tersebut telah dikemukakan kepada agensi pusat dan sedang dalam pertimbangan.

Pengambilan guru daripada luar negara juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tambun yang mencadangkan mengambil guru-guru dari negara barat untuk mengajar bahasa Inggeris. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan lebih melihat dari segi jangka panjang iaitu melatih anak-anak tempatan dengan mengadakan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang yang bertujuan meningkatkan profesionalisme di kalangan guru sama ada di peringkat persijilan, diploma dan ijazah. Ini termasuklah program peningkatan kemahiran kejurulatihan bahasa Inggeris. Sejak tahun 1997 hingga 1999, seramai 70 orang pensyarah maktab perguruan dan guru sekolah menengah telah menerima latihan di peringkat sarjana.

Bagi tahun 2000, seramai 20 orang lagi telah dipilih. Di peringkat sijil, sejak tahun 1997 hingga 2000, bilangan yang dilatih ialah seramai 1,340 orang jurulatih. Kementerian juga menjalankan program berkembar dengan institusi-institusi di luar negara. Contohnya, program berkembar praperkhidmatan maktab perguruan dengan United Kingdom. Jikalau pun kementerian ingin mengambil masuk tenaga pengajar dari luar, ia akan tertumpu kepada pensyarah-pensyarah yang boleh dimanfaatkan oleh ramai bakal guru. Insya-Allah, dengan langkah yang diambil oleh kementerian, kekurangan guru dan kekurangan keupayaan guru bahasa Inggeris akan dapat diatasi dalam masa yang terdekat.

Kurikulum Persekolahan – Yang Berhormat bagi Bagan Datoh telah membangkitkan agar mata-mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah diberi penekanan dan tidak dikesampingkan. Beliau telah melahirkan kebimbangan terhadap insan yang dikeluarkan dari sistem pendidikan kita tidak seimbang dan buta sejarah. Pada masa ini, mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras di peringkat rendah dan menengah. Kedua-dua mata pelajaran tersebut juga wajib diambil oleh pelajar dalam peperiksaan SPM. Bagi mata pelajaran Sejarah, selain daripada menjadi mata pelajaran teras di peringkat menengah, ia juga wajib diambil oleh pelajar dalam PMR dan SPM.

Oleh itu, soal kesempingan mata-mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah tidak timbul. Sehubungan dengan ini juga, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa akan mengemas kini dan memperkukuhkan kandungan kurikulum mata-mata pelajaran tersebut agar lebih sesuai dengan keperluan semasa. Dari segi pendidikan agama dan akhlak, pengukuhan diberikan kepada pegangan ajaran agama berserta dengan penerapan nilai-nilai murni yang dapat membendung penularan fahaman dan amalan yang bercanggah dengan syariat kehidupan mulia.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, semakan kurikulum ini juga mengambil kira aspek yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu, lebih bersifat progresif, dinamik dan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik. Ilmu pengetahuan teori dan aplikasi dalam kehidupan dan di tempat kerja serta fleksibel mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar.

Izinkan saya pula memberi ulasan ke atas beberapa kes-kes spesifik yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat bagi Pendang. Beliau

telah membangkitkan isu beberapa orang pelajar yang telah dipilih untuk menerima anugerah cemerlang di Kuala Kedah, tetapi nama mereka ditarik balik.

Dalam hal ini, kementerian ini telah mengambil maklum, daripada siasatan yang dijalankan, perkara tersebut berlaku di Sekolah Kebangsaan Haji Ismail, Kuala Kedah dan melibatkan empat orang pelajar. Kementerian Pendidikan berpendirian, dalam soal pemberian hadiah atau anugerah kepada murid yang mencapai kecemerlangan akademik, ia perlu diberi kepada yang berhak tanpa mengira fahaman politik ibu bapa mereka. Kementerian ini menganggap, ia adalah kes terencil dan ingin saya jelaskan bahawa perkara tersebut bukanlah amalan Kementerian Pendidikan .

Yang Berhormat bagi Pendang juga telah menyentuh projek pembinaan 10 buah kolej matrikulasi baru yang dikatakan tidak menghiraukan anggaran JKR dan akhirnya jumlah kos tendernya meningkat hampir 100% kepada RM1 bilion. Ingin dimaklumkan bahawa kos projek ini ditentukan melalui rundingan terus dengan kontraktor yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan, kerana projek-projek ini perlu disudahkan dengan segera melalui kaedah *fast track* bagi menampung keperluan pelajar.

Daripada 10 buah kolej itu, 9 buah telah ditawarkan kepada Maju Holdings dan satu lagi ditawarkan kepada MRCB. Rundingan harga yang dilakukan sebenarnya berpandukan kepada anggaran JKR, bukan sebaliknya. Sebagai contoh, bagi Kolej Matrikulasi Perak, anggaran JKR ialah RM195.8 juta manakala tawaran Maju Holdings ialah RM233.3 juta. Harga yang dipersetujui oleh jawatankuasa teknikal dan Kementerian Kewangan ialah RM207.5 juta iaitu, 5.9% melebihi anggaran JK R. Bagi Kolej Matrikulasi Labuan pula, anggaran JKR ialah RM200 juta manakala tawaran oleh MRCB ialah RM247.1 juta. Harga yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan ialah RM200 juta iaitu, sama dengan anggaran JKR.

Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat bagi Pendang bahawa anggaran JKR telah diketepikan sama sekali sehinggakan kos meningkat hingga 100%. Sebenarnya pembinaan semua kolej matrikulasi adalah di bawah seliaan JKR termasuk mengadakan rundingan harga dan memperakukan kepada agensi pusat. Kos projek merupakan harga yang telah dipersetujui bersama di antara kerajaan dengan pemaju atas nasihat JKR dan Jabatan Teknikal dan dilaksanakan secara telus dan amat bertanggung jawab.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan, akan tetap diambil perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sila.

7.20 mlm.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sepang, Petaling Jaya Utara dan Bukit Mertajam yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam perbahasan. Saya amat menghargai pandangan dan cadangan tersebut dan akan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebuah jentera kerajaan yang bertanggungjawab ke atas pembangunan wanita dan keluarga, kementerian ini berperanan memberi nasihat serta mempengaruhi Dasar Pembangunan Negara supaya keperluan asas dan kepentingan strategik wanita diperdanakan.

Rancangan Malaysia Kelapan memperuntukkan strategi yang jelas bagi meningkatkan lagi peranan, kedudukan dan tanggungjawab wanita untuk menambah penyertaan dan penglibatan mereka dalam aktiviti sosial dan ekonomi negara.

Teras strategik bagi kemajuan masa hadapan wanita termasuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan dan perniagaan, menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan supaya wanita tidak ketinggalan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dan meningkatkan mobiliti ke peringkat lebih tinggi dalam pekerjaan, mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang menghalang kemajuan wanita, memperbaiki lagi taraf kesihatan wanita serta mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita.

Langkah pertama bagi melaksanakan strategi di atas telah diambil dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Aktiviti penyelidikan juga akan diperkukuh bagi menyokong langkah yang diambil.

Mengenai cadangan mewujudkan mahkamah keluarga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepang, kementerian ini sedang mengaturkan satu kajian untuk mengenal pasti pendekatan untuk menambah baik kapasiti institusi sedia ada. Ini adalah supaya kesukaran yang dihadapi dapat diatasi secepat mungkin dan dengan cara yang ekonomik. Pada masa yang sama, kesesuaian sebuah mahkamah keluarga akan juga dikaji andainya penubuhan sebuah institusi khusus adalah jalan terbaik untuk menampung keperluan keluarga.

Ahli Yang Berhormat bagi Sepang juga menyarankan supaya wanita diberi peluang pendidikan yang berterusan khususnya dalam penguasaan ICT. Saya ingin menjelaskan bahawa penekanan strategik kementerian ialah untuk memperluas *access* kumpulan sasaran kepada infrastruktur ICT untuk merapatkan jurang digital antara jantina (*gender digital divide*). Kementerian kini sedang merancang program untuk mencapai objektif ini. Untuk memastikan tidak berlaku pertindihan, kementerian akan menyelaraskan usaha ini dengan lain-lain agensi kerajaan .

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan waktu kerja anjal bagi pekerja wanita, kerajaan telah meminda Akta Kerja 1955 pada tahun 1998. Antara lain, untuk memperluas amalan kerja separuh masa. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, amalan kerja baru seperti tele-kerja dan perkongsian kerja akan dimajukan. Selain membuka peluang lebih luas untuk wanita memasuki pekerjaan bergaji melalui usaha ini, wanita akan dapat meningkatkan sumbangan dalam pembangunan negara.

Penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di kawasan perindustrian adalah digalakkan oleh kerajaan. Insentif cukai telah disediakan kepada para majikan untuk maksud ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Kementerian akan mengkaji pendekatan selanjutnya bagi memajukan lagi usaha penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di kawasan perindustrian. Mengenai saranan supaya isu-isu kesaksamaan *gender* dimasukkan dalam kurikulum daripada peringkat sekolah rendah, kementerian telah pun memastikan bahawa bahan bacaan yang mencerminkan wanita dalam imej yang *stereotype* (*gender stereotyping*)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:tidak digunakan di sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau bangun.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Peringatan akan dikeluarkan kepada penerbit dan penulis mengenai perkara ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan ke atas beberapa soalan yang telah dibangkitkan tadi.

Saya amat tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai waktu anjal bekerja yang mana telah diluluskan pada tahun 1998. Apabila peruntukan ini diluluskan, ia memberikan satu sinar baru kepada wanita kerana bukan sahaja kita bekerja di pejabat tetapi kita boleh mengadakan pejabat di rumah, itu sebahagian daripada idea di mana pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan di mana sistem kerja anjal dan juga jabatan-jabatan di dalam kita membincangkan sistem anjal itu dapat memberikan kontrak-kontrak kerja kepada wanita.

Tetapi Yang Berhormat Dato', apabila kita melihat daripada tahun 1998 sehingga ke hari ini, daripada segi pelaksanaannya, kita tidak dapat melihat satu pelaksanaan yang ketara. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' dalam soal ini, apakah perancangan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kita untuk mempromosikan peruntukan yang telah pun sedia ada ini supaya dapat dilaksanakan dengan lebih meluas dan dapat dimanfaatkan oleh wanita. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab di dalam pembangunan wanita, kerajaan telah pun mengadakan dan menggubal beberapa undang-undang untuk apa yang dikatakan dengan izin, *empowerment of woman*, memperkasakan wanita. Jadi, tanggungjawab kerajaan telah pun dijalankan. Selepas itu adalah menjadi tanggungjawab masyarakat sama ada majikan ataupun wanita itu sendiri untuk mengambil peluang-peluang yang telah diberi atau dibuka jalan oleh kerajaan sendiri.

Jadi, saya faham apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dan kementerian akan menjalankan program-program bagi memperbaiki prestasi kerja-kerja masa anjal ini. Namun begitu, saya ingin mengajak kita wanita, majikan dan lain-lain supaya mengambil kesempatan di dalam program-program seperti ini. Sebab saya nampak Yang Berhormat, di dalam alaf baru ini, kita wanita mesti mengorak langkah.

Kerajaan yang bertanggungjawab memberi laluan atau sinaran seperti mana Yang Berhormat kata tadi. Masanya telah berlalu di mana wanita kita duduk berpeluk tubuh, takut kepada kaum bapa, takut kepada semua, tidak berani untuk menghadapi cabaran alaf ini. Jadi, saya hendak minta kepada para wanita bahawa di Malaysia ini, kerajaan, kaum bapa dan masyarakat pada umumnya terdiri daripada mereka yang minat untuk memperkasakan wanita. Jadi, kita wanita, dengan izin, *we have to take advantage of the situation*.

Namun begitu Yang Berhormat, kita di kementerian, insya-Allah kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menentukan bahawa perkara ini diberi perhatian.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ok.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita wanita selalu mengatakan bahawa kita hendak satu *gender equality*. *Gender equality*, ia bermaksud juga di dalam semua bidang termasuk dalam menguruskan rumahtangga. Jadi, saya ingin memohon supaya yang kerja anjal ini bukan sahaja disasarkan kepada wanita sahaja, ia perlu dan mesti untuk keadilan kepada kaum bapa. Mereka juga berhak untuk bekerja mengikut masa anjal dan polisi ini mesti diterangkan supaya kaum lelaki atau kaum bapa juga boleh bekerja dari rumah dan semasa menjaga rumahtangga mereka, itu yang pertama.

Yang keduanya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Arau bahawa sudah berkata-kata banyak tahun dah mengenai pusat penjagaan kanak-kanak. Sudah berapa tahun – saya rasa sejak Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh sudah mula mengatakan bahawa pihak majikan akan digalakkan untuk menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak tetapi sampai hari ini penggalakan ini tidak berjaya kerana tidak banyak majikan yang menyediakan.

Maka, saya rasa kita perlu mengadakan tindakan yang lebih konkrit sama ada kita mengadakan undang-undang memaksa mereka menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak ataupun kita mengadakan satu sistem untuk mereka membayar levi – seorang pekerja lelaki atau wanita, mereka mesti membayar berapa levi dan ambil duit ini untuk menyediakan pusat penjagaan kerana ini merupakan

satu kemudahan yang sangat penting untuk menggalakkan wanita untuk bekerja, khasnya mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah.

Maka, saya harap kalau kita tidak boleh menyediakan banyak pusat penjagaan kanak-kanak, kita mesti menyediakan untuk mereka yang termiskin. Kanak-kanak yang datang daripada keluarga yang termiskin. Mereka berhak untuk mendapat perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak yang disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat memang menyokong penuh hasrat kerajaan. Terima kasih kerana itulah hasrat kerajaan. Sebenarnya, saya nampak bahawa pihak swasta ini Yang Berhormat, mereka ini yang nampak susah sangat untuk mendukung cita-cita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi, saya, insya-Allah, melalui satu jawatankuasa teknikal bersama Bahagian Wanita MTUC, kita telah pun mengadakan mesyuarat yang pertama dan malah pada minggu hadapan kita akan menyusuli dengan mesyuarat dengan majikan-majikan yang tertentu dan melalui kementerian yang baru ini, saya harap bahawa ada peningkatan di dalam aspek penjagaan kanak-kanak ini, insya-Allah.

Bagi masa anjal untuk kaum bapa, pihak kementerian, dengan izin, *no problem*, kalau itulah apa yang dikehendaki oleh kaum bapa, kita tidak ada masalah langsung ya, insya-Allah.

Jadi, pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam supaya akta dan undang-undang yang ada kaitan dengan isu mendiskriminasikan wanita dipinda, suka saya nyatakan bahawa kementerian sedang mengkaji perkara tersebut. Kementerian akan mengaudit akta dan undang-undang yang mendiskriminasikan wanita dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Mengenai saranan supaya konsep *gender budgeting*, dengan izin, diambil kira dalam merancang program dan aktiviti agensi kerajaan, perkara tersebut sememangnya menjadi satu perkara utama yang diberi perhatian oleh kementerian ini. Kementerian akan bekerjasama dengan agensi pelaksana bagi memastikan program kerajaan mengambil kira keperluan-keperluan wanita yang sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, usaha-usaha telahpun diadakan oleh kementerian untuk meningkatkan kepekaan semua golongan terhadap peranan penting wanita dalam pembangunan negara. Pelaksanaan program *gender centralization*, dengan izin akan dipergiatkan lagi dengan melibatkan kumpulan sasaran yang lebih luas.

Mengenai pelaksanaan 30% pelantikan jawatan di pelbagai peringkat dan sektor untuk wanita, perkara ini akan dikaji baik dari segi kesesuaian serta pendekatan untuk melaksanakannya. Kementerian akan mengambil iktibar pengalaman program-program lain dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya yang telah menyentuh perkara yang dibawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga semasa perbahasan. Semua saranan dan pandangan Yang Berhormat akan diberi perhatian oleh kementerian dan diambil tindakan susulan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Jabatan Perdana Menteri, dipersilakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

7.32 mlm.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan ini banyak pandangan, teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-berskala terima kasih di atas pandangan, perhatian dan sokongan yang telah diberikan dan saya percaya ia amat penting kepada kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha meletakkan negara di atas landasan pembangunan yang lebih kukuh dalam merealisasikan dasar wawasan negara dan mencapai aspirasi wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab beberapa isu dan persoalan dasar berkaitan dengan strategi Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan melainkan perkara-perkara dan isu-isu yang telah ditimbulkan dan diperjelaskan semasa menteri-menteri menggulung perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan pelaburan swasta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, sebanyak 19% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan bukanlah terlalu optimistik bagi tempoh 1983-1987, pelaburan swasta telah berkembang sebanyak 19.2% setahun, sebanyak 19.8% bagi tempoh 1991-1995 dan 17.3% bagi tempoh 1996-1997, pelaburan swasta jatuh sebanyak 55.2% pada tahun 1998 dan sebanyak 21.8% pada tahun 1999 semata-mata kerana krisis kewangan. Kadar 19% boleh dicapai jika tidak ada apa-apa yang menimbulkan kekacauan, demonstrasi, keganasan dan kestabilan politik.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong menjelaskan bahawa deposit akaun semasa imbalan pembayaran boleh dikurangkan jika kita mengambil langkah meningkatkan daya saing firma tempatan. Saya harap jika Yang Berhormat bagi Kepong ada cadangan-cadangan yang tertentu yang boleh menguntungkan, tidak merugikan negara, saya bersedia untuk menerimanya.

Ahli Yang Berhormat bagi Pendang menggesa supaya satu analisis secara lebih berani dan terbuka dibuat dan dipelajari secara ilmiah dan berdasarkan maklumat bahawa krisis ekonomi 1998, perlu pertama-tama dihadamkan oleh pemimpin negara ini. Sebenarnya saya berpendapat Ahli Yang Berhormat yang perlu berbuat demikian.

Dunia sekarang mengakui tindakan dan pendekatan oleh Malaysia adalah bijak. Lebih berkesan daripada yang disyorkan oleh IMF dan IMF sendiri mengakui bahawa pendekatan yang diambilnya itu tidak berkesan untuk membantu pemulihan ekonomi seperti yang ada di Malaysia dan di negara-negara lain di rantau ini. Sebab itu kepimpinan IMF sendiri terpaksa ditukar, namun saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat akan mengakui kejayaan Barisan Nasional dalam apa bidang sekali pun. Saya harap Ahli Yang Berhormat menunjukkan bukti yang menjadi asas kepada tegurannya.

Bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengenai Indeks Harga Pengguna. Saya ingin menjelaskan bahawa inflasi di Malaysia adalah yang terendah di Asia Timur. Di Indonesia, inflasi meningkat dengan amat tinggi sehingga 58.5%, di Filipina 9.8%, dan di Thailand pula sebanyak 8.1%, Malaysia bagi tempoh 1996 hingga 2000 hanya 3.1% setahun.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis menyentuh berkenaan imbalan antara peruntukan mengurus dan pembangunan. Memang pandangan Yang Berhormat itu

membuktikan bahawa apabila kita sudah sampai kita terus meningkat maju dan banyak infrastruktur pembangunan telahpun dilaksanakan. Peruntukan untuk mengurus semakin bertambah tinggi kerana kita memerlukan, memberi perkhidmatan dan juga memberi kelengkapan-kelengkapan untuk kebaikan dan keperluan rakyat. Tetapi bagi pembangunan, jika sekiranya infrastruktur telah banyak dijalankan dan tidak ada lagi yang banyak yang hendak dilaksanakan maka tentulah peruntukan bagi pembangunan itu semakin berkurangan. Ini lazimnya berlaku dan telahpun berlaku di negara kita ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Baram, strategi membasmi kemiskinan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan akan lebih dijuruskan kepada golongan yang termiskin di mana sahaja. Ahli Yang Berhormat bagi Kepong pula perlu sedar bahawa program pembasmian kemiskinan selama ini adalah sama dan akan terus dilaksanakan tanpa mengira kaum, wilayah atau fahaman politik, yang miskin perlu dan akan dibantu.

Perlu saya mengingatkan di sini bahawa pendekatan kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan bukanlah semata-mata berasaskan kepada aspek kebendaan sahaja, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Besut. Program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan mengandungi tiga komponen penting iaitu projek-projek yang menambah pendapatan, projek-projek penyediaan kemudahan asas dan program pembangunan manusia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, usaha-usaha membasmi kemiskinan adalah diselaraskan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang berperanan sebagai pusat fokal dalam melaksanakan dan memantau program-program pembasmian kemiskinan untuk kawasan luar bandar dan bandar. Saya telah

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong berdiri, Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: ..mengikuti penggulungan perbahasan yang telah dibuat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar dan juga soalan-soalan yang telah ditimbulkan, penjelasan-penjelasan yang diminta dan keterangan-keterangan yang diberikan. Saya tidak bercadang untuk mengulangi

lagi apa yang telahpun dibahaskan dan diperjelaskan semasa penggulungan bagi Kementerian Luar Bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong berdiri, Yang Amat Berhormat. Kepong ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat mengenai usaha yang akan diteruskan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum itu memang satu konsep yang baik. Saya hendak meminta penjelasan mengenai keperluan kita untuk membayangkan keadaan yang sebenar. Cara-cara yang lama memang diperlukan untuk perbandingan dan sebagainya. Tetapi dengan perkembangan semasa sekarang terutamanya dengan digital, dengan keekonomi dan sebagainya. Walaupun pihak kerajaan sudah berusaha, kita semualah mesti berusaha untuk mengelakkan jurang kerana digital dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan? Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu ya, boleh faham sudah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukankah ini lebih baik kalau kita adakan kriteria-kriteria yang lama, kemudian kita bandingkan dengan kriteria-kriteria yang baru termasuklah kriteria untuk digital, untuk ICT dan sebagainya. Kerana walaupun kita berusaha mesti ada jurang. Kita boleh rapatkan jurang itu tetapi kalau kita adakan kriteria yang baru juga, kita boleh tengok macam mana perbezaan dan sebagainya. Ini lebih baik, saya akan tekankan. Saya berpendapat kerajaan pada masa hadapan walaupun sekarang tidak mengambil kira, pada masa depan akan mengambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu satu pendapat yang salah. Kalau Yang Berhormat halusi buku Rancangan Malaysia Kelapan, Yang Berhormat akan dapati bahawa pendekatan-pendekatan yang lebih daripada apa Yang Berhormat sebutkan tadi telahpun diperjelaskan dalam buku yang berkenaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perangkaan kadar kemiskinan, nampaknya Ahli Yang Berhormat bagi Kepong terkeliru dengan angka 0.5% dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh. Angka 0.5% yang juga terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Ketujuh sebenarnya menyentuh mengenai sasaran mengurangkan kadar ketermiskinan atau *hard core poverty*, dengan izin, kepada 0.5% menjelang tahun 2000.

Manakala dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula menyentuh mengenai pengurangan kadar kemiskinan *general poverty*, dengan izin, kepada 0.5% menjelang tahun 2005. Ini adalah dua jenis perangkaan yang berbeza bagi dua konsep kemiskinan untuk dua tempoh yang berlainan. Itu sebab saya kata Yang Berhormat perlu halusi apa yang ditulis dalam buku Rancangan Malaysia Kelapan.

Saya masih hairan kenapa masih ramai Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang yang enggan menerima hakikat bahawa kadar kemiskinan telah berkurangan. Kita tidak buat cara agak-agak tetapi melalui banciaan yang berasaskan kepada fakta. Jika tidak kerana penyangak mata wang, matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh tetap tercapai. Namun, kemiskinan berkurangan daripada 8.7% pada tahun 1990 kepada 6.1% pada tahun 1997. Tetapi meningkat balik kepada 7.5% pada tahun 1999, walaupun begitu angkanya masih kurang daripada angka yang terdapat pada tahun 1990.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Walaupun kadarnya menunjukkan rendah tetapi ada isi rumah yang di bawah kemiskinan ialah 34,400 yang dikatakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kalau kita mengatakan ada lima atau enam orang dalam satu isi rumah, mungkin ada lebih satu juta orang yang di bawah dan saya rasa kebanyakan mereka ini adalah bumiputera yang di luar bandar dan juga di kawasan pedalaman dan saya rasa ini merupakan dan kalau kita melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah panjang Yang Berhormat, terus persoalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Kita melihat ekuiti yang dicapai oleh kaum bumiputera ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan perbincangan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dan kita membandingkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah faham lah itu.

Puan Chong Eng: Saya harap akan *[Disampuk]* sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah panjanglah Yang Berhormat, soalan.

Puan Chong Eng: Tidak, saya hanya hendak buat perbandingan, apakah yang dicapai....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita tahulah, kita tahu. Terus Yang Berhormat, terus Yang Berhormat, persoalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apa yang dicapai dalam ekuiti bumiputera dan apakah yang kita capai dalam penurunan kemiskinan. Saya rasa yang lebih penting, kita membasmikan kemiskinan terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Berbanding dengan ekuiti 30%. Kalau boleh saya rasa lebih baik kita mencapai kedua-duanya tetapi kepentingan ataupun *priority* mesti diberi untuk membasmikan kemiskinan khasnya mereka di golongan luar bandar dan bumiputera. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, ini bukan berdebat.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebenarnya itulah yang kita laksanakan selama ini dan angka yang diberikan itu memang angka yang betul, 34,000 tetapi kita mahu pastikan supaya mereka yang termiskin, *the hardcore poverty*. Kita harap bila sampai pada tahun 2005 tidak ada lagi golongan yang termiskin. Itulah angka yang telah pun dikenal pasti dalam perancangan kita. Adalah menjadi harapan kita supaya secara umumnya langkah-langkah bagi mengurangkan kadar kemiskinan akan diteruskan dan saya ingin memperkatakan dengan izin, *we will not full ourselves for this issue*.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada angka di sini, minta penjelasan sebab Yang Amat Berhormat sudah merujuk kepada angka ini dan saya ambillah angka ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, baca angka sahajalah. Jangan pusing-pusing.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, baca Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat, kita sama-sama hendak mengurangkan dan di sini Yang Amat Berhormat kita dapati misalnya di dalam bandar, pada tahun 1995 misalnya disebut di sini ialah 83.8% di sini kemudian pada tahun 1999, di dalam bandar isi rumah itu sudah bertambah daripada 283.8 kepada 351.1 jadi ini bertambah, ini di dalam bandar dan termiskin pun bukan kurang begitu banyak. Ada kurang sedikit, daripada 20.1 kepada 64.1., jadi yang penting sekali, isi rumah sudah bertambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya, bagaimana dengan angka yang terdapat di dalam buku ini, kita dapat kurangkan tanpa mengira faktor-faktor yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang Berhormat pilih kawasan-kawasan yang tertentu. Kita bicara tadi angka pencapaian secara umum bagi seluruh negara. Saya mengakui ada di mana-mana pun dengan izin, *pockets of poverty* dan di kawasan-kawasan inilah di mana kita akan memberi perhatian yang lebih serius dan usaha-usaha yang lebih berkesan supaya nanti dengan pendekatan yang kita ambil, tidak ada lagi lubuk-lubuk kemiskinan di mana pun sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan tentang kadar kemiskinan negeri Sabah yang tinggi kerana menurut beliau, perangkaan ini juga merangkumi bukan warganegara yang terdapat di Sabah. Ini adalah tidak benar sama sekali. Kadar kemiskinan di negeri Sabah yang berkurangan daripada 22.4% pada tahun 1995 kepada 20.1% pada tahun 1999 adalah merujuk kepada warganegara sahaja. Jika bukan warganegara diambil kira, kadar kemiskinan di negeri Sabah adalah 26.2% pada tahun 1995 dan 25% pada tahun 1999.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sumber maklumat mengenai angka pemilikan ekuiti modal saham yang dinyatakan dalam dokumen

Rancangan Malaysia Kelapan adalah berasaskan kepada rekod yang terdapat di Pejabat Pendaftaran Syarikat (ROC). Maklumat berkenaan dikemukakan oleh syarikat kepada Pejabat ROC selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965. Untuk masyarakat India, kerajaan juga telah menetapkan sasaran pemilikan ekuiti sebanyak 3% menjelang tahun 2010. Kajian terperinci mengenai perkara ini sedang dijalankan dan sebarang usaha ke arah pencapaian matlamat ini akan memberi manfaat kepada komuniti India umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan sumber pengalaman dan kepakaran bumiputera yang terhad serta pertumbuhan pemilikan ekuiti bumiputera yang lebih perlahan berbanding dengan kadar pertumbuhan pemilikan ekuiti asing merupakan antara sebab mengapa peratusan pemilikan ekuiti bumiputera berkurangan. Kadar ini berlaku kerana bumiputera rata-rata masih baru dalam membina dunia perniagaan dan kurang mempunyai pengalaman dalam pengurusan syarikat terutamanya dalam menghadapi kemelesetan ekonomi. Oleh itu Rancangan Malaysia Kelapan akan meneruskan usaha ke arah meperlengkapkan bumiputera supaya mampu bersaing dan berupaya mengambil peluang yang wujud sepenuhnya dan seterusnya meningkatkan pemilikan dan penyertaan mereka dalam ekonomi negara.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman, dalam usaha membantu bumiputera untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, Rancangan Malaysia Kelapan juga memberi perhatian yang sama kepada keperluan masyarakat minoriti bumiputera yang lain termasuk Dayak yang masih ketinggalan dan memerlukan bantuan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, kegagalan pencapaian matlamat pemilikan ekuiti bumiputera bukanlah disebabkan oleh penyelewengan amalan pilih kasih, kronisme, *bailout* sebagaimana yang ditohmahkan. Sebenarnya lebih 7 juta bumiputera memiliki saham dalam syarikat yang tersenarai. Jika tidak ada seorang pun bumiputera dalam bidang korporat, maka Dasar Ekonomi Baru tidak boleh berjaya. Sebenarnya adalah Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang juga semua rakyat sebenarnya telah pun juga mendapat peluang dan berjaya dalam hal-hal yang tertentu, dalam bidang-bidang tertentu kerana dasar kerajaan Barisan Nasional yang telah dilaksanakan.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru ini tidak pernah merampas peluang ataupun kekayaan bukan bumiputera dan diberikan kepada bumiputera. Saya hendak dapat komen Yang Amat Berhormat bagaimana dengan berlakunya 500 pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang di dalam SPM tetapi tidak dapat satu tempat di dalam universiti. Walaupun ia tidak merampas peluang ini, tetapi mereka dihalang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Puan Chong Eng: Mereka tidak diberi peluang yang sama. Jadi, walaupun saya mengalu-alukan Yang Amat Berhormat mengadakan perjumpaan dan mengadakan jamuan makan dengan mereka pelajar-pelajar yang cemerlang tetapi saya rasa kalau boleh lebih baik selepas mereka diberi jamuan itu, mereka juga ditawarkan satu tempat di dalam universiti..... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apakah penjelasan Yang Amat Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri hari Rabu yang lalu dan pihak Jemaah Menteri berpendapat bahawa adalah penting seramai mungkin pelajar-pelajar yang berkelulusan tinggi itu mendapat tempat di universiti tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan bahawa semua bumiputera yang berjaya adalah kroni kerajaan mula dibuat oleh orang-orang asing yang kecewa kerana mereka tidak dapat peluang. Parti pembangkang hanya menyambut tuduhan ini untuk kepentingan mereka. Jika sesiapa sahaja mendapat peluang dituduh kroni kerajaan maka tidak akan ada bumiputera yang diberi peluang. Dengan itu DEB akan gagal dan tidak akan terdapat bumiputera sama sekali di bidang korporat. Kerajaan mahu....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Nanti dahulu. Kerajaan mahu supaya pelaksanaan DEB memberi peluang-peluang yang terus meningkat mutunya kepada bumiputera supaya bertambah ramai, bertambah besar golongan peniaga dan pengusaha bumiputera.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau, PNB sebagai agensi induk yang menguruskan pelaburan skim-skim saham amanah seperti Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan sebagainya....

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Amat Berhormat, soalan tambahan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:sememangnya berusaha memastikan pelaburan mereka tidak bercanggah dengan syariah Islam. Boleh saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia habiskan dahulu.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Oleh yang demikian, pelaburan dalam syarikat-syarikat yang tidak selaras dengan syariah Islam seperti syarikat yang berasaskan judi dan arak tidak dilaksanakan. Perkembangan pesat pasaran modal dan produk-produk pelaburan yang berasaskan syariah Islam telah membuka peluang pelaburan yang besar kepada PNB. Pelabur beragama Islam tidak harus berasa waswas. Ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat mengatakan tidak ada diskriminasi dan sebagainya tetapi ditimbulkan di sini iaitu misalnya hospital baru yang dibina di Sabah dan Sarawak, hampir ke semua kontraktor utamanya diberi kepada UEM. Takkanlah syarikat itu sahaja boleh buat hospital sehingga anak Sabah, Sarawak tidak tahu langsung untuk mengambil kontrak itu. Jadi, kenapa semua projek itu dilonggokkan kepada UEM. Ini yang dikata ada pilih kasih itu pembinaan hospital di Sabah dan Sarawak.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebenarnya pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak bukan setakat hospital sahaja, banyak lagi projek yang macam-macam yang dilaksanakan dan saya tahu banyak syarikat anak Sabah yang telah pun diberi peluang-peluang untuk menjayakan projek-projek infrastruktur dan juga pembinaan projek-projek tertentu sama ada yang diusahakan dan dirancang oleh Kerajaan Persekutuan ataupun dirancang oleh kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya hendak tanya mengenai peluang ataupun *participation* bumiputera dalam mendapat kekayaan ataupun pengagihan kekayaan negara ini, kebanyakan bumiputera mengambil peluang ini melalui pembelian amanah-amanah saham seperti Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Johor, Amanah Saham Darul Iman dan berbagai-bagai amanah saham lagi tetapi apa yang berlaku pada hari ini ialah kebanyakan daripada pelaburan-pelaburan mereka yang ada pada hari ini telah susut begitu buruk sekali. Contohnya, Amanah Saham Johor, kalau dahulu dia melabur RM1.00 tetapi hari ini RM1.00 yang dilabur itu sekarang ini bernilai dalam 45 sen ataupun 40 sen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Jadi, ini menunjukkan bahawa *participation* bumiputera yang terbanyak di dalam mendapat kekayaan negara ini adalah satu perkara yang gagal dilaksanakan oleh kerajaan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya harap Yang Berhormat tidak ambil satu contoh dan membuat andaian bagi seluruh negara. Itu tak kena. *That is not the right conclusion...*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Pasal ini melibatkan....

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tahu juga, ada juga amanah-amanah saham yang dijalankan oleh negeri yang juga bermasalah. Bukan kita tidak memahami dan pihak Kerajaan Pusat telah pun memperingatkan kerajaan-kerajaan negeri yang ada amanah-amanah sahamnya supaya memperbaiki dan memastikan jangan nanti sampai menghadapi kerugian kerana ia melibatkan juga peserta-peserta, penyerta-penyerta ekuiti di kalangan rakyat di negeri-negeri mereka masing-masing tetapi bagi yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan yang

berkaitan dengan amanah saham pada peringkat PNB dan lain-lain amanah saham yang begitu banyak, kita sebenarnya mencapai kejayaan yang kita kira membanggakan. Kita harap kita dapat mencapai kejayaan yang lebih besar tetapi oleh sebab ia bergantung kepada banyak perkara dan kemelesetan ekonomi, kegawatan ekonomi kerana masalah krisis mata wang, maka itu pun menjejaskan sedikit. Walau bagaimanapun, daripada segi pencapaian seluruhnya, kita menganggap amanah saham yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat untuk seluruh negara adalah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong menuduh kerajaan mengamalkan diskriminasi terhadap bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam. Kurangnya bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam disebabkan kurangnya minat mereka yang layak menyertainya. Namun, dalam bidang profesional, peratus mereka adalah lebih tinggi tetapi ramai yang kemudiannya meninggalkan kerajaan untuk menyertai swasta. Sebenarnya masalah ini adalah dipandang berat oleh kerajaan dan Jemaah Menteri telah beberapa kali membincangkan perkara ini untuk mencari pendekatan-pendekatan, bagaimanakah penyertaan bukan bumiputera dalam perkhidmatan kerajaan dapat dipertingkatkan dan kementerian-kementerian termasuk JPA juga telah diarahkan supaya berbincang mengenai perkara ini supaya masalah ini dapat diatasi.

Beberapa orang ahli Dewan telah membahaskan isu mengenai pembangunan...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong berdiri ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya ingin Yang Amat Berhormat memberi satu keyakinan kepada orang-orang bukan bumiputera yang ingin menyertai perkhidmatan awam bahawa dengan memberi peluang perlantikan orang-orang bukan bumiputera, perkara ini diutarakan juga oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman bahawa orang-orang bukan bumiputera dan bukan Melayu boleh dilantik untuk memegang jawatan yang dikirakan penting dalam pentadbiran awam supaya menggambarkan bahawa memanglah kerajaan betul-betul hendak membetulkan apa yang wujud dan memberi keyakinan bahawa orang-orang bukan bumiputera pun dapat layanan ataupun dapat peluang untuk naik pangkat dalam perkhidmatan awam. Jika ini boleh dilakukan oleh

kerajaan, saya rasa ini akan memberikan satu keyakinan kepada mereka yang ingin, bukan mereka tidak ingin menyertai perkhidmatan awam *by choice* tetapi nampaknya kalau peluang-peluang telah disekat, memanglah ini tidak akan memberi satu galakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tidak dapat menerima andaian Ahli Yang Berhormat mengatakan peluang-peluang disekat tetapi yang saya ingin memberi jaminan bahawa kita akan meramaikan lagi yang bukan bumiputera memegang jawatan-jawatan besar dalam perkhidmatan awam.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membahaskan isu mengenai pembangunan masyarakat perdagangan....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, sekejap. Ya Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya hendak bertanya sedikit tentang Yang Berhormat bagi Tanjong ini, cuba konon memberi satu gambaran yang kerajaan mendiskriminasikan, ini satu gambaran yang nakal, yang di belakang itu boleh kata jahat. Dapatkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan sentiasa memberi keadilan kepada semua dan mana yang ada, peluang diberi kepada juga bukan Melayu dalam perkhidmatan awam tetapi masalahnya kurang minat orang bukan bumiputera untuk menyertai perkhidmatan awam ini. Sepatutnya pembangkang kalau benar-benar dia mahu membela orang Tionghua, beri nasihat kepada mereka, bukan cuba menanggung di air yang keruh membuat gambaran yang bukan-bukan. Saya minta pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya telah menjelaskan semasa kenyataan peringkat awal tadi berkenaan dengan tajuk ini bahawa adanya kurang keinginan dan kurang minat untuk menyertai perkhidmatan awam. Adalah juga menjadi satu perkara yang sekarang ini diberi perhatian oleh kerajaan untuk meramaikan bilangan bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam. Itu saya telah jelaskan. Saya tak perlu mengulangi dan menjelaskan lagi apa yang saya telah jelaskan.

Tuan Chow Kon Yeow: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya cukuplah. Tanjong cukuplah dia jawab.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jangan yang sama!

Puan Chong Eng: Ya, tajuk yang sama. Apa yang dikatakan gambaran yang nakal itu tidak betul. Kita beri contoh di dalam universiti. Di dalam pusat seni harus USM, pada dulu ada dua orang pensyarah Cina, selepas satu orang ditamatkan pengajarannya ataupun bersara, beliau diganti oleh bumiputera. Seorang lagi bersara digantikan oleh bumiputera dan sebelum mereka bersara, murid-murid mereka telah naik pangkat mendahului mereka. Bagaimana orang bukan bumiputera hendak berkhidmat di dalam sektor awam seperti ini. Ada seorang timbalan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah contoh, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini adalah penting kerana kita sama-sama menghadapi realiti dan jangan mengadakan satu sangkaan yang salah faham. Ini memang realitinya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:ramai yang tidak mahu bukan by choice, kerana mereka diberi layanan yang tidak saksama. Saya harap kalau betul-betul hendak mencerminkan komposisi penduduk di dalam negara ini, ini diperbetulkan dan jangan selalunya menafikan apa yang dikatakan oleh pembangkang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng: Kami memang menyokong..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, faham tu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:polisi untuk mencerminkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah panjang-panjang...

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya faham. Ahli Yang Berhormat telah mengambil satu contoh yang cukup spesifik yang berlaku di universiti. Sepatutnya apabila itu berlaku, kalau tempat hendak ditanya dan disoal diminta supaya perkara ini dapat diperbetulkan adalah universiti sendiri, bukan

sampai membawa perkara ini ke tempat dalam sidang Parlimen ini. Kita bincang tentang fakta, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan strategi, berkaitan dengan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang kita telah ambil.

Mungkin berlaku sesuatu di sana sini tetapi kita tidak boleh membuat andaian bahawa kerana adanya peristiwa seperti itu maka terus kita menganggap adanya fakta-fakta seperti yang tadi Yang Berhormat kaitkan, yang ada hubung kait dengan diskriminasi asas perkauman. Itu tidak semestinya berlaku begitu tetapi *this is an isolated case*, dengan izin. Saya tidak dapat menjadikan itu sebagai satu contoh yang melambangkan situasi seluruh negara kita ini ataupun yang melambangkan sikap kerajaan kita terhadap isu yang dibangkitkan, yang dipersoalkan pada waktu ini.

Tang mana dah ni....minta maaf.

Ahli Yang Berhormat bagi Pendang telah mencadangkan supaya ditubuhkan majlis perundingan perpaduan nasional bagi memantau, menyelidik dan membuat perakuan kepada kerajaan atas isu-isu perpaduan nasional. Kerajaan telah menubuhkan banyak majlis perundingan termasuk Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua, tetapi biasanya yang menjadi masalah ialah parti-parti pembangkang tidak mahu menyertainya. Apabila politik parti diutamakan, maka yang menjadi masalah ialah rundingan-rundingan misalnya rundingan perpaduan tidak dapat diadakan dan jauh sekali dapat mendatangkan apa-apa hasil yang diharapkan. Inilah yang menjadi masalah kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan Baling ingin mendapat penjelasan sama ada dasar dan strategi digubalkan dan program disediakan bagi menangani masalah sosial khususnya di kalangan belia, penuntut dan *adolescent* ingin saya jelaskan bahawa Rancangan Malaysia Kelapan memberi penekanan tentang cabaran-cabaran yang sedang dan akan dihadapi oleh masyarakat khususnya kaum belia berikutan globalisasi dan pembangunan pesat.

Kerajaan memandang bahawa tenaga muda adalah satu asset bagi negara kita dan perlu dibangunkan dengan sebaik-baiknya supaya peranan mereka akan memberi banyak faedah kepada pembangunan negara kita sekarang dan masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Projek Monitoring System (PMS II) yang merupakan satu daripada lima projek perintis di bawah aplikasi perdana kerajaan elektronik akan membawa

penambahbaikan dalam proses kerja pemantauan projek-projek pembangunan. Sistem ini mampu mengesan dan memantau aliran peruntukan kewangan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan lebih efektif lagi dan pemantauan ini ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri dan kita akan berusaha memastikan bahawa pemantauan itu berkesan dengan menggunakan sistem yang ada pada waktu ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebelum projek yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, adanya unit implementasi dan koordinasi di dalam Jabatan Perdana Menteri dan unit itu tidak begitu berkesan dan apakah jaminan Yang Amat Berhormat dengan cara yang baru ini kita boleh berkesan lagi.

Saya pun percaya, Yang Amat Berhormat boleh memastikan tidak akan berlakunya di dalam projek-projek ini kecurangan, penyelewengan dan sebagainya. Saya sebutkan hal ini kerana, Yang Amat Berhormat, dalam beberapa tahun ini kita nampaknya projek-projek yang dilaksanakan sama ada melalui *turnkey*, *open tender*, *close tender*, kadangkala menyebabkan perbelanjaan terlalu tinggi dan masa yang disiapkan pun tidak dipatuhi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu misalan. Tak payah kita....bangunan ibu pejabat MATRADE, satu misalan yang cukup je las.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Soalan yang keluar yang pertama tadilah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa perkara-perkara seperti penyelewengan ataupun kelewatan ataupun ongkos yang terlalu tinggi untuk projek-projek kerajaan?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana yang saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawasanya kerja-kerja bagi pemantauan koordinasi, *valuation* semua akan dipertingkatkan. Ini menjadi satu strategi yang telah pun dikenal pasti semasa perbincangan bagi menyediakan Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dibuat di Jabatan Perdana Menteri dan adalah menjadi harapan kita bahawa kerja

pemantauan itu diperbaiki lagi. Bukanlah kerja pemantauan itu sekarang ini tidak baik tetapi digunakan pendekatan-pendekatan yang lebih baik supaya ia lebih berkesan untuk memantau dan menjamin keberkesanan pelaksanaan strategi-strategi dan program-program Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, kerajaan memang sedar akan keperluan mempelbagaikan eksport negara dan sebagaimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan selain daripada *electronic dan electrical goods* ini, eksport utama kita ialah keluaran kimia, keluaran petroleum, pembuatan logam serta tekstil dan pakaian. Destinasi pasaran kita pula telah diperluaskan ke pasaran baru di Australia dan Republik Rakyat China. Usaha meningkatkan penggunaan teknologi tinggi sememangnya telah dijadikan sebagai salah satu teras dasar pembangunan perindustrian dan Rancangan Malaysia Kelapan.

Berhubung dengan peruntukan kecil yang disediakan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga, ingin saya jelaskan bahawa peruntukan yang disediakan itu adalah sumbangan pihak kerajaan sahaja dalam usaha R&D dan tidak melibatkan perbelanjaan R&D pihak swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan R&D oleh sektor awam ialah RM755 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada Rancangan Malaysia Kelapan angkanya naik kepada RM1 bilion. Tetapi jika diambil kesemuanya, sektor swasta dan sektor awam, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dulu, wang yang telah dibelanjakan untuk tujuan R&D ialah sebanyak RM1 bilion dan yang kita anggarkan akan dibelanjakan untuk tujuan ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah RM1.6 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kerajaan selama ini telah menyediakan berpuluh-puluh tabung untuk membantu IKS dan tabung-tabung tersebut dikendalikan oleh pelbagai agensi. Namun begitu, ada pihak yang mengatakan masih tidak mencukupi.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan akan mengkaji semula kemudahan yang ada bertujuan menyelaras dan memperkemaskan kemudahan dana-dana sedia ada supaya dapat memudahkan lagi penyaluran bantuan kepada IKS. Oleh sebab perkara ini telah pun dibincangkan semasa perbahasan mengenai Kementerian Perusahaan Awam, saya tidak perlu memberi penjelasan lanjut.

Projek Rintis Sekolah Bestari ini pun telah tadi menjadi satu perkara yang telah pun dibangkitkan semasa menggulung perbahasan oleh Menteri Pendidikan tadi, jadi saya hanya ingin menyatakan bahawa Projek Rintis Sekolah Bestari yang melibatkan 90 buah sekolah akan berakhir pada tahun 2002. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berhasrat akan menjadikan kesemua sekolah yang sedia ada sebagai sekolah bestari. Matlamat ini diharap dapat dicapai dengan sepenuhnya pada tahun 2010.

Berhubung dengan aplikasi perdana tele-kesihatan pula, aplikasi ini meliputi empat projek, tiap-tiap satu sedang giat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan mencadangkan supaya Jalan Sukau ke Sandakan dan Jalan Telupid di Yukon Tonggot dinaik taraf memandangkan ia menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan Kinabatangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi menaikkan taraf kedua-dua jalan tersebut telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong telah menyentuh tentang dasar penswastan. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa perkara ini sebenarnya telah saya perjelaskan semasa menggulung perbahasan mengenai Rancangan Jangka Panjang Ketiga dahulu di mana pada waktu mana saya telah menjelaskan betapa pentingnya kerajaan meneruskan dasar penswastan dan kita akan pastikan dasar penswastan ini akan menguntungkan negara. Di mana ada masalah yang berkaitan dengannya, kita akan atasi dari masa ke semasa.

Akhir sekali, ini pasal pertumbuhan Segi Tiga. Mengenai isu saluran paip gas di kawasan pembangunan Malaysia/Thailand (MPJDA) yang disalurkan melalui Thailand sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun, ingin saya jelaskan bahawa projek ini adalah projek usaha sama antara Malaysia/Thailand dan justifikasi ekonomi serta kewangan merupakan faktor utama semasa menentukan daya maju projek ini ditetapkan.

Kerajaan Pusat tidak menghantar kakitangan awam yang menentang kerajaan ke tempat-tempat tertentu, ini adalah oleh kerana mereka yang mencemarkan tempat yang bersih, yang saya tahu ada juga kerajaan parti pembangkang seperti Kerajaan Negeri Terengganu yang sering mendera kerajaan yang tidak menyokong mereka.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri ya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebelum.....

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan

Tuan Kerk Kim Hock: Sebelum akhir

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading sama dengan Kota Melaka.

Seorang Ahli: Sudah hendak habis dah.

Tuan Kerk Kim Hock:sebelum akhir

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga, Lipis ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya banyak kali menyeru supaya Yang Amat Berhormat sebagai

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka ya.

Tuan Kerk Kim Hock:Menteri Dalam Negeri menerangkan sedikit berkenaan

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Dalam Negeri telah pun dibincangkan dan telah pun dibahaskan dan telah disokong perbahasannya oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri

Tuan Kerk Kim Hock: Baik kita sama-sama tunggu sampai lewat malam

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: ...jadi saya rasa tidak perlu ditimbulkan di sini.

Tuan Kerk Kim Hock: ...boleh berikan sedikit penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock:berkenaan dengan ISA. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini sedikit sahaja. Susah hendak jumpa dia dalam Parlimen juga. Ini perkara yang serius, yang mustahak. Bilakah keluarga mangsa ISA boleh dibenarkan melawat mereka, itu satu soalan yang simple.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, terima kasih.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Simple, tidak apalah. Satu itu sahaja.

Pihak mereka telah pun mengemukakan surat rayuan kepada saya sebenarnya tadi tetapi saya di sini saya tidak dapat terima. Setiausaha saya telah pun terima surat itu dan saya akan baca dan saya tengok apa yang perlu dilakukan. Pada waktu ini saya belum pasti lagi apakah kandungan surat itu tetapi tentang penemuan ini Timbalan Menteri saya telah pun jelaskan di dalam Dewan ini juga dan pendirian saya tidak berlainan daripada yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri, Sri Gading sama Lipis.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bagi pihak Barisan Nasional mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana kita telah pun selamat membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan *[Tepuk]* yang memberikan masa depan yang baik bagi negara. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu apa persoalannya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat kerana dalam waktu perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan ada tuduhan yang berat kepada Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri dan kebetulan Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri ada di sini kerana Rantau Panjang menuduh soal hudud, pihak Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri telah berbohong.

Saya harap ini dijelaskan supaya tidak jadi modal politik PAS yang sengaja memainkan cerita hudud ini untuk memburuk-burukkan kerajaan. Ini satu tuduhan kerana mereka menuduh Setiausaha Parlimen pula berbohong tentang hudud Enakmen Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya minta kalau dapat diizinkan Setiausaha Parlimen menjawab untuk menjelaskan perkara ini kepada umum.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya pun izinkan memberi jalan kepada Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri kerana waktu ini adalah gulungan perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri. Kalau dibenarkan Setiausaha Parlimen akan menjelaskan perkara yang baru ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, khusus untuk itu sahaja, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ya. *[Tepuk]* Jangan

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya sedar bahawa dalam ucapan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pada 25 April 2001, di mana beliau telah merujuk kepada jawapan saya ketika saya menjawab soalan tambahan dari Yang Berhormat bagi Arau pada 3 April 2001 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menuduh saya membuat pembohongan terlalu besar di dalam Dewan ini sehingga bercadang membawa saya ke Privilege Committee. Dalam jawapan saya tempoh hari, saya telah menyentuh dua fasal di dalam Enakmen Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan iaitu Fasal 56 dan juga Fasal 58 yang ada di tangan saya *[Menunjukkan sebuah buku]* the full Enactment di sini.

Saya juga telah menyentuh petikan akhbar *Harakah* yang merupakan lidah rasmi PAS bertarikh 10 April 1992 dan juga 17 April 1992 - juga ada pada saya kedua-dua keratan akhbar ini *[Menunjukkan keratan akhbar]*. Saya kaitkan Fasal 56 dan Fasal 58 Enakmen tersebut dengan akhbar *Harakah* kerana kedua-duanya iaitu Enakmen Jenayah Syariah Dua dan juga *Harakah* adalah kepunyaan PAS, lebih-lebih lagi rencana yang dikeluarkan oleh *Harakah* adalah disalin daripada buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan yang telah disemak oleh Datuk Mufti Kelantan pada 1 Oktober 1991 *[Menunjukkan sebuah buku]* - juga saya ada buku bersama dengan saya hari ini.

Apabila dikaji dengan teliti, maka kita akan dapati percanggahan di antara rencana undang-undang hudud yang disia rkan dalam *Harakah* yang disalin dari buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan dengan Enakmen Jenayah Syariah Dua Negeri Kelantan.

Dalam *Harakah* bertarikh 10 April 1992 menyatakan Hudud diwajibkan juga di atas orang-orang bukan Islam tetapi dalam Fasal 56(1) menyatakan, “*tertakluk kepada subseksyen (2) Enakmen ini hendaklah terpakai ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukalaf, mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya di dalam negeri Kelantan.*”. Fasal 52 pula menyatakan, “*tidak ada apa-apa di dalam Enakmen ini yang menghalang seseorang yang bukan Islam daripada membuat pilihan*” dan seterusnya.

Daripada kedua-duanya ini jelas berlaku percanggahan di antara *Harakah* dan juga Fasal 56(1) tetapi ketika saya menjawab soalan tambahan tempoh hari, saya mengaku saya tersilap sebut di mana saya menyatakan “*Fasal 56 menyatakan, “Hukum hudud itu meliputi semua orang termasuk bukan Islam dan Harakah pula menyatakan hukuman itu hanya meliputi orang Islam sahaja.*” Ertinya tersilap sebut antara *Harakah* dan Fasal 56 tetapi faktanya itulah juga. Pokoknya ialah terbukti tidak ada kata sepakat antara Kerajaan Kelantan, Jabatan Agama Islam Kelantan dan juga *Harakah* kerana ketika *Harakah* ini diterbitkan, ianya diterbitkan sempena kempen Pilihan Raya Kecil Bukit Payung di Marang, Terengganu.

Manakala Fasal 68 Enakmen Jenayah Syariah pula mengenai kelayakan menjadi hakim di mana seseorang yang sedang atau pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Malaya atau Borneo atau Mahkamah Agung – saya pun tidak tahu mana ada Mahkamah Agung sekarang ini - atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi hakim mana-mana mahkamah tersebut adalah layak untuk menjadi hakim sedangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini yang mana Yang Berhormat hendak perbetulkan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ini dua seksyen saya hendak sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua-dua itu ia ada apa-apa

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ya, dua-dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...bercanggah dengan apa

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua, dua itu ada apa-apa bercanggah dengan apa yang Yang Berhormat cakap dahulu. Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya. Sedangkan rencana dalam Harakah yang juga disalin daripada buku Jabatan Agama Islam ini telah menggariskan 15 syarat untuk menjadi seorang hakim. Kalau kita lihat Fasal 68, 15 syarat yang digariskan itu tidak dimasukkan di dalam seksyen 68 dan kalau Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, dia telah membuat tafsiran dia sendiri, yang mengatakan bahawa di dalam seksyen 68 itu sudah tentulah mereka ini seorang lelaki Islam atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk menjadi hakim. Itu tafsiran dia.

Tetapi dalam jawapan saya tempoh hari, saya menyatakan, oleh kerana dalam seksyen 68 itu hanya menyebut bekas hakim dan juga dikuatkan lagi dengan perkataan bahawa sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi hakim, ini tafsiran saya ialah menunjukkan bahawa orang perempuan pun boleh jadi hakim kerana sekarang ini terdapat hakim wanita di Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan dan juga bukan Islam kerana tidak dijelaskan dalam Fasal 68. Ianya adalah bertentangan dengan Seksyen 41. Dalam Seksyen 41 kalau Islam, syarat-syarat menjadi hakim disebut jelas bahawa tiap-tiap orang saksi hendaklah terdiri daripada seorang lelaki Islam, disebut lelaki Islam yang akil baligh dan juga hendaklah seorang yang adil.

Begitu juga kalau kita tengok Fasal 50, dia ada sebut ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat ini, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Akhir ini. Pegawai Perubatan yang beragama Islam hendaklah dibenarkan hadir apabila sebat hendak dijalankan. Jadi, saya hendak betulkan bahawa tafsiran dan juga tuduhan yang mengatakan saya pembohong ini adalah perkara yang tidak benar. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka. Mudah-mudahan pandangan itu akan membantu bagi memajukan pelaksanaan dasar

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Pendang berdiri, ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebelum Yang Amat Berhormat menamatkan penggulungan ucapan mengenai dengan perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan, saya ingin mendapat satu penjelasan yang penting, yang juga di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Iaitu mengenai dengan kes rawatan pembedahan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim . *[Disorak]* Ini soal kemanusiaan, kalau hendak balik, balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apa hoooo, ini Parlimen. Biadap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Barangkali Yang Amat Berhormat mengetahui tentang satu surat yang dikirim kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh Persatuan Perubatan Islam Malaysia yang ditandatangani oleh Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia iaitu Dr. Musa Mohamad Nordin.

Dalam surat beliau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, *"sebagai seorang yang telah berikrar dengan ikrar perubatan, beliau menyatakan sebagai seorang pengamal perubatan muslim, saya yakin, Yang Amat Berhormat Dato' Seri iaitu Perdana Menteri turut berpegang teguh kepada nilai-nilai murni ini dan akan sentiasa memastikan ianya terpelihara.*

Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri agar menghentikan setiap kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan oleh beberapa Ahli Kabinet dan politik untuk membenarkan Yang Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim menjalani rawatan pembedahan yang terbaik dan optima."

Mengikut *recommendation* atau

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: perakuan yang dikemukakan oleh

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya, Ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: oleh Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia iaitu mencadangkan supaya pembedahan mengikut kaedah yang

disebut oleh Dr. Thomas Hoogland ini, itulah kaedah yang paling baik dengan potensi kejayaannya ialah 95% berbanding dengan pembedahan konvensional yang peratus potensi kejayaannya sekitar 80% sahaja dan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: risiko selepas pembedahan sangat rendah dan jika pembedahan itu dibuat dengan cara yang dianjurkan oleh Dr. Thomas Hoogland ini. Mengikut pandangan para peguam dari segi Akta Penjara,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, soalan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: ...tidak ada sebarang halangan terhadap banduan atau mana-mana orang yang dipenjarakan untuk mendapat rawatan mengikut pilihannya.

Dan, oleh kerana itu saya meminta satu penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah keputusan akhir yang dibuat oleh kerajaan terhadap hasrat dan keputusan yang dipilih oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk mendapat rawatan pembedahan mengikut cara yang disarankan oleh Dr. Thomas Hoogland dengan risiko yang paling rendah dan ini adalah menjadi hak kepada pesakit untuk memilih satu rawatan yang risiko negatifnya lebih rendah. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal kenyataan bahawa Menteri-menteri membuat kenyataan dengan niat jahat mengenai perkara yang berkaitan dengan penyakit yang dihadapi oleh Dato' Seri Anwar. Sebenarnya layanan yang diberi selama ini untuk keselesaiannya adalah jauh lebih daripada apa yang biasa diberikan kepada seorang banduan.

Begitu lama Dato' Seri Anwar berada di hospital dengan rawatan yang begitu baik dengan segala semua pakar, siapa juga yang peluang memberi rawatan kepadanya tidak sekali-kali dihalang pun. Yang keduanya, kita juga memberi opsiyen kepadanya untuk memilih manakah cara-caranya yang dia fikir, yang dia mahu untuk supaya sakitnya itu dapat diberi rawatan sebaik-baiknya supaya dapat sembuh.

Dan juga, kita dahulu pun tidak menyangka bahawa Dr. Hoogland tidak boleh merawat beliau, tetapi rawatan itu perlu dilakukan dalam negara kita ini, bukan di luar negara. Maka pendirian yang diambil oleh kerajaan ini bukanlah satu pendirian yang tidak berperikemanusiaan tetapi satu pendirian yang memberi seluas-luas opsiyen kepada Dato' Seri Anwar untuk membuat pilihan jika sekiranya mahu

penyakitnya itu dapat diatasi. Tetapi saya tidak menyedari dan tidak tahu adanya surat seumpama Yang Berhormat baca itu, yang telahpun dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih atas segala pandangan, mudah-mudahan Rancangan Malaysia Kelapan berjaya dilaksanakan. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Rancangan Malaysia Kelapan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

Diputuskan.

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan hingga 8 Mei 2001, hari Selasa, jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 petang.

Mac 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" ***Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)***

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" ***Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)***

" Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

" Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)

" Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

" Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

" Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A.(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)

- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (P engkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)

- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zale ha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurzi ana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid III

Bil. 24

Khamis

3 Mei 2001

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

– Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) (Halaman 23)

– Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat
(Halaman 79)

